



**MALAYSIA**

# **LAPORAN SOSIOEKONOMI NEGERI PERAK 2017**



ISSN 2600-9870



9 772600 987005

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**



# **LAPORAN SOSIOEKONOMI NEGERI PERAK 2017**

## **Pemakluman**

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day 2018 adalah "Data Berkualiti, Kehidupan Sejahtera".

Diterbitkan dan dicetak oleh:  
**Jabatan Perangkaan Malaysia**  
Blok C6, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62514 Putrajaya,  
**MALAYSIA.**

Tel. : 03-8885 7000  
Faks : 03-8888 9248  
Portal : <https://www.dosm.gov.my>  
Facebook : [www.facebook.com/StatsMalaysia](http://www.facebook.com/StatsMalaysia)  
Twitter : <https://twitter.com/StatsMalaysia>

Harga : RM 35.00

Diterbitkan pada Julai 2018

### **Hakcipta terpelihara.**

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia”.

**ISSN: 2600-9870**

## KATA PENGANTAR

Laporan Sosioekonomi Negeri Perak bagi tahun 2017 adalah julung kali diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Laporan yang diterbitkan secara tahunan ini mengandungi data Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut aktiviti ekonomi pada harga malar 2010 berdasarkan kaedah pengeluaran. Selain itu, statistik berkenaan Indeks Harga Pengguna, Pendapatan dan Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah, Penduduk serta Tenaga Buruh bagi negeri Perak turut dimuatkan di dalam laporan ini.

Penyusunan statistik di dalam laporan ini adalah berdasarkan rangka kerja manual antarabangsa antaranya *System of National Accounts 2008, Classification of Individual Consumption According to Purpose, Canberra Group Handbook on Household Income Statistics, Framework for Statistics on the Distribution of Household Income, Consumption and Wealth, Manual I - Methods of Estimating Total Population for Current Dates, The Method and Materials of Demography* dan *Surveys of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts and Methods*.

Laporan ini mengandungi empat bahagian utama. Bahagian pertama menerangkan senario ekonomi global, prestasi ekonomi Malaysia dan ringkasan penemuan prestasi ekonomi bagi setiap negeri. Bahagian kedua membentangkan penemuan prestasi ekonomi Perak, manakala perincian pertumbuhan mengikut sektor disediakan pada bahagian ketiga. Seterusnya, bahagian keempat membentangkan statistik sosial demografi seperti Penduduk, Tenaga Buruh dan Pendapatan & Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah. Sementara itu, nota teknikal, jadual perangkaan dan indikator-indikator terpilih daripada agensi-agensi lain turut dipaparkan di dalam laporan ini. Maklumat mengenai metodologi, sumber data dan glosari boleh diperolehi melalui portal Jabatan.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penyusunan laporan dan menyumbang kepada kejayaan laporan ini.

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**

Ketua Perangkawan Malaysia

Julai 2018

## SINGKATAN

2008 SNA	: <i>System of National Accounts 2008</i>
IHP	: Indeks Harga Pengguna
IHPR	: Indeks Harga Pengeluar
ILO	: <i>International Labour Organisation</i>
ISIC	: <i>International Standard Industrial Classification of All Economic Activities</i>
KDNK	: Keluaran Dalam Negeri Kasar
m.p.	: meter persegi
MSIC	: <i>Malaysia Standard Industrial Classification</i>
RM	: Ringgit Malaysia
ST	: Suku tahun
W.P.	: Wilayah Persekutuan
PNK	: Pendapatan Negara Kasar

## SIMBOL

..	: tidak dikenakan
-	: tidak tersedia
e	: anggaran
p	: permulaan
a	: nilai ditambah kurang daripada RM5 juta
&	: dan

## NOTA

Jumlah angka komponen mungkin tidak bersamaan dengan angka jumlah kecil atau jumlah besar disebabkan pembundaran.

# KANDUNGAN

Muka surat

KATA PENGANTAR	i
SINGKATAN/SIMBOL	ii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI CARTA	vii
SENARAI RAJAH	ix

## **BAB 1** PENGENALAN 1-40

Senario ekonomi global	1
Ekonomi Malaysia	5
Pertumbuhan ekonomi Malaysia 2017	5
Pertumbuhan ekonomi Malaysia suku tahun pertama 2018	15
Rencana 1: Cabaran dan gelagat pertumbuhan ekonomi Malaysia	23
Prestasi ekonomi negeri 2017	33
Pertumbuhan ekonomi mengikut negeri	33
Struktur ekonomi mengikut negeri	38
KDNK per kapita	39

## **BAB 2** PRESTASI EKONOMI PERAK 41-54

Perak sepintas lalu tahun 2017	41
Prestasi ekonomi Perak 2017	43
Indeks Harga Pengguna	47
Rencana 2: Pegganda dan struktur ekonomi Perak	48

## **BAB 3** PRESTASI MENGIKUT SEKTOR 55-70

Sektor Pertanian	55
Sektor Perlombongan dan pengkuarian	57
Sektor Pembinaan	58
Sektor Pembuatan	60
Sektor Perkhidmatan	63
Perdagangan borong dan runcit	63
Utiliti	65
Pengangkutan dan penyimpanan	66
Perkhidmatan maklumat dan komunikasi	67
Perkhidmatan perniagaan	68
Perkhidmatan pendidikan swasta	69
Perkhidmatan kesihatan swasta	69
Perkhidmatan kerajaan	70

## **BAB 4** SOSIAL DEMOGRAFI 71-90

Penduduk	71
Kelahiran	74
Kesuburan	76
Kematian	77
Jangkaan hayat	80
Tenaga buruh	82
Penduduk bekerja	82
Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran	85
Pendapatan isi rumah	86
Perbelanjaan penggunaan isi rumah	88

# KANDUNGAN

Muka surat

## **BAB 5**    **NOTA TEKNIKAL**    **91-110**

Akaun Negara	91
Indeks Harga Pengguna	96
Penduduk	97
Tenaga buruh	104
Pendapatan dan perbelanjaan penggunaan isi rumah	107

## **BAB 6**    **JADUAL PERANGKAAN**    **111- 164**

Akaun Negara	
6.1 KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, Malaysia, 2010-2017 - RM juta	111
6.2 KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, Malaysia, 2011-2017 - Perubahan peratusan tahunan	115
6.3 KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, Malaysia, 2010-2017 - Sumbangan peratusan kepada KDNK	119
6.4 KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2010, Malaysia, 2010-2017 - RM juta	123
6.5 KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2010, Malaysia, 2011-2017 - Perubahan peratusan tahunan	125
6.6 KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2010, Malaysia, 2010-2017 - Sumbangan peratusan kepada KDNK	127
6.7 KDNK pelarasan musim mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, Malaysia, ST1 2015-ST1 2018 - RM juta	129
6.8 KDNK pelarasan musim mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, Malaysia, ST1 2015-ST1 2018 - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya	129
6.9 KDNK pelarasan musim mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2010, Malaysia, ST1 2015-ST1 2018 - RM juta	130
6.10 KDNK pelarasan musim mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2010, Malaysia, ST1 2015-ST1 2018 - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya	130
6.11 KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, Malaysia, ST1 2015-ST1 2018 - RM juta	131
6.12 KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, Malaysia, ST1 2015-ST1 2018 - Perubahan peratusan dari suku tahun yang sama tahun sebelumnya	132
6.13 KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, Malaysia, ST1 2015-ST1 2018 - Peratus sumbangan kepada KDNK	133
6.14 KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2010, Malaysia, ST1 2015-ST1 2018 - RM juta	134
6.15 KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2010, Malaysia, ST1 2015-ST1 2018 - Perubahan peratusan dari suku tahun yang sama tahun sebelumnya	134
6.16 KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2010, Malaysia, ST1 2015-ST1 2018 -Peratus sumbangan kepada KDNK	135
6.17 KDNK mengikut negeri pada harga malar 2010, 2010-2017 - RM juta	136
6.18 KDNK mengikut negeri pada harga malar 2010, 2010-2017 - Perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan kepada KDNK	136
6.19 KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, 2017 - RM juta	137

# KANDUNGAN

Muka surat

6.20	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, 2017 - Perubahan peratusan tahunan	137
6.21	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, 2017 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	138
6.22	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, 2017 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	138
6.23	KDNK mengikut negeri pada harga semasa, 2010-2017 - RM juta	139
6.24	KDNK per kapita mengikut negeri pada harga semasa, 2010-2017 - RM	139
6.25	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, Perak, 2010-2017 - RM juta	140
6.26	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, Perak, 2010-2017 - Perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan kepada KDNK	140
<b>Indeks Harga Pengguna</b>		
6.27	Indeks Harga Pengguna, Malaysia, 2010-2017	141
6.28	Perubahan peratusan tahunan Indeks Harga Pengguna, Malaysia, 2011-2017	141
6.29	Indeks Harga Pengguna, Perak, 2010-2017	142
6.30	Perubahan peratusan tahunan Indeks Harga Pengguna, Perak, 2011-2017	142
<b>Pendapatan dan perbelanjaan penggunaan isi rumah</b>		
6.31	Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah mengikut negeri, Malaysia, 2014	143
6.32	Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut negeri, Malaysia, 2016	146
6.33	Pekali Gini bagi pendapatan isi rumah kasar bulanan mengikut strata dan daerah pentadbiran, Perak, 2014 dan 2016	149
6.34	Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah, purata pertumbuhan tahunan mengikut negeri, Malaysia, 2014 dan 2016	150
6.35	Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah, purata pertumbuhan tahunan mengikut strata, kumpulan etnik ketua isi rumah dan daerah pentadbiran, Perak, 2014 dan 2016	151
6.36	Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah dan purata bagi kumpulan isi rumah mengikut pendapatan dan negeri, Malaysia, 2016	152
<b>Penduduk</b>		
6.37	Siri masa anggaran penduduk pertengahan tahun mengikut negeri dan jantina, Malaysia, 2010-2017	153
6.38	Ringkasan perangkaan penting mengikut negeri, Malaysia, 2016	154
6.39	Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina dan negeri, 2011-2017	156
<b>Tenaga buruh</b>		
6.40	Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut negeri dan kumpulan umur, Malaysia, 2017	157
6.41	Penduduk bekerja mengikut negeri dan pekerjaan, Malaysia, 2017	158
6.42	Penduduk bekerja mengikut negeri dan industri, Malaysia, 2017	159
6.43	Kadar pengangguran mengikut negeri, Malaysia, 2010-2017	162

# KANDUNGAN

Muka surat

Eksport dan import	
6.44 Nilai eksport dan import mengikut negeri berdasarkan pintu keluar dan masuk, Malaysia, 2014-2017 - RM juta	163
6.45 Nilai eksport dan import mengikut pintu keluar dan masuk, Perak, 2014-2017 - RM juta	163

## BAB 7

### INDIKATOR-INDIKATOR LAIN TERPILIH 165-176

7.1 Nilai jualan mengikut bidang kraf, Perak, 2014-2017	165
7.2 Jumlah pemandu pelancong mengikut taraf kewarganegaraan, Perak, 2010-2017	165
7.3 Bilangan hotel mengikut lokasi, Perak, 2017	165
7.4 Siri masa ringkasan penawaran sedia ada bilik hotel mengikut negeri, 2010-2017	165
7.5 Ringkasan stok sedia ada, penawaran akan datang dan perancangan penawaran kediaman, kedai dan hartanah perindustrian, Perak, 2017	166
7.6 Siri masa ringkasan jumlah luas kompleks beli-belah dan pejabat tujuan khas, 2010-2012	166
7.7 Siri masa ringkasan jumlah luas kompleks beli-belah dan pejabat tujuan khas, 2013-2015	166
7.8 Siri masa ringkasan jumlah luas kompleks beli-belah dan pejabat tujuan khas, 2016-2017	167
7.9 Siri masa bilangan kes dan kadar kejadian penyakit berjangkit, Perak, 2010-2016	167
7.10 Siri masa bilangan katil rasmi di sektor awam, 2010-2016	168
7.11 Bilangan fasiliti kesihatan awam dan nisbah fasiliti kesihatan awam kepada penduduk, Perak, 2016	168
7.12 Bilangan doktor, doktor gigi, jururawat, ahli farmasi dan optometris mengikut sektor dan nisbah kepada penduduk, Perak, 2016	168
7.13 Bilangan kemasukan pesakit mengikut negeri, sektor awam, 2011-2016	169
7.14 Bilangan kemasukan pesakit mengikut negeri sektor swasta, 2011-2016	169
7.15 Statistik jumlah kemalangan mengikut negeri, 2010-2017	170
7.16 Nilai pelaburan yang diluluskan mengikut negeri, Malaysia, 2015	171
7.17 Nilai pelaburan yang diluluskan mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2015	171
7.18 Nilai pelaburan yang diluluskan mengikut negeri, Malaysia, 2016	172
7.19 Nilai pelaburan yang diluluskan mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2016	172
7.20 Nilai pelaburan yang diluluskan mengikut negeri, Malaysia, 2017	173
7.21 Nilai pelaburan yang diluluskan mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2017	173
7.22 Nilai pelaburan yang diluluskan mengikut industri, Perak, 2015-2017	174
7.23 Nilai pelaburan diluluskan dengan penyertaan asing mengikut negara, Perak, 2015-2017	176

## SENARAI JADUAL

	Muka surat	
1.1	Perubahan peratusan tahunan KDNK bagi negara terpilih, 2011-2017	2
1.2	Penduduk mengikut sebab-sebab tidak mencari pekerjaan, Malaysia, 2016 dan 2017	14
1.3	Perubahan peratusan KDNK suku tahunan bagi negara terpilih	22
1a	Pertumbuhan KDNK benar pada fasa pengembangan dan penguncupan ekonomi	24
1b	Prestasi AAJP mengikut negeri, 2005-2017	27
1.4	Perubahan peratusan mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi, 2017	34
1.5	KDNK per kapita mengikut negeri, 2016-2017 pada harga semasa - RM	39
2a	Peratus sumbangan negeri kepada ekonomi Malaysia, 2010-2017	48
2b	Peratus sumbangan mengikut sektor ekonomi, Perak, 2010-2017	49
3.1	Prestasi sektor Pertanian, Perak, 2016-2017	55
3.2	Statistik industri kelapa sawit, Perak, 2016-2017	56
3.3	Nilai pelaburan yang diluluskan mengikut industri, Perak, 2017 - RM juta	62
3.4	Prestasi sektor Perkhidmatan, Perak, 2016-2017	63
3.5	Peratus sumbangan perkhidmatan pendidikan swasta, Perak, 2017	69
3.6	Lima sebab utama kemasukan pesakit di hospital swasta	70
4.1	Penduduk dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Perak, 2010-2017	71
4.2	Struktur umur penduduk, Perak, 2010-2017	71
4.3	Nisbah tanggungan, Perak, 2010-2017	72
4.4	Penduduk mengikut kumpulan etnik, Perak, 2010-2017	72
4.5	Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik, Perak, 2010-2016 (bagi setiap 1,000 penduduk)	74
4.6	Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, Perak, 2010-2016 (setiap seorang perempuan berumur 15-49 tahun)	76
4.7	Bilangan kematian, Perak, 2010-2016	77
4.8	Kadar kematian kasar mengikut etnik, Perak, 2010-2016	78
4.9	Penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan, Perak, 2010-2017	83
4.10	Penduduk bekerja mengikut sektor, Perak, 2010-2017	84

## SENARAI CARTA

1.1	KDNK - Nilai ditambah dan perubahan peratusan tahunan, 2010-2017	6
1.2	KDNK - Sumbangan peratusan tahun 2017 pada harga malar 2010	6
1.3	Perkhidmatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2010-2017 dan sumbangan peratusan tahun 2017 pada harga malar 2010	7
1.4	Pembuatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2010-2017 dan sumbangan peratusan tahun 2017 pada harga malar 2010	7
1.5	Pertanian - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2010-2017 dan sumbangan peratusan tahun 2017 pada harga malar 2010	8
1.6	Pembinaan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2010-2017 dan sumbangan peratusan tahun 2017 pada harga malar 2010	9

	Muka surat
1.7 Perlombongan dan pengkuarian - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2010-2017 dan sumbangan peratusan tahun 2017 pada harga malar 2010	9
1.8 Perbelanjaan penggunaan akhir swasta - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2010-2017 dan sumbangan peratusan tahun 2017 pada harga malar 2010	10
1.9 PMTK - Perubahan peratusan tahunan 2011-2017 dan sumbangan peratusan tahun 2017 pada harga malar 2010	11
1.10 Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2010-2017 dan sumbangan peratusan tahun 2017 pada harga malar 2010	11
1.11 Eksport - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2010-2017 dan sumbangan peratusan tahun 2017 pada harga malar 2010	12
1.12 Import - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2010-2017 dan sumbangan peratusan tahun 2017 pada harga malar 2010	12
1.13 KDNK - Nilai ditambah dan perubahan peratusan tahunan	15
1.14 KDNK pelarasan musim - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya	15
1.15 Perkhidmatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2010	16
1.16 Pembuatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2010	17
1.17 Pembinaan - Nilai ditambah dan perubahan peratusan tahunan	18
1.18 Pertanian - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2010	18
1.19 Perlombongan dan pengkuarian - Nilai ditambah dan perubahan peratusan tahunan	19
1.20 Perbelanjaan penggunaan akhir - Nilai, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2010	20
1.21 PMTK dan komponen - Perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2010	20
1.22 Eksport dan import - Perubahan peratusan tahunan pada harga malar 2010	21
1a KDNK suku tahunan Malaysia pada harga malar 2010, RM juta, 1978-2017	23
1b AAJP dan kitaran pertumbuhan KDNK suku tahun, ST1:05-ST4:17	26
1c Kitaran pertumbuhan indeks komposit pelopor bulanan, Januari 2008-Disember 2017	27
1.23 Pertumbuhan ekonomi dan peratus sumbangan mengikut negeri, 2017	33
1.24 Peratus sumbangan aktiviti ekonomi mengikut negeri, 2017	39
2.1 Nilai dan kadar pertumbuhan KDNK, Perak, 2010-2017	43
2.2 Nilai ditambah dan peratus sumbangan mengikut sektor, Perak, 2017	44
2.3 Kadar pertumbuhan mengikut sektor, Perak, 2016-2017	45
2.4 Perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna, Perak, 2016-2017	47
2.5 Perubahan tahunan, Perak & Malaysia, 2011-2017	47
2.6 Perubahan tahunan, Zon Utara, 2011-2017	47
2a Pengganda ekonomi Malaysia 2010 dan sumbangan sektor Pertanian, Perlombongan & pengkuarian dan Pembinaan, Perak, 2017	50
2b Pengganda ekonomi Malaysia 2010 dan sumbangan sektor Pembuatan, Perak, 2017	51

## SENARAI CARTA

	Muka surat
2c Pengganda ekonomi Malaysia 2010 dan sumbangan sektor Perkhidmatan, Perak, 2017	52
3.1 Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, Perak, 2010-2017	57
3.2 Peratus sumbangan sektor Pembinaan, Perak, 2017	58
3.3 Peratus sumbangan sektor Pembuatan, Perak, 2017	60
3.4 Peratus sumbangan subsektor perdagangan borong dan runcit, Perak, 2017	63
3.5 Peratus sumbangan subsektor pengangkutan dan penyimpanan, Perak, 2017	66
3.6 Kadar penembusan jalur lebar bagi 100 penduduk, Perak, 2014-2017	68
4.1 Penduduk mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2016-2017	73
4.2 Penduduk mengikut jantina dan daerah pentadbiran, Perak, 2016-2017 ('000)	73
4.3 Kadar kelahiran kasar, Perak, 2010-2016	74
4.4 Bilangan dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2016 (bagi setiap 1,000 penduduk)	75
4.5 Kadar kesuburan jumlah, Perak, 2010-2016	76
4.6 Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Perak, 2010-2016	77
4.7 Kadar kematian bayi, Perak, 2010-2016	77
4.8 Nisbah mortaliti ibu bersalin, Perak, 2010-2016	78
4.9 Bilangan dan kadar kematian mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2016	79
4.10 Tenaga buruh dan penduduk bekerja, Perak, 2010-2017	82
4.11 KPTB dan kadar pengangguran, Perak, 2010-2017	85
4.12 Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah dan purata pertumbuhan tahunan mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2014 dan 2016	86
4.13 Pekali Gini, Perak, 2014 dan 2016	87
4.14 Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah, Perak, 2014 dan 2016	88

## SENARAI RAJAH

4.1 Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina, Perak, 2010-2017	80
4.2 Jangkaan hayat pada umur 15 tahun mengikut jantina, Perak, 2010-2017	80
4.3 Jangkaan hayat pada umur 65 tahun mengikut jantina, Perak, 2010-2017	81

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

# 2017

## PERAK

### Senario ekonomi global

#### Ekonomi Malaysia

- Pertumbuhan ekonomi Malaysia 2017
- Pertumbuhan ekonomi Malaysia suku tahun pertama 2018
- Rencana 1: Cabaran dan gelagat pertumbuhan ekonomi Malaysia

#### Prestasi ekonomi negeri 2017

- Pertumbuhan ekonomi mengikut negeri
- Struktur ekonomi mengikut negeri
- KDNK per kapita

### BAB 1: PENGENALAN





# SENARIO EKONOMI GLOBAL

## Pertumbuhan dunia yang lebih kukuh

Ekonomi global terus mengukuh dan bertumbuh 3.8 peratus pada tahun 2017 iaitu pertumbuhan tertinggi sejak tahun 2011. Pengukuhan pertumbuhan ekonomi dunia ini disokong oleh kadar pertumbuhan yang memberangsangkan di kebanyakan ekonomi Negara Maju, Kesatuan Eropah, Negara Pasaran Baru Muncul serta ASEAN yang secara keseluruhan menunjukkan peningkatan ketara berbanding tahun sebelumnya (Jadual 1.1).

Ekonomi Amerika Syarikat (AS) berkembang sebanyak 2.3 peratus (2016: 1.5%), Jepun mengukuh kepada 1.7 peratus (2016: 1.0%), Korea Selatan meningkat 3.1 peratus (2016: 2.9%), China bertumbuh kepada 6.9 peratus (2016: 6.7%) serta ekonomi Singapura yang mengukuh kepada 3.6 peratus (2016: 2.4%).

Mengikut Laporan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), pengukuhan ekonomi dunia bagi tahun 2017 disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh di kebanyakan ekonomi

dunia. Di AS misalnya, pertumbuhan ekonomi didorong terutamanya oleh perbelanjaan pengguna yang semakin pulih ekoran daripada sentimen pengguna yang lebih positif.

**Kadar pertumbuhan KDNK terus berkembang pada tahun 2017**

## Pelaburan dan produktiviti guna tenaga global kembali pulih

Menurut laporan Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), pelaburan global kembali pulih dan menyumbang 60.0 peratus kepada peningkatan aktiviti ekonomi dunia pada tahun 2017. Malah pengukuhan pelaburan di negara maju sebahagian besarnya didorong oleh pelaburan produktif dalam industri perumahan serta pelaburan dalam jentera dan peralatan.

Pertumbuhan produktiviti guna tenaga global juga mengukuh seiring dengan peningkatan pertumbuhan ekonomi global. Laporan PBB menjelaskan pertumbuhan produktiviti guna tenaga global telah meningkat kepada 1.9 peratus pada tahun 2017 (2016: 1.3%). Walau bagaimanapun, kadar peningkatan ini masih rendah berbanding

dengan purata pertumbuhan produktiviti guna tenaga dunia sebanyak 2.1 peratus antara tahun 1990 hingga 2015.



### Peningkatan aliran perdagangan ekonomi dunia

Aliran perdagangan ekonomi dunia juga menunjukkan pemulihan pada tahun 2017 dengan bertumbuh sebanyak 4.2 peratus berbanding dengan

pertumbuhan 2.2 peratus dalam tempoh pasca krisis. Ini adalah kesan daripada peningkatan output industri global ekoran daripada permintaan eksport yang lebih tinggi dan peningkatan harga komoditi terutamanya minyak mentah dan logam. Di rantau Asia, peningkatan perdagangan didorong oleh permintaan yang lebih kukuh terhadap produk elektrik dan elektronik (E&E), terutamanya semikonduktor yang digunakan dalam cip memori untuk telefon pintar dan komputer peribadi. Ini berikutan beberapa negara di rantau ini yang mendapat pendedahan daripada kitaran teknologi global.

**Perdagangan global** mencatatkan **peningkatan** pada tahun 2017

Jadual 1.1: Perubahan peratusan tahunan KDNK bagi negara terpilih, 2011-2017

NEGARA	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017
Ekonomi Dunia	4.3	3.5	3.5	3.6	3.5	3.2	3.8
Negara Maju	1.7	1.2	1.3	2.1	2.3	1.7	2.3
Kesatuan Eropah 28	1.7	-0.4	0.3	1.8	2.3	2.0	2.5
Negara Membangun	7.9	7.0	6.9	6.8	6.8	6.5	6.5
ASEAN-5	4.7	6.2	5.1	4.6	4.9	5.0	5.3
Amerika Syarikat	1.6	2.2	1.7	2.6	2.9	1.5	2.3
Jepun	-0.1	1.5	2.0	0.4	1.4	1.0	1.7
Korea Selatan	3.7	2.3	2.9	3.3	2.8	2.9	3.1
Taiwan	3.8	2.1	2.2	4.0	0.8	1.4	2.9
Singapura	6.4	4.1	5.1	3.9	2.2	2.4	3.6
China	9.5	7.9	7.8	7.3	6.9	6.7	6.9
Thailand	0.8	7.2	2.7	1.0	3.0	3.3	3.9
Filipina	3.7	6.7	7.1	6.1	6.1	6.9	6.7
Indonesia	6.2	6.0	5.6	5.0	4.9	5.0	5.1
<b>Malaysia</b>	<b>5.3</b>	<b>5.5</b>	<b>4.7</b>	<b>6.0</b>	<b>5.1</b>	<b>4.2</b>	<b>5.9</b>

Sumber: Pangkalan data Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

Sementara itu, permintaan dalam negeri terus menjadi tunjang pertumbuhan bagi kebanyakan negara di Asia. Di Republik Rakyat (RR) China, pembaharuan struktur ekonomi terus dilaksanakan untuk mengimbangi semula ekonomi ke arah model pertumbuhan yang diterajui oleh penggunaan. Di rantau ASEAN, pemacu utama pertumbuhan didorong oleh perbelanjaan infrastruktur yang lebih tinggi oleh sektor awam dan swasta. Negara-negara di rantau ini giat mempertingkatkan mobiliti luar bandar dan bandar melalui jaringan pengangkutan bagi meneruskan pembangunan ekonomi. Selain itu, pencetus tambahan kepada permintaan dalam negeri di Asia turut dipengaruhi oleh sokongan fiskal, ditambah dengan langkah-langkah yang besar oleh kerajaan untuk menyokong aktiviti ekonomi isi rumah yang berpendapatan rendah.

### **Kadar inflasi global meningkat**

Tahun 2017 menyaksikan kadar inflasi global meningkat lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya didorong oleh permintaan global yang semakin positif dan pemulihan harga komoditi yang dicatatkan pada separuh tahun

kedua 2017. Walau bagaimanapun, di kebanyakan negara kadar inflasi teras kekal rendah.

**Kadar inflasi**  
teras **kekal rendah**  
di kebanyakan negara  
pada tahun **2017**

Peningkatan pengeluaran syal di AS yang melebihi jangkaan serta pengeluaran makanan pertanian yang lebih tinggi telah mendorong kepada penurunan harga komoditi. Pada separuh pertama tahun 2017, arah aliran indeks harga komoditi IMF telah menurun. Namun, indeks ini kembali kepada arah aliran menaik pada separuh tahun kedua berikutan kenaikan indeks minyak mentah. Harga minyak mentah Brent merekodkan nilai melebihi USD60 setong, iaitu harga tertinggi dalam tempoh dua tahun.

Harga komoditi pertanian termasuk makanan turut meningkat pada tahun 2017 mencerminkan permintaan dunia yang lebih memberangsangkan. Selain itu, harga logam seperti tembaga, besi dan zink juga bertambah baik, disokong oleh permintaan global yang kukuh.

Pemulihan harga komoditi pada tahun 2017 menyumbang kepada inflasi keseluruhan yang lebih tinggi bagi ekonomi maju, dengan kadar purata 1.9 peratus pada tahun 2017 (2016: 0.8%). Namun begitu, keadaan inflasi teras masih rendah dan beberapa penjelasan telah diberikan bagi menggambarkan persekitaran ini.

Antara faktor yang mempengaruhi keadaan ini ialah meningkatnya pengaruh produk, pekerja dan pasaran modal global yang lebih bersepadu, kadar upah yang terkesan daripada pertumbuhan produktiviti pekerja serta peranan teknologi dalam meningkatkan kecekapan sambil menurunkan kos barangan.



**Inflasi meningkat 1.9%** berbanding **0.1%** pada tahun 2016 dipengaruhi **pemulihan harga komoditi**



## EKONOMI MALAYSIA

Kemampuan ekonomi Malaysia dicerminkan melalui prestasi yang memberangsangkan pada tahun 2017. Seajar dengan pengembangan ekonomi di peringkat global, ekonomi Malaysia mencatatkan pengukuhan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) kepada 5.9 peratus berbanding 4.2 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi kukuh ini diterajui oleh pengembangan pada perbelanjaan swasta dan awam. Pemulihan global yang dilihat menerusi pertumbuhan pesat bagi jumlah eksport kasar memberi reaksi positif kepada ekonomi Malaysia di samping memperkukuh permintaan dalam negeri.

**Malaysia** merekodkan prestasi **kukuh** disokong oleh **permintaan dalam negeri**

Peningkatan sektor luaran didorong oleh pengukuhan eksport barangan E&E terutamanya peranti semikonduktor yang telah merekodkan pertumbuhan dua angka berbanding tahun 2016. Pada masa yang sama, eksport komoditi turut meningkat dengan mencatatkan pertumbuhan positif yang kukuh, disokong

oleh pemulihan harga komoditi utama. Secara keseluruhannya, eksport kasar melonjak sebanyak 18.9 peratus berbanding 1.2 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan kukuh ini antara lain disokong oleh kerancakan pertumbuhan perdagangan dengan RR China, ASEAN, Kesatuan Eropah, AS dan Jepun.


### PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA 2017

Pada tahun 2017, prestasi ekonomi Malaysia mengukuh kepada 5.9 peratus (2016: 4.2%) dengan mencatatkan KDNK bernilai RM1.17 trilion pada harga malar seperti pada Carta 1.1.

Sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pertanian menyumbang 85.6 peratus (Carta 1.2) dan merupakan pendorong utama dalam memacu momentum pertumbuhan ekonomi pada tahun 2017. Permintaan domestik merangkumi 92.2 peratus daripada jumlah perbelanjaan dan diterajui oleh perbelanjaan penggunaan akhir swasta.


Jumlah keseluruhan KDNK Malaysia pada harga semasa bagi tahun 2017 bernilai RM1.35 trilion dan Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita sebanyak RM41,093 (2016: RM37,822).

**Carta 1.1 KDNK - Nilai ditambah dan perubahan peratusan tahunan, 2010-2017**



**Carta 1.2 KDNK - Sumbangan peratusan tahun 2017 pada harga malar 2010**

Nilai pada harga malar: RM1,174.3 bilion




### Perkhidmatan

Sektor Perkhidmatan terus meningkat kepada 6.2 peratus berbanding 5.7 peratus pada tahun sebelumnya (Carta 1.3). Prestasi ini disokong oleh perdagangan borong & runcit (7.1%) terutamanya segmen runcit telah menokok kepada 9.4 peratus berbanding 7.1 peratus pada tahun 2016. Maklumat dan komunikasi kekal menggalakkan

pada tahun 2017 dengan mencatatkan pertumbuhan 8.4 peratus (2016: 8.1%) dirangsang oleh komunikasi data dan perkhidmatan komputer. Selain itu, kewangan & insurans dan perkhidmatan perniagaan masing-masing meningkat kepada 4.6 peratus dan 8.6 peratus juga telah menyokong prestasi sektor Perkhidmatan.

**Carta 1.3 Perkhidmatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2010-2017 dan sumbangan peratusan tahun 2017 pada harga malar 2010**




### Pembuatan

Sektor Pembuatan merekodkan pertumbuhan kukuh 6.0 peratus (2016: 4.4%) seperti yang dipaparkan pada Carta 1.4. Produk elektrik, elektronik dan optikal menyumbang sebanyak 27.9 peratus kepada sektor ini, bertumbuh sebanyak 8.0 peratus (2016: 7.2%) kesan daripada permintaan luaran yang kukuh. Produk petroleum, kimia, getah dan plastik mencatatkan

pertumbuhan 4.1 peratus, disokong oleh produk petroleum bertapis dan bahan kimia & produk kimia. Pertumbuhan dua angka bagi minyak & lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan sebanyak 10.1 peratus telah mempengaruhi prestasi sektor ini. Ini adalah disebabkan oleh pemulihan dalam minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan yang merekodkan pertumbuhan kukuh pada 17.5 peratus.

**Carta 1.4 Pembuatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2010-2017 dan sumbangan peratusan tahun 2017 pada harga malar 2010**



### Pertanian


Sektor Pertanian melonjak kepada 7.2 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan negatif 5.2 peratus pada tahun sebelumnya (Carta 1.5). Momentum pemulihan ini didorong oleh subsektor kelapa sawit dan getah yang masing-masing meningkat kepada 16.0 peratus (2016: -12.7%) dan 9.3 peratus (2016: -6.3%). Pertumbuhan sektor ini juga diperkukuhkan oleh peningkatan pertumbuhan oleh ternakan pada 5.3 peratus.

### Pembinaan

Sektor Pembinaan bertumbuh kepada 6.7 peratus daripada 7.4 peratus pada tahun 2016 seperti dipaparkan oleh Carta 1.6.

Kejuruteraan awam merupakan penyumbang utama kepada sektor Pembinaan dengan pertumbuhan dua angka 13.7 peratus (2016: 15.7%). Sementara itu, aktiviti pembinaan pertukangan khas mencatatkan pertumbuhan 7.6 peratus berbanding

**Carta 1.5 Pertanian - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2010-2017 dan sumbangan peratusan tahun 2017 pada harga malar 2010**




Walau bagaimanapun, perhutanan dan pembalakan kekal perlahan bagi tiga tahun berturut-turut dengan mencatatkan pertumbuhan negatif 15.7 peratus (2016: -3.0%).

6.1 peratus pada tahun sebelumnya. Gabungan sumbangan bagi kejuruteraan awam dan aktiviti pembinaan pertukangan khas menyumbang 50.1 peratus kepada sektor ini. Di samping itu, bangunan bukan kediaman pulih kepada pertumbuhan 2.1 peratus daripada negatif 1.1 peratus pada tahun 2016.

**Sektor Pertanian melonjak 7.2% pada tahun 2017**

**Carta 1.6** Pembinaan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2010-2017 dan sumbangan peratusan tahun 2017 pada harga malar 2010




### Perlombongan dan pengkuarian

Sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan pertumbuhan 1.0 peratus (2016: 2.1%) seperti dipaparkan oleh Carta 1.7. Pertumbuhan positif ini disokong oleh peningkatan pertumbuhan gas asli sebanyak 4.0 peratus (2016: 3.0%). Walau bagaimanapun, minyak mentah & kondensat kekal lemah dengan mencatatkan pertumbuhan negatif 2.7 peratus (2016: 0.6%).



**Carta 1.7** Perlombongan dan pengkuarian - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2010-2017 dan sumbangan peratusan tahun 2017 pada harga malar 2010




### Perbelanjaan penggunaan akhir swasta

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta berkembang kepada 7.0 peratus daripada 6.0 peratus pada tahun sebelumnya seperti yang ditunjukkan oleh Carta 1.8. Prestasi yang lebih baik didorong oleh makanan & minuman bukan alkohol, pengangkutan & komunikasi dan perumahan & utiliti.

### Pembentukan modal tetap kasar

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) meningkat kepada 6.2 peratus daripada 2.7 peratus pada tahun sebelumnya (Carta 1.9). Pengembangan dalam PMTK didorong oleh jentera & peralatan yang meningkat kepada pertumbuhan dua angka 11.3 peratus daripada 1.1 peratus pada tahun 2016.


**Carta 1.8 Perbelanjaan penggunaan akhir swasta - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2010-2017 dan sumbangan peratusan tahun 2017 pada harga malar 2010**



Perbelanjaan pengguna ke atas perkhidmatan menyumbang 50.7 peratus (sumbangan 2016: 50.2%), manakala perbelanjaan ke atas barangan menyumbang 49.3 peratus. Penggunaan ke atas barangan tidak tahan lama dan barang tahan lama masing-masing menyumbang 73.2 peratus dan 15.3 peratus.

Sementara itu, struktur bertumbuh sederhana kepada 4.0 peratus selari dengan prestasi sektor Pembinaan. Sektor swasta (sumbangan: 68.4%) berkembang kepada 9.3 peratus yang memacu momentum PMTK. Sektor awam juga meningkat kepada pertumbuhan marginal 0.1 peratus daripada negatif 0.5 peratus pada tahun sebelumnya.

**Carta 1.9 PMTK - Perubahan peratusan tahunan 2011-2017 dan sumbangan peratusan tahun 2017 pada harga malar 2010**




### Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan bertumbuh pada 5.4 peratus berbanding 0.9 peratus pada tahun sebelumnya (Carta 1.10). Pertumbuhan oleh perbelanjaan ke atas kesihatan, perkhidmatan awam dan pendidikan telah merangsang keseluruhan perbelanjaan kerajaan.



**Carta 1.10 Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2010-2017 dan sumbangan peratusan tahun 2017 pada harga malar 2010**




## Eksport dan import

Pertumbuhan eksport meningkat kepada 9.4 peratus berbanding 1.3 peratus pada tahun sebelumnya (Carta 1.11). Momentum pertumbuhan ini disumbangkan oleh pertumbuhan dua angka bagi eksport barangan kepada 10.3 peratus (2016: 0.6%). Sumbangan eksport barangan meningkat 84.0 peratus daripada 83.3 peratus pada tahun sebelumnya.


Sementara itu, eksport perkhidmatan bertumbuh kepada 4.5 peratus daripada 5.1 peratus pada tahun 2016.

Import menokok kepada 10.9 peratus (2016: 1.3%) seperti dipaparkan oleh Carta 1.12. Import barangan dan perkhidmatan masing-masing merekodkan pertumbuhan 12.3 peratus dan 5.8 peratus. Dari segi sumbangan, import barangan berjumlah 79.8 peratus daripada jumlah import keseluruhan.

**Carta 1.11 Eksport - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2010-2017 dan sumbangan peratusan tahun 2017 pada harga malar 2010**



**Carta 1.12 Import - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2010-2017 dan sumbangan peratusan tahun 2017 pada harga malar 2010**



## Inflasi

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat kepada 3.7 peratus pada tahun 2017 (2016: 2.1%). Desakan inflasi ini didorong oleh kenaikan indeks kumpulan makanan & minuman bukan alkohol yang berkembang kepada 4.0 peratus. Peningkatan ini ialah disebabkan kenaikan indeks makanan di luar rumah (4.8%) dan makanan di rumah (3.7%). Sementara itu, indeks kopi, teh, koko dan minuman bukan alkohol turun 0.3 peratus. Antara subkumpulan makanan di rumah yang mengalami kenaikan signifikan dalam tempoh ini ialah minyak & lemak (13.3%), ikan & makanan laut (6.7%), sayur-sayuran (4.0%), buah-buahan (3.4%) dan daging (3.1%). Kumpulan utama lain yang menyumbang kepada kenaikan IHP dalam tahun 2017 adalah pengangkutan (13.2%), kesihatan (2.5%), restoran & hotel (2.5%), dan perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (2.2%).

## Pasaran tenaga buruh

Tenaga buruh Malaysia meningkat 2.0 peratus kepada hampir 15.0 juta orang pada tahun 2017 berbanding 14.7 juta orang pada tahun 2016. Peningkatan tenaga buruh ini disumbangkan oleh penduduk bekerja seramai 286,300 orang. Sementara itu,

kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) pada tahun 2017 meningkat 0.3 mata peratus kepada 68.0 peratus berbanding 67.7 peratus pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran masih juga stabil pada 3.4 peratus pada tahun 2017. Senario kadar pengangguran di bawah 4.0 peratus menunjukkan ekonomi negara kekal beroperasi dalam keadaan guna tenaga penuh seperti yang ditakrifkan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).

KPTB perempuan naik 0.4 mata peratus kepada 54.7 peratus pada tahun 2017. Penyertaan perempuan dalam pasaran buruh bagi kumpulan umur iaitu 25-34 tahun (74.0%), 35-44 tahun (67.5%) dan 45-54 tahun (57.1%) adalah lebih tinggi berbanding KPTB perempuan di peringkat nasional. Penyertaan tenaga buruh lelaki pula ialah 80.1 peratus pada tahun 2017, menurun 0.1 mata peratus berbanding tahun sebelumnya. KPTB kumpulan umur 55-64 tahun mencatatkan penurunan tertinggi iaitu 1.0 mata peratus kepada 65.8 peratus. Namun begitu, kumpulan umur 25-34 tahun mencatatkan peningkatan 0.4 mata peratus. Secara keseluruhannya, KPTB lelaki masih lebih tinggi berbanding perempuan bagi semua kumpulan umur.

## Luar tenaga buruh

Pada tahun 2017, sebab utama tidak mencari kerja dalam kalangan penduduk luar tenaga buruh adalah kerana masih belajar (42.7%). Kumpulan ini merupakan penduduk yang berpotensi menyertai pasaran buruh selepas menamatkan pelajaran. Sementara itu, hampir 41.0 peratus penduduk di luar tenaga buruh tidak mencari kerja adalah disebabkan untuk memberi tumpuan kepada kerja rumah/tanggungjawab kepada keluarga.

**Jadual 1.2: Penduduk mengikut sebab-sebab tidak mencari pekerjaan, Malaysia, 2016-2017**

Sebab-sebab tidak mencari pekerjaan	('000)	
	2016	2017
<b>Jumlah</b>	<b>6,987.6</b>	<b>7,042.9</b>
Masih belajar	3,002.8	3,008.8
Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga	2,906.5	2,905.0
Akan melanjutkan pelajaran	155.3	153.3
Hilang upaya	274.1	303.2
Tidak minat	88.2	84.1
Sudah bersara	560.7	597.7




### PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA SUKU TAHUN PERTAMA 2018


Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan pada suku tahun pertama 2018 sebanyak 5.4 peratus (ST4 2017: 5.9%) seperti yang ditunjukkan pada Carta 1.13. KDNK terlaras musim suku tahun ke suku tahun bertumbuh 1.4 peratus (Carta 1.14).

Semua sektor mencatatkan pertumbuhan positif dengan pemulihan terhadap sektor Perlombongan dan pengkuarian. Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan kekal sebagai pemacu kepada pertumbuhan pada suku pertama tahun 2018. Sementara itu, perbelanjaan penggunaan akhir swasta kekal sebagai pendorong utama bagi kaedah perbelanjaan. Dalam tempoh ini,

**Carta 1.13 KDNK - Nilai ditambah dan perubahan peratusan tahunan**



**Carta 1.14 KDNK pelarasan musim - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya**



KDNK mencatatkan nilai RM295.3 bilion pada harga malar dan RM343.2 bilion pada harga semasa.

### Perkhidmatan

Sektor Perkhidmatan bertumbuh kepada 6.5 peratus daripada 6.2 peratus pada suku tahun sebelumnya seperti yang ditunjukkan oleh Carta 1.15. Pertumbuhan terlaras musim bagi suku tahun ke suku tahun sektor Perkhidmatan menokok 1.9 peratus (ST4 2017: 1.0%).

Subsektor perdagangan borong & runcit, kewangan & insurans serta maklumat dan komunikasi merupakan penyumbang kepada pertumbuhan terhadap sektor Perkhidmatan pada suku tahun ini. Perdagangan borong & runcit bertumbuh sebanyak 6.8 peratus disokong oleh segmen borong. Sementara itu, subsektor kewangan & insurans melonjak kepada 7.5 peratus, pertumbuhan paling kukuh

sejak ST4 2012 disumbangkan oleh kedua-dua subsektor kewangan dan insurans yang masing-masing berkembang kepada 6.7 peratus (ST4 2017: 5.0%) dan 9.8 peratus (ST4 2017: 7.8%).


Selain itu, maklumat dan komunikasi meningkat kepada 8.3 peratus (ST4 2017: 8.1%) telah mendorong peningkatan momentum dalam sektor Perkhidmatan.

### Pembuatan


Sektor Pembuatan terus menunjukkan momentum positif walaupun pada kadar sederhana 5.3 peratus berbanding 5.4 peratus pada suku tahun sebelumnya (Carta 1.16). Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor ini bertumbuh kepada 1.3 peratus.

Sektor Pembuatan diterajui oleh momentum pertumbuhan yang stabil

**Carta 1.15 Perkhidmatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2010**



**Carta 1.16** Pembuatan - Nilai ditambah, perubahan peratus tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2010




dalam produk elektrik, elektronik & optikal pada kadar 6.0 peratus berbanding dengan suku tahun keempat dengan pertumbuhan 5.7 peratus. Selain itu, produk petroleum, kimia, getah & plastik meningkat kepada 5.0 peratus (ST4 2017: 4.5%) didorong oleh produk petroleum bertapis dan bahan kimia & produk kimia. Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka meningkat 5.1 peratus (ST4 2017: 4.8%) disumbangkan oleh pertumbuhan positif yang lebih tinggi bagi produk bukan logam dan produk logam asas. Walau bagaimanapun, subsektor peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan serta minyak dan lemak sayuran & haiwan dan prosesan makanan masing-masing bertumbuh sederhana kepada 3.3 peratus dan 9.1 peratus.

### Pembinaan

Pada suku tahun ini, sektor Pembinaan bertumbuh 4.9 peratus (ST4 2017: 5.9%) seperti yang ditunjukkan oleh Carta 1.17, manakala pertumbuhan suku tahun ke suku tahun terlaras musim telah meningkat 1.5 peratus daripada 0.5 peratus. Kejuruteraan awam mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan 15.4 peratus, pertumbuhan tertinggi sejak suku tahun keempat 2016. Momentum kukuh ini dipacu oleh projek berkaitan pengangkutan dan utiliti. Aktiviti pembinaan pertukangan khas merekodkan pertumbuhan 7.3 peratus daripada 8.6 peratus pada suku tahun sebelumnya.

**Carta 1.17** Pembinaan - Nilai ditambah dan perubahan peratus tahunan




**Pertanian**


Sektor Pertanian bertumbuh sederhana kepada 2.8 peratus berbanding 10.7 peratus pada suku tahun sebelumnya seperti yang ditunjukkan oleh Carta 1.18. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor ini bertumbuh marginal pada 0.8 peratus (ST4 2017: 6.1%).

Pertumbuhan sederhana sektor Pertanian adalah disebabkan oleh penurunan dalam subsektor getah, perhutanan & pembalakan dan perikanan. Walau bagaimanapun, subsektor kelapa sawit mengekalkan pertumbuhan dua angka bagi enam suku tahun berturut-turut dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 12.5 peratus pada suku pertama 2018.

**Carta 1.18** Pertanian - Nilai ditambah, perubahan peratus tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2010



Carta 1.19 Perlombongan dan pengkuarian - Nilai ditambah dan perubahan peratus tahunan



## Perlombongan dan pengkuarian

Sektor Perlombongan dan pengkuarian bertumbuh pada kadar marginal 0.1 peratus, pulih daripada pertumbuhan negatif 0.3 peratus pada suku keempat 2017 (Carta 1.19). Sektor ini menguncup 1.6 peratus (ST4 2017: -1.9%) berdasarkan pelarasan musim suku tahun ke suku tahun. Pertumbuhan pada suku tahun ini adalah kesan daripada peningkatan pengeluaran minyak mentah. Momentum positif dalam perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan juga telah mendorong pertumbuhan Perlombongan dan pengkuarian secara keseluruhannya.


## Perbelanjaan penggunaan akhir

Perbelanjaan penggunaan akhir mencatatkan pertumbuhan pada 5.7 peratus seperti yang dipaparkan oleh Carta 1.20.

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta bertumbuh 6.9 peratus (ST4 2017: 7.0%), manakala bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun meningkat 2.0 peratus. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh penggunaan ke atas makanan & minuman bukan alkohol, komunikasi, restoran & hotel dan perumahan & utiliti.

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan bertumbuh pada kadar marginal 0.4 peratus (ST4 2017: 6.8%) disebabkan oleh pengurangan perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan kembali pulih kepada pertumbuhan sebanyak 5.0 peratus (ST4 2017: -2.1%).

**Carta 1.20** Perbelanjaan penggunaan akhir - Nilai, perubahan peratus tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2010



### Pembentukan modal tetap kasar


Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) menyederhana kepada 0.1 peratus daripada 4.3 peratus pada suku tahun sebelumnya seperti yang ditunjukkan oleh Carta 1.21. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, PMTK menyusut 1.1 peratus (ST4 2017: 1.5%).

Momentum perlahan PMTK ini disebabkan oleh penurunan terhadap jentera & peralatan (-3.6%) dan juga aset lain


(-0.2%). Namun demikian, struktur meningkat 2.8 peratus berbanding 3.3 peratus pada suku tahun sebelumnya, sejajar dengan pertumbuhan sektor Pembinaan.

Sektor awam (sumbangan: 27.9%) merosot 1.0 peratus yang telah mempengaruhi pertumbuhan perlahan PMTK pada suku tahun ini. Di samping itu, sektor swasta merekodkan pertumbuhan

**Carta 1.21** PMTK dan komponen - Perubahan peratus tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2010



Carta 1.22 Eksport dan import - Perubahan peratus tahunan pada harga malar 2010




sebanyak 0.5 peratus setelah mencatatkan 9.2 peratus pada suku keempat 2017.

### Eksport dan import

Pada suku tahun ini, eksport merekodkan pertumbuhan 3.7 peratus (Carta 1.22) disebabkan oleh penyederhanaan dalam permintaan luaran. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku

tahun, eksport pulih kepada 1.5 peratus. Selain itu, import mencatatkan pertumbuhan negatif 2.0 peratus disebabkan penyusutan import barangan dan perkhidmatan. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, import menguncup berbanding suku tahun sebelumnya.



Jadual 1.3: Perubahan peratusan KDNK suku tahunan bagi negara terpilih

Negara	Jenis pertumbuhan	2016				2017				2018
		ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1
Kesatuan Eropah 28	Tahunan	1.9	1.9	1.9	2.1	2.3	2.5	2.8	2.7	2.4
	Pelarasan musim*	0.5	0.4	0.4	0.7	0.7	0.7	0.7	0.7	0.4
United Kingdom	Tahunan	1.9	1.8	2.0	2.0	2.1	1.9	1.8	1.4	1.2
	Pelarasan musim*	0.2	0.5	0.5	0.7	0.3	0.2	0.5	0.4	0.1
Amerika Syarikat	Tahunan	1.4	1.2	1.5	1.8	2.0	2.2	2.3	2.6	2.8
	Pelarasan musim**	0.6	2.2	2.8	1.8	1.2	3.1	3.2	2.9	2.2
Jepun	Tahunan	0.6	0.8	0.9	1.5	1.4	1.6	2.0	1.9	1.1
	Pelarasan musim*	0.8	0.2	0.2	0.2	0.7	0.5	0.5	0.3	-0.2
	Pelarasan musim**	3.4	0.9	0.8	1.0	2.7	2.1	2.0	1.0	-0.6
Korea Selatan	Tahunan	3.0	3.5	2.7	2.6	2.9	2.8	3.8	2.8	2.8
	Pelarasan musim*	0.6	0.8	0.4	0.7	1.0	0.6	1.4	-0.2	1.0
Hong Kong	Tahunan	1.1	1.8	2.2	3.4	4.4	3.9	3.6	3.4	4.7
	Pelarasan musim*	-0.1	1.3	1.0	1.1	0.9	0.9	0.7	0.8	2.2
Taiwan	Tahunan	-0.3	1.0	2.0	2.8	2.6	2.3	3.2	3.4	3.0
	Pelarasan musim*	0.8	0.5	1.0	0.7	0.5	0.7	1.0	1.2	0.2
	Pelarasan musim**	3.2	1.8	4.0	2.6	1.9	2.7	4.0	4.8	0.8
Singapura	Tahunan	2.1	2.0	1.7	3.7	2.5	2.8	5.5	3.6	4.4
	Pelarasan musim**	2.9	1.5	0.8	9.7	-1.5	2.8	11.2	2.1	1.7
China	Tahunan	6.7	6.7	6.7	6.8	6.9	6.9	6.8	6.8	6.8
	Pelarasan musim*	1.3	2.0	1.8	1.6	1.5	1.8	1.8	1.6	1.4
Thailand	Tahunan	3.4	3.6	3.1	3.0	3.4	3.9	4.3	4.0	4.8
	Pelarasan musim*	0.8	0.8	0.6	0.8	1.2	1.3	1.0	0.5	2.0
Filipina	Tahunan	6.7	7.0	7.1	6.7	6.5	6.6	7.2	6.5	6.8
	Pelarasan musim*	1.5	1.9	1.4	1.7	1.4	1.9	1.7	1.5	1.5
Indonesia	Tahunan	4.9	5.2	5.0	4.9	5.0	5.0	5.1	5.2	5.1
<b>Malaysia</b>	<b>Tahunan</b>	<b>4.1</b>	<b>4.0</b>	<b>4.3</b>	<b>4.5</b>	<b>5.6</b>	<b>5.8</b>	<b>6.2</b>	<b>5.9</b>	<b>5.4</b>
	<b>Pelarasan musim*</b>	<b>0.7</b>	<b>1.1</b>	<b>1.4</b>	<b>1.3</b>	<b>1.7</b>	<b>1.3</b>	<b>1.7</b>	<b>1.0</b>	<b>1.4</b>

Sumber: Laman sesawang Pejabat Statistik Negara (NSO) terpilih dan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD)  
 Pelarasan musim\* = Data KDNK yang diselaras musim  
 Pelarasan musim\*\* = Kadar tahunan pelarasan musim

## Rencana 1


### Cabaran dan gelagat pertumbuhan ekonomi Malaysia<sup>1</sup>

Oleh: Abd Latib bin Talib

#### 1. Pengenalan

Malaysia telah melalui pelbagai cabaran untuk membangunkan ekonominya semenjak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Ini berpunca daripada kebergantungan ekonominya terhadap sektor luar negara yang semakin meningkat<sup>2</sup> berbanding dengan permintaan domestik. Carta 1a menunjukkan kejutan ekonomi luaran yang telah dilalui serta kesannya terhadap momentum pertumbuhan KDNK Malaysia bagi tempoh 1978 hingga 2017.

**Carta 1a: KDNK suku tahunan Malaysia pada harga malar 2010, RM juta, 1978-2017**



Kemelesetan ekonomi global di awal tahun 1980an<sup>3</sup> terutamanya di Amerika Syarikat dan Jepun telah merencatkan momentum pertumbuhan KDNK Malaysia pada tahun 1985/86. Walau bagaimanapun selepas tempoh tersebut, ekonomi Malaysia

<sup>1</sup> Rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak semestinya pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia.

<sup>2</sup> Pada tahun 1978, sumbangan eksport kepada jumlah permintaan dianggarkan 35.5 peratus meningkat kepada 47.1 peratus pada tahun 1991 dan kepada 53.2 peratus pada tahun 2010 berbanding jumlah permintaan domestik. (Dianggarkan daripada Jadual Input-Output Malaysia, pelbagai tahun rujukan).

<sup>3</sup> Tempoh penguncupan ekonomi USA dianggarkan bermula dari bulan Januari 1980 hingga Julai 1980 dan dari bulan Julai 1981 hingga November 1982, <http://www.nber.org/cycles.html>. Sementara itu, penguncupan ekonomi Jepun dianggarkan bermula dari bulan Februari 1980 hingga Februari 1983, <http://www.esri.cao.go.jp/en/stat/di/150724rdates.html>.

meneruskan momentum pertumbuhan yang memberangsangkan untuk tempoh yang agak panjang dari tahun 1986 sehingga tahun 1997 sebelum dikejutkan oleh krisis kewangan Asia pada penghujung tahun 1990an. Pemulihan ekonomi selepas krisis kewangan Asia tahun 1997/98 hanya untuk seketika, pada awal tahun 2001 satu lagi cabaran ekonomi telah dilalui ekoran daripada krisis pasaran saham global dan disokong oleh serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC). Selepas tempoh kemelut tersebut, Malaysia meneruskan kesinambungan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan, malangnya krisis subprima dan krisis hutang di AS pada tahun 2007 yang telah merebak ke rantau Eropah pada tahun 2008/09 sekali lagi telah menggugat momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia. Tindakan pantas oleh kerajaan dengan melaksanakan dasar anti-kitaran melalui pakej rangsangan ekonomi pada bajet 2009 telah mendorong pemulihan ekonomi dengan cepat dan pertumbuhan ekonomi Malaysia telah berkembang mantap sehingga penghujung tahun 2017.

## 2. Kitaran perniagaan dan kesan terhadap pertumbuhan ekonomi

Rekod rasmi bagi rujukan kitaran perniagaan di Malaysia diperolehi daripada penerbitan bulanan Jabatan Perangkaan Malaysia<sup>4</sup>. Kitaran rujukan tersebut kemudiannya disesuaikan dengan fasa-fasa pertumbuhan KDNK Malaysia untuk tempoh 1978 hingga 2017 seperti ditunjukkan oleh Jadual 1a. Sepanjang tempoh tersebut, jelas menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia telah mengalami fasa pengembangan ekonomi sebanyak lima kali dan diiringi oleh empat kali fasa penguncupan ekonomi.

**Jadual 1a: Pertumbuhan KDNK benar pada fasa pengembangan dan penguncupan ekonomi**

Fasa pengembangan ekonomi		Fasa penguncupan ekonomi	
Tempoh	Purata pertumbuhan (%)	Tempoh	Purata pertumbuhan (%)
ST1:78 - ST1:85	7.7	ST1:85 - ST1:86	-7.0
ST1:86 - ST4:97	8.2	ST4:97 - ST4:98	-15.3
ST4:98 - ST1:01	7.9	ST1:01 - ST1:02	-3.4
ST1:02 - ST4:07	5.4	ST4:07 - ST2:09	-13.1
ST2:09 - ST4:17	5.6	-	-

Dianggar berdasarkan KDNK benar, Malaysia 1978-2017

<sup>4</sup>Penunjuk Ekonomi Malaysia: Indeks Pelopor, Serentak dan Susulan-Januari 2018

Pertumbuhan ekonomi pada fasa pengembangan merekodkan pertumbuhan yang agak tinggi iaitu 7.7 peratus setahun antara ST1:78 hingga ST1:85, 8.2 peratus setahun antara ST1:86 hingga ST4:97 dan 7.9 peratus setahun antara ST4:98 hingga ST1:01. Namun, pertumbuhan ekonomi di era milenium telah menunjukkan kemerosotan yang ketara iaitu sebanyak 5.4 peratus antara ST1:02 hingga ST4:07 dan 5.6 peratus antara ST2:09 hingga ST4:17. Pertumbuhan yang dicatatkan jelas tidak semantap seperti pertumbuhan pada tahun-tahun sebelumnya.


Pertumbuhan ekonomi Malaysia terburuk direkodkan semasa krisis kewangan Asia bagi tempoh ST4:97 hingga ST4:98 dianggarkan pada negatif 15.3 peratus. Ini diikuti oleh pertumbuhan ekonomi semasa krisis subprima di AS serta diiringi oleh krisis *Euro-zone* bagi tempoh ST4:07 hingga ST2:09 dengan catatan pertumbuhan negatif 13.1 peratus. Kemelesetan ekonomi pada pertengahan 1980an merekodkan kemerosotan yang sederhana iaitu pada negatif 7.0 peratus dari ST1:85 hingga ST1:86 dan pertumbuhan pada negatif 3.4 peratus semasa krisis pasaran saham global dan serangan terhadap WTC antara ST1:01 hingga ST1:02. Bank Dunia (2018) menjangkakan prestasi ekonomi Malaysia bertumbuh pada kadar 5.4 peratus bagi tahun 2018. Sementara Bank Negara Malaysia (2018) menjangkakan pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi tahun 2018 berada pada jajaran antara 5.5 peratus hingga 6.0 peratus. Persoalannya, mampukah Malaysia meneruskan momentum pertumbuhan yang kukuh seperti yang dialami antara ST2:09 hingga ST4:17 iaitu sebanyak 5.6 peratus setahun bagi keseluruhan tahun 2018?

### **3. Arah Aliran Jangka Panjang (AAJP) dan kitaran pertumbuhan KDNK 2005-2017**

AAJP bagi siri masa KDNK dianggar menggunakan model Hodrick-Prescott (1997). AAJP kemudiannya diasingkan dari siri masa KDNK untuk menganggar komponen kitaran pertumbuhan KDNK untuk tempoh 2005 hingga 2017 seperti yang ditunjukkan di Carta 1b<sup>5</sup>. Daripada carta berikut, jelas menunjukkan bahawa kawah kitaran KDNK direkodkan pada suku tahun kedua 2009. Selepas tarikh tersebut, momentum pertumbuhan KDNK terus meningkat dan mula melepasi AAJP pada suku tahun kedua 2014. Momentum pertumbuhan KDNK berlanjutan sehingga suku keempat tahun 2017 dan berada jauh di atas AAJP iaitu melebihi paras 5.2 peratus.

<sup>5</sup>  $\lambda$  dengan nilai besar untuk penganggaran AAJP dan  $\lambda$  nilai kecil untuk pelicinan kitaran.

Carta 1b: AAJP dan kitaran pertumbuhan KDNK suku tahun, ST1:05-ST4:17




#### 4. Gelagat kitaran indeks komposit pelopor

Indeks komposit pelopor (IP) bulanan yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia sangat membantu bagi menilai prestasi masa hadapan KDNK Malaysia. Ini disebabkan fungsi indeks yang berperanan memberi isyarat awal tentang apa yang akan berlaku untuk beberapa tempoh ke hadapan seperti ditunjukkan pada Carta 1c.

IP telah mencapai puncak kitaran pada bulan Oktober 2017 atau pada ST4:2017. Isyarat ini menjelaskan bahawa momentum pertumbuhan dijangka mencapai puncak berkemungkinan pada akhir suku pertama 2018. Walau bagaimanapun, momentum pertumbuhan kekal berada di atas paras pertumbuhan AAJP. Berdasarkan senario ini, dijangkakan keupayaan ekonomi untuk mengekalkan pertumbuhan di atas paras AAJP bagi tahun 2018 adalah jelas. Daripada analisis ini, jajaran pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi tahun 2018 dijangka berada pada paras 5.2 peratus hingga 5.9 peratus.

Carta 1c: Kitaran pertumbuhan indeks komposit pelopor bulanan, Januari 2008-Disember 2017



## 5. Prestasi ekonomi mengikut negeri tahun 2018

Selepas tempoh kemelesetan ekonomi Malaysia 2009/2010, momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia mengukuh dengan pertumbuhan AAJP pada kadar 5.2 peratus setahun (2005 hingga 2017). Enam buah negeri yang merekodkan pertumbuhan AAJP 2005 hingga 2017 melebihi paras AAJP nasional iaitu W.P. Kuala Lumpur (7.6%), Selangor (6.8%), Pulau Pinang (6.1%), Melaka (5.7%), Perak (5.7%) dan Johor (5.4%). Sumbangan ekonomi oleh enam buah negeri ini pada tahun 2017 adalah sebanyak 63.2 peratus. Sementara lapan buah negeri yang mencatatkan pertumbuhan AAJP di bawah paras AAJP nasional iaitu Pahang (5.0%), Kedah (4.8%), Kelantan (4.8%), Negeri Sembilan (4.4%), Sabah (4.4%), Terengganu (4.1%), Sarawak (3.9%) dan Perlis (3.5%). Walau bagaimanapun, sumbangan ekonomi oleh lapan buah negeri ini pada tahun 2017 hanya sebanyak 36.8 peratus seperti ditunjukkan oleh Jadual 1b.

**Jadual 1b: Prestasi AAJP mengikut negeri, 2005-2017**

AAJP KDNK Malaysia 2005-2017 (5.2%)					
Di atas paras AAJP KDNK Malaysia			Di bawah paras AAJP KDNK Malaysia		
Bil.	Negeri	Purata pertumbuhan 2005-2017 (%)	Bil.	Negeri	Purata pertumbuhan 2005-2017 (%)
1	W.P. Kuala Lumpur	7.6	1	Pahang	5.0
2	Selangor	6.8	2	Kedah	4.8
3	Pulau Pinang	6.1	3	Kelantan	4.8
4	Melaka	5.7	4	Negeri Sembilan	4.4
5	Perak	5.7	5	Sabah	4.4
6	Johor	5.4	6	Terengganu	4.1
			7	Sarawak	3.9
			8	Perlis	3.5
Sumbangan 2017 (%)		63.2			36.8

Analisis kitaran (seperti di Lampiran 1) menunjukkan semua negeri kecuali Perlis melepasi momentum pertumbuhan AAJP masing-masing bagi tahun 2017 dan menunjukkan ke arah peningkatan bagi tahun 2018. Justeru, dapatan daripada analisis kitaran mengikut negeri menunjukkan prestasi ekonomi Malaysia pada keseluruhan tahun 2018 dijangka melepasi paras pertumbuhan 5.2 peratus.

## 6. Kesimpulan

Malaysia telah melalui pelbagai cabaran untuk membangunkan ekonomi terutamanya dalam menyerap kesan kejutan oleh permintaan sektor luar negara. Tindakan kerajaan melalui dasar anti-kitaran telah membantu proses pertumbuhan yang mapan dan berterusan. Ini ditunjukkan oleh data pertumbuhan KDNK yang melebihi lapan tahun berturut-turut berada pada fasa pengembangan mulai ST2:09 hingga ST4:17. Dapatan daripada analisis kitaran ini menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia dijangka akan bertumbuh pada jajaran 5.2 peratus hingga 5.9 peratus untuk tahun 2018. Ini disokong oleh gelagat indeks komposit pelopor dengan isyarat yang ditunjukkan bahawa trek pertumbuhan kekal di atas paras AAJP. Enam buah negeri merekodkan pertumbuhan melebihi paras AAJP nasional iaitu W.P. Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Melaka, Perak dan Johor. Sementara negeri-negeri lain iaitu Pahang, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Sabah, Terengganu, Sarawak dan Perlis mencatatkan pertumbuhan di bawah paras AAJP nasional 2005 hingga 2017 iaitu 5.2 peratus. Namun, analisis kitaran mengikut negeri menjangkakan bahawa semua negeri melepasi AAJP negeri masing-masing untuk tahun 2018. Ini menguatkan lagi hujah bahawa jangkakan pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2018 melebihi 5.2 peratus.

## Rujukan

Bank Negara Malaysia. (2018). Laporan Tahunan 2017, Kuala Lumpur

Hodrick, R.J. and Prescott, E C. (1997). "Postwar U.S. Business Cycles: An Empirical Investigation," *Journal of Money, Credit and Banking*, Vol. 29, No. 1.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2018). Penunjuk Ekonomi Malaysia: Indeks Pelopor, Serentak dan Susulan-Januari 2018, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.









Jabatan Perangkaan Malaysia. Jadual Input-Output Malaysia, Pelbagai Keluaran.







Japan Cabinet Office. *The Determination of Business-Cycle Peak and Trough*,  
<http://www.esri.cao.go.jp/en/stat/di/150724rdates.html>: Accessed 12 April 2018.

The National Bureau of Economic Research. *US Business Cycle Expansions and Contractions*, <http://www.nber.org/cycles.html>: Accessed 12 April 2018.

World Bank Group. (2018). *World Bank East Asia And Pacific Economic Update-April 2018*, Kuala Lumpur. <https://openknowledge.worldbank.org/bitstreamhandle/10986/29648/9781464812835.pdf?sequence=4&isAllowed=y>: Accessed 13 April 2018.

Lampiran 1: Analisis kitaran ekonomi menggunakan proksi KDNK 2005-2017





# Prestasi 15 Negeri pada tahun 2017



7 negeri merekodkan pertumbuhan **melebihi** paras nasional




12 negeri mencatatkan pertumbuhan yang **lebih baik** pada tahun 2017 berbanding tahun 2016



6 negeri menyumbang 71.2% kepada KDNK Nasional



## Pertumbuhan KDNK - Harga malar 2010 (%)



\*Termasuk W.P. Putrajaya

## PRESTASI EKONOMI NEGERI 2017


Enam negeri menyumbang 71.2 peratus kepada KDNK nasional pada tahun 2017 berbanding 70.6 peratus pada tahun sebelumnya. Selangor mencatatkan sumbangan sebanyak 23.0 peratus diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur (15.6%), Sarawak (9.7%), Johor (9.5%), Sabah (6.8%) dan Pulau Pinang (6.6%) seperti dipaparkan pada Carta 1.23.

### Pertumbuhan ekonomi mengikut negeri

Tujuh negeri mencatatkan pertumbuhan melebihi paras nasional (5.9%) pada tahun 2017 iaitu Sabah (8.2%), Melaka (8.1%), Pahang (7.8%), W.P. Kuala Lumpur (7.4%), Selangor

(7.1%), Johor (6.2%) dan W.P. Labuan (6.1%). Prestasi bagi setiap negeri mengikut sektor utama adalah seperti di Jadual 1.4.

Johor merekodkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 6.2 peratus (2016: 5.7%) disokong oleh sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pertanian. Sektor Perkhidmatan berkembang 6.7 peratus (2016: 6.0%) dipacu oleh subsektor perdagangan borong & runcit, komunikasi dan pengangkutan. Sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan lebih baik iaitu 6.8 peratus berbanding 5.5 peratus pada tahun 2016 disokong oleh produk E&E. Sektor Pertanian melonjak kepada 8.8 peratus (2016: -4.8%) didorong oleh pertumbuhan dua angka di dalam subsektor kelapa sawit.



Jadual 1.4

## Perubahan peratus mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi, 2017



Pertanian



Perlombongan &amp; pengkuarian



Pembuatan



Pembinaan



Perkhidmatan



Duti import

KDNK

MALAYSIA	7.2	1.1	6.0	6.7	6.2	13.0	5.9
Johor	8.8	15.1	6.8	-6.6	6.7	8.9	6.2
Kedah	7.1	14.5	4.2	-7.1	5.4	-4.8	5.0
Kelantan	4.7	16.7	9.1	-9.3	5.0	6.2	5.0
Melaka	6.8	7.6	6.7	72.2	5.6	183.6	8.1
Negeri Sembilan	8.0	9.8	3.1	16.8	4.9	5.5	4.9
Pahang	12.0	-19.3	6.5	18.3	6.2	76.0	7.8
Pulau Pinang	2.2	6.2	5.7	-10.1	5.6	26.0	5.3
Perak	9.6	5.9	8.0	-24.3	5.6	33.7	5.5
Perlis	3.5	8.3	2.3	-42.7	4.0	10.4	2.3
Selangor	13.1	7.6	7.9	8.0	6.8	1.6	7.1
Terengganu	11.2	9.1	3.8	38.7	4.4	110.7	5.9
Sabah	5.7	14.9	5.3	-1.7	5.6	16.5	8.2
Sarawak	1.4	3.4	3.5	20.0	6.3	16.6	4.7
W.P. Kuala Lumpur*	-	12.8	1.2	12.9	6.6	44.6	7.4
W.P. Labuan	3.4	-	3.1	12.8	5.3	91.7	6.1

\*Termasuk W.P. Putrajaya

Walau bagaimanapun, sektor Pembinaan merosot kepada negatif 6.6 peratus berbanding 24.0 peratus pada tahun 2016.

Kedah mencatatkan pertumbuhan 5.0 peratus (2016: 3.2%) disumbangkan oleh sektor Perkhidmatan dan Pertanian. Sektor Perkhidmatan merekodkan pertumbuhan 5.4 peratus (2016: 5.3%) diterajui oleh subsektor perdagangan borong & runcit dan komunikasi. Sektor Pertanian pulih kepada 7.1 peratus (2016: -8.7%) disokong oleh pertumbuhan kukuh bagi subsektor getah dan kelapa sawit.

Sektor Pembuatan menyederhana kepada 4.2 peratus berbanding 4.5 peratus dipengaruhi oleh pertumbuhan yang lebih perlahan di dalam subsektor produk E&E. Selain itu, sektor Pembinaan mencatatkan pertumbuhan negatif 7.1 peratus berbanding 15.9 peratus pada tahun 2016.

Kelantan berkembang 5.0 peratus berbanding 4.8 peratus disokong oleh sektor Perkhidmatan, Pertanian dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan mengekalkan pertumbuhan 5.0 peratus (2016: 5.0%) disumbangkan oleh subsektor

perdagangan borong & runcit dan komunikasi. Selain itu, sektor Pertanian tumbuh sebanyak 4.7 peratus (2016: 2.8%) kesan daripada pertumbuhan yang lebih baik di dalam subsektor getah, kelapa sawit dan padi. Pertumbuhan kukuh di dalam subsektor E&E mendorong sektor Pembuatan meningkat kepada 9.1 peratus (2016: 2.1%). Walau bagaimanapun, sektor Pembinaan merosot kepada negatif 9.3 peratus berbanding 29.6 peratus pada tahun sebelumnya.

Melaka mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 8.1 peratus berbanding 4.5 peratus pada tahun 2016 dipengaruhi oleh pertumbuhan kukuh di dalam sektor Pembuatan, Perkhidmatan dan Pembinaan. Sektor Pembuatan meningkat sebanyak 6.7 peratus (2016: 4.1%) disokong oleh subsektor kenderaan bermotor & peralatan pengangkutan dan produk E&E. Sementara itu, sektor Perkhidmatan berkembang sebanyak 5.6 peratus (2016: 5.1%) didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit dan komunikasi. Prestasi sektor Pembinaan melonjak kepada 72.2 peratus berbanding 5.6 peratus pada tahun 2016 diterajui oleh subsektor kejuruteraan awam.

Selain itu, sektor Pertanian meningkat 6.8 peratus (2016: 3.5%) disokong oleh subsektor kelapa sawit dan ternakan lain.

Negeri Sembilan berkembang sebanyak 4.9 peratus berbanding 3.5 peratus pada tahun 2016. Sektor Perkhidmatan tumbuh 4.9 peratus disokong oleh subsektor perdagangan borong & runcit dan komunikasi. Namun begitu, kemerosotan subsektor utiliti telah memperlahankan pertumbuhan keseluruhan sektor Perkhidmatan. Sektor Pembuatan tumbuh 3.1 peratus (2016: 3.0%) dipengaruhi oleh pertumbuhan kukuh bagi subsektor produk petroleum bertapis. Walau bagaimanapun, kejatuhan di dalam subsektor produk E&E telah memperlahankan pertumbuhan keseluruhan sektor Pembuatan. Selain itu, peningkatan sektor Pertanian dan Pembinaan masing-masing sebanyak 8.0 peratus dan 16.8 peratus turut mempengaruhi prestasi keseluruhan ekonomi Negeri Sembilan.

Pahang merekodkan pertumbuhan mapan kepada 7.8 peratus berbanding 2.0 peratus pada tahun 2016 disokong oleh sektor Perkhidmatan, Pertanian dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan meningkat 6.2 peratus (2016: 5.4%) dipengaruhi oleh subsektor perdagangan borong & runcit dan perkhidmatan lain. Sektor Pertanian pulih

kepada 12.0 peratus (2016: -6.2%) didorong oleh peningkatan pengeluaran kelapa sawit. Selain itu, sektor Pembuatan juga mencatatkan pertumbuhan lebih baik kepada 6.5 peratus berbanding 3.9 peratus pada tahun sebelumnya disumbangkan oleh aktiviti pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan di samping pertumbuhan subsektor bahan kimia & produk kimia dan kenderaan bermotor & peralatan pengangkutan.

Pulau Pinang mencatatkan pertumbuhan 5.3 peratus (2016: 5.6%) didorong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.6 peratus disokong oleh subsektor perdagangan borong & runcit, pengangkutan dan komunikasi. Sektor Pembuatan meningkat 5.7 peratus (2016: 5.4%) dipacu oleh subsektor produk E&E. Walau bagaimanapun, kemerosotan sektor Pembinaan kepada negatif 10.1 peratus (2016: 10.4%) kesan daripada penurunan aktiviti kediaman, bukan kediaman dan pertukangan khas telah mempengaruhi keseluruhan prestasi ekonomi Pulau Pinang.

Perak meningkat kepada 5.5 peratus berbanding 4.1 peratus pada tahun 2016 dipengaruhi oleh sektor Perkhidmatan, Pertanian dan

Pembuatan. Sektor Perkhidmatan kekal pada 5.6 peratus disumbangkan oleh aktiviti perdagangan borong & runcit, komunikasi dan utiliti. Sementara itu, sektor Pembuatan berkembang sebanyak 8.0 peratus (2016: 5.1%) dipengaruhi oleh subsektor produk E&E, pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan kenderaan bermotor & peralatan pengangkutan. Peningkatan dalam sektor Pertanian iaitu 9.6 peratus (2016: -3.6%) dipacu oleh subsektor kelapa sawit dan getah.

Perlis mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.3 peratus (2016: 3.9%) didorong oleh sektor Perkhidmatan dan Pertanian. Pertumbuhan sektor Perkhidmatan sebanyak 4.0 peratus (2016: 4.8%) didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit dan komunikasi. Walau bagaimanapun, kejatuhan di dalam subsektor utiliti telah memperlahankan pertumbuhan sektor Perkhidmatan. Sektor Pertanian terus mencatatkan pertumbuhan positif daripada 2.9 peratus kepada 3.5 peratus disokong oleh peningkatan dalam subsektor getah. Namun begitu, kemerosotan sektor Pembinaan kepada negatif 42.7 peratus (2016: 9.8%) telah memperlahankan prestasi keseluruhan ekonomi Perlis.

Selangor mencatatkan pertumbuhan mapan 7.1 peratus (2016: 4.8%) dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan berkembang sebanyak 6.8 peratus (2016: 6.0%) disumbangkan oleh subsektor kewangan & insurans, perdagangan borong & runcit, komunikasi, hartanah dan perkhidmatan perniagaan. Pertumbuhan sektor Pembuatan sebanyak 7.9 peratus (2016: 4.3%) didorong oleh subsektor produk E&E dan kenderaan bermotor & peralatan pengangkutan. Peningkatan pengeluaran kelapa sawit dan perikanan mendorong pertumbuhan lebih baik dalam sektor Pertanian iaitu sebanyak 13.1 peratus (2016: -6.4%) manakala pertumbuhan sektor Pembinaan sebanyak 8.0 peratus (2016: -2.0%) disumbangkan oleh peningkatan subsektor kejuruteraan awam.

Terengganu mencatatkan pertumbuhan 5.9 peratus (2016: 3.1%) disokong oleh peningkatan dalam sektor Perkhidmatan, Pembinaan dan Pertanian. Sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 4.4 peratus (2016: 1.7%) disokong oleh subsektor perdagangan borong & runcit, komunikasi dan utiliti manakala sektor Pembinaan melonjak kepada

38.7 peratus (2016: 2.0%) disumbangkan oleh subsektor kejuruteraan awam dan bangunan kediaman. Selain itu, peningkatan sektor Pertanian kepada 11.2 peratus (2016: -6.1%) telah didorong oleh pertumbuhan yang lebih baik bagi subsektor getah dan kelapa sawit. Walau bagaimanapun, sektor Pembuatan tumbuh perlahan iaitu 3.8 peratus berbanding 7.3 peratus pada tahun sebelumnya dipengaruhi oleh pertumbuhan subsektor bahan kimia & produk kimia.

Sabah merekodkan pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 8.2 peratus berbanding 4.7 peratus pada tahun 2016 disumbangkan oleh sektor Pertanian, Perlombongan & pengkuarian dan Pembuatan. Sektor Pertanian melonjak kepada 5.7 peratus (2016: -11.2%) dipacu oleh pemulihan dalam subsektor kelapa sawit dan getah. Pertumbuhan 14.9 peratus (2016: 20.4%) dalam sektor Perlombongan & pengkuarian didorong oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli. Selain itu, sektor Pembuatan berkembang kepada 5.3 peratus (2016: -3.7%) disokong oleh subsektor minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan. Sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 5.6 peratus (2016: 5.7%) disumbangkan oleh subsektor perdagangan borong & runcit

dan komunikasi. Namun begitu, sektor Pembinaan merosot kepada negatif 1.7 peratus (2016: -3.2%) didorong oleh subsektor kejuruteraan awam.

Sarawak mencatatkan pertumbuhan 4.7 peratus (2016: 2.3%) didorong oleh sektor Perlombongan & pengkuarian dan Pembinaan. Sektor Perlombongan dan pengkuarian berkembang sebanyak 3.4 peratus (2016: -2.6%) disokong oleh pertumbuhan positif aktiviti pengeluaran gas asli. Peningkatan subsektor kejuruteraan awam dan kediaman menyumbang kepada pertumbuhan 20.0 peratus (2016: -5.1%) terhadap sektor Pembinaan. Sektor Perkhidmatan tumbuh 6.3 peratus (2016: 6.7%) disumbangkan oleh subsektor perdagangan borong & runcit, pengangkutan dan kewangan & insurans. Pertumbuhan lebih perlahan bagi sektor Pembuatan iaitu sebanyak 3.5 peratus (2016: 4.4%) dipengaruhi oleh subsektor produk petroleum bertapis. Sektor Pertanian tumbuh 1.4 peratus (2016: -2.7%) disumbangkan oleh subsektor kelapa sawit.

W.P. Kuala Lumpur merekodkan pertumbuhan 7.4 peratus (2016: 5.9%) dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembinaan. Peningkatan 6.6 peratus


(2016: 5.6%) disokong oleh subsektor perdagangan borong & runcit, kewangan & insurans, komunikasi dan profesional. Selain itu, pertumbuhan 12.9 peratus dalam sektor Pembinaan yang disumbangkan oleh subsektor kediaman, kejuruteraan awam dan pertukangan khas turut merangsang pertumbuhan ekonomi W.P. Kuala Lumpur secara keseluruhannya.

W.P. Labuan bertumbuh 6.1 peratus (2016: 7.2%) disokong oleh sektor Perkhidmatan yang meningkat sebanyak 5.3 peratus (2016: 8.2%). Pertumbuhan ini didominasi oleh subsektor kewangan dan insurans. Selain itu, sektor Pembuatan turut menunjukkan pertumbuhan yang lebih perlahan kepada 3.1 peratus (2016: 7.6%) kesan daripada pertumbuhan subsektor logam asas dan bahan kimia & produk kimia.

### **Struktur ekonomi mengikut negeri**

Struktur ekonomi adalah berbeza bagi setiap negeri. Dominasi sektor Perkhidmatan dapat dilihat di W.P. Kuala Lumpur (87.1%), W.P. Labuan (75.6%), Kelantan (66.5%), Perlis (65.3%), Perak (60.9%), Selangor (60.0%) dan Kedah (54.8%). Sumbangan yang signifikan bagi kedua-dua sektor Perkhidmatan dan Pembuatan dapat dilihat di Pulau Pinang, Melaka,

Carta 1.24 Peratus sumbangan aktiviti ekonomi mengikut negeri, 2017



Negeri Sembilan, Terengganu dan Johor seperti ditunjukkan pada Carta 1.24. Sebaliknya, sektor Pertanian mempunyai sumbangan yang penting di Kelantan (24.5%), Pahang (24.4%), Perlis (21.8%) dan Sabah (18.7%).

### KDNK per kapita

KDNK per kapita di peringkat nasional meningkat daripada RM38,915 kepada RM42,228 pada tahun 2017 seperti yang ditunjukkan di Jadual 1.5. KDNK per kapita bagi enam negeri melebihi paras nasional yang diterajui oleh W.P. Kuala Lumpur (RM111,321), diikuti W.P. Labuan (RM65,949), Pulau Pinang (RM49,873), Sarawak (RM49,327), Selangor (RM48,091) dan Melaka (RM46,015).

Negeri	KDNK per kapita mengikut negeri, 2016-2017 pada harga semasa - RM	
	2016	2017
W.P. Kuala Lumpur*	101,576	111,321
W.P. Labuan	61,843	65,949
Pulau Pinang	47,345	49,873
Sarawak	44,379	49,327
Selangor	44,652	48,091
Melaka	41,379	46,015
Negeri Sembilan	38,545	41,615
Pahang	32,251	35,352
Johor	32,005	34,362
Terengganu	27,272	29,347
Perak	27,285	29,226
Sabah	21,086	23,979
Perlis	22,482	23,372
Kedah	19,161	20,327
Kelantan	12,813	13,593
<b>MALAYSIA</b>	<b>38,915</b>	<b>42,228</b>

\*Termasuk W.P. Putrajaya

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

# 2017

## PERAK

- Perak sepintas lalu tahun 2017
- Prestasi ekonomi Perak 2017
- Indeks Harga Pengguna
- Rencana 2: Pengganda dan struktur ekonomi Perak

### BAB 2: PRESTASI EKONOMI PERAK





# PERAK


## SEPINTAS LALU TAHUN 2017



### PERTUMBUHAN EKONOMI




### PERTUMBUHAN 5 SEKTOR UTAMA




### INDEKS HARGA PENGGUNA

3.3%



2016: 112.3 mata  
2017: 116.0 mata



Jumlah Penduduk  
**2.50 Juta**

### Kadar Kesuburan Jumlah\*

Kadar adalah bagi setiap perempuan yang berumur 15-49 tahun.

**2.0**



### Jangkaan Hayat (tahun)



### Kadar Pengangguran




3.7%

PENDUDUK BEKERJA  
1.01 Juta



KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH  
**63.0%**

### PENDAPATAN BULANAN PENENGAH MENGIKUT KUMPULAN ISI RUMAH\*



### PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH BULANAN PURATA\*



PENDAPATAN ISI RUMAH BULANAN PURATA\*  
**RM5,065**

\* Data 2016



StatsMalaysia



StatsMalaysia



www.dosm.gov.my



# PERAK



**KELUASAN TANAH**  
21,038 km<sup>2</sup>



## KDNK

Kadar pertumbuhan: **5.5%**  
KDNK per kapita\*: **RM29,226**  
Nilai KDNK: **RM63.8 bilion**



## BILANGAN PERTUBUHAN\*\*

**75,786**



## PENDUDUK\*\*\*

**2.50 juta**  
Lelaki: **1.27 juta**  
Perempuan: **1.23 juta**



## GUNA TENAGA

Tenaga buruh: **1.05 juta**  
Kadar penyertaan tenaga buruh: **63.0%**  
Kadar pengangguran: **3.7%**

\* Pada harga semasa

\*\* Berdasarkan Banci Ekonomi 2016

\*\*\* Anggaran penduduk pertengahan tahun

## PRESTASI EKONOMI PERAK 2017


Dalam menggembleng usaha untuk mencapai tahap sosioekonomi yang lebih baik, terdapat beberapa sasaran dan matlamat pembangunan yang telah dirangka melalui Rancangan Struktur Negeri Perak 2040. Antaranya, merealisasikan pembangunan inklusif 'Berdaya Huni, Berkualiti dan Sejahtera' dengan menjadikan Perak negeri berpendapatan berkualiti menjelang tahun 2040. Pembangunan ekonomi Perak mengalami transformasi yang pesat berbanding dahulu yang hanya diterajui oleh perlombongan timah dan getah. Meniti arus kemodenan, Perak terus maju dengan merangka konsep pembangunan bertumpu secara 'Smart Growth' yang menekankan pembangunan mampan, dibangunkan secara terkawal dengan

menggabungkan kekuatan dan potensi bagi setiap kawasan. Beberapa inisiatif dilaksanakan dengan membangunkan guna tanah dan aktiviti perbandaran di Koridor Ipoh-Seri Iskandar-Manjung-Lumut yang diasaskan daripada Rancangan Fizikal Negara Ke-3 berdasarkan kepesatan dan tumpuan pembangunan terutama di sepanjang Jalan Ipoh-Lumut (FT005).


**Merangka konsep pembangunan bertumpu secara 'Smart Growth' yang menekankan pembangunan mampan.**

Transformasi ekonomi telah membawa banyak perubahan kepada landskap Perak. Pertumbuhan ekonomi negeri kini dipacu oleh tiga sektor utama iaitu sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan juga Pertanian. KDNK Perak merekodkan nilai sebanyak RM63.8 bilion berbanding

**Carta 2.1: Nilai dan kadar pertumbuhan KDNK, Perak, 2010-2017**



Carta 2.2 : Nilai ditambah dan peratus sumbangan mengikut sektor, Perak, 2017



RM60.5 bilion pada tahun sebelumnya (Carta 2.1). Dari sudut pertumbuhan, ekonomi Perak meningkat kepada 5.5 peratus (2016: 4.1%). Sektor Perkhidmatan meningkat 5.6 peratus manakala prestasi memberangsangkan 8.0 peratus dihasilkan daripada sektor Pembuatan. Sektor Pertanian yang melonjak sebanyak 9.6 peratus juga merupakan antara pemangkin kepada peningkatan pertumbuhan ekonomi Perak. Walau bagaimanapun, sektor Pembinaan merosot kepada negatif 24.3 peratus.

Pada tahun 2017, struktur ekonomi Perak didominasi oleh sektor Perkhidmatan dengan menyumbang sebanyak 60.9 peratus (Carta 2.2). Sementara itu, sektor Pembuatan dan Pertanian mencatatkan sumbangan yang hampir setara dengan masing-masing

menyumbang sebanyak 18.9 peratus dan 16.7 peratus. Sektor Pembinaan menyumbang 2.8 peratus manakala sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan sumbangan 0.5 peratus.

Sektor Perkhidmatan kekal bertumbuh 5.6 peratus pada tahun 2017 (2016: 5.6%) seperti digambarkan dalam Carta 2.3. Sektor ini merekodkan nilai ditambah sebanyak RM38.9 bilion manakala dari segi pertumbuhan, ia adalah disokong terutamanya oleh perdagangan borong & runcit dan utiliti. Subsektor maklumat dan komunikasi juga mencatatkan pertumbuhan positif didorong oleh permintaan data yang kukuh sejajar dengan Dasar Perancangan Strategik Negeri dan Pembangunan Fizikal. Dasar ini dapat meningkatkan penyediaan prasarana teknologi maklumat dan komunikasi negeri berdasarkan Pelan

Induk ICT Negeri ke arah mencapai status “K-State” sepenuhnya menjelang tahun 2020.


**Pertumbuhan ekonomi Perak dipacu oleh sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pertanian.**

Pada masa yang sama, sektor Pembuatan mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM12.0 bilion. Pertumbuhan sektor ini mengukuh kepada 8.0 peratus (2016: 5.1%) dipengaruhi oleh subsektor pembuatan elektrik, elektronik dan produk optikal. Ia selaras dengan permintaan eksport yang tinggi terhadap produk elektrik dan elektronik pada tahun 2017. Selain itu, pertumbuhan yang kukuh dalam subsektor pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan serta subsektor pembuatan kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan turut mendorong prestasi keseluruhan sektor ini. Dalam memastikan sektor

Pembuatan kekal berdaya tahan, kerajaan negeri sentiasa mengambil langkah untuk menarik pelabur dari dalam dan luar negara sejajar dengan saranan Pelan Tindakan Pembangunan Perindustrian Negeri Perak (PIDAP). Antara langkahnya adalah mengenal pasti sektor industri dan pelabur baharu seperti industri peleburan besi waja, pembentukan logam, pembuatan komponen aeroangkasa, industri berkaitan peralatan perubatan serta pembuatan komponen industri tenaga. Pembesaran operasi industri sedia ada dengan penggunaan teknologi baharu turut dirangka di bawah pelan pembangunan ini.

Sektor Pertanian merekodkan nilai ditambah sebanyak RM10.7 bilion pada tahun 2017. Dari sudut pertumbuhan, sektor ini melonjak kepada 9.6 peratus (2016: -3.6%) didorong terutamanya oleh pertumbuhan pengeluaran kelapa sawit dan aktiviti pengeluaran getah yang

**Carta 2.3 : Kadar pertumbuhan mengikut sektor, Perak, 2016-2017**



mencatatkan pertumbuhan dua angka pada tahun 2017. Selain itu, tanaman padi juga turut menyokong pertumbuhan sektor ini selaras dengan keupayaan Perak yang mempunyai kawasan jelapang padi kedua terbesar selepas Kedah meliputi kawasan Seberang Perak, Sungai Manik dan Kerian. Kerajaan negeri komited dalam memperkasa aktiviti pertanian dengan memberikan tumpuan dan fokus kepada pembangunan industri bioteknologi dengan membuka ruang untuk menggunakan sepenuhnya sumber biologi tempatan yang wujud di Perak.

Sementara itu, sektor Pembinaan mengalami penguncupan sebanyak 24.3 peratus (2016: 8.3%) dipengaruhi oleh pertumbuhan negatif dalam beberapa projek bagi subsektor kejuruteraan awam dan bangunan kediaman. Sektor Pembinaan merekodkan nilai ditambah sebanyak RM1.8 bilion pada tahun 2017. Dalam meningkatkan pertumbuhan sektor ini, terdapat beberapa projek pembinaan yang dirancang dalam merencanakan

ekonomi Perak. Antaranya adalah cadangan pembinaan lapangan terbang baru bertaraf antarabangsa bagi memungkinkan pembangunan ekonomi Perak.

Sektor Perlombongan dan pengkuarian berkembang sebanyak 5.9 peratus (2016: 16.7%) dan mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM308.5 juta pada tahun 2017. Pertumbuhan ini didorong oleh subsektor perlombongan lain & pengkuarian serta perkhidmatan sokongan khususnya aktiviti pemecahan batu dan pengkuarian granit. Kerajaan negeri juga komited untuk mengembangkan semula aktiviti perlombongan timah. Oleh itu, satu konsep pembangunan bersepadu bagi penubuhan lembah bijih timah atau turut dikenali sebagai 'Tin Valley' giat dicadangkan mengikut pembangunan yang sistematik melalui pendekatan Pelan Induk Perlombongan Perak atau *Perak Mining Blueprint*.



# INDEKS HARGA PENGGUNA


Kenaikan harga purata petrol RON 95 mendorong kenaikan inflasi kumpulan pengangkutan sebanyak **13.0%**

Indeks Harga Pengguna pada tahun 2017 meningkat daripada 112.3 mata kepada 116.0 mata menjadikan kadar inflasi meningkat sebanyak 3.3 peratus berbanding 1.4 peratus. Berdasarkan daripada 12 kumpulan utama, sembilan kumpulan menunjukkan peningkatan manakala dua kumpulan iaitu kumpulan minuman alkohol & tembakau dan pakaian & kasut masing-masing menurun sebanyak 0.3 peratus dan 0.2 peratus. Walau bagaimanapun, kumpulan komunikasi tidak menunjukkan perubahan.




Pada tahun 2017, kenaikan harga purata petrol RON95 kepada RM2.16 seliter berbanding RM1.76 seliter pada tahun 2016 mendorong inflasi kumpulan utama pengangkutan meningkat 13.0 peratus. Kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol pula menokok sebanyak 3.3 peratus, diikuti oleh kumpulan perkhidmatan rekreasi & kebudayaan dan restoran & hotel dengan masing-masing meningkat sebanyak 2.0 peratus. Sementara itu, inflasi yang direkodkan oleh lima kumpulan lagi adalah kurang daripada 2.0 peratus (Carta 2.4).


Carta 2.5: Perubahan tahunan, Perak & Malaysia, 2011-2017



Carta 2.6: Perubahan tahunan, Zon Utara, 2011-2017



Carta 2.4 : Perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna, Perak, 2016-2017



## Rencana 2

Pengganda dan struktur ekonomi Perak<sup>1</sup>

Oleh : Maslina Samsudin, Siti Hajar Mohamad dan Herzie Mohamed Nordin

## 1. Pengenalan

Struktur ekonomi negeri serta sumbangannya kepada ekonomi Malaysia adalah berbeza mengikut masa. Data KDNK menunjukkan empat negeri iaitu Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Johor dan Melaka secara konsisten telah menyumbang kepada peningkatan ekonomi Malaysia daripada 47.4 peratus pada tahun 2010 kepada 51.0 peratus pada tahun 2017. Lapan negeri tidak menunjukkan peningkatan sumbangan yang ketara terhadap ekonomi Malaysia dengan sumbangan antara 29.0 peratus hingga 29.4 peratus untuk tempoh 2010 hingga 2017. Negeri-negeri tersebut ialah Sabah, Pulau Pinang, Perak, Pahang, Kedah, Kelantan, Perlis dan W.P. Labuan. Sementara Sarawak, Negeri Sembilan dan Terengganu tergolong dalam kelompok negeri yang secara konsisten sumbangannya merosot untuk tempoh 2010 hingga 2017. Sumbangan ketiga-tiga negeri kepada ekonomi Malaysia telah merosot daripada 17.1 peratus pada tahun 2010 kepada 15.8 peratus pada tahun 2017 (Jadual 2a).

**Jadual 2a: Peratus sumbangan negeri kepada ekonomi Malaysia, 2010-2017**

Negeri dengan sumbangan yang meningkat (%)								
Negeri	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016 <sup>e</sup>	2017 <sup>p</sup>
Selangor	21.6	21.7	22.0	22.3	22.4	22.6	22.7	23.0
W.P. Kuala Lumpur	13.8	14.2	14.4	14.7	15.1	15.1	15.3	15.6
Johor	9.0	9.1	9.2	9.2	9.3	9.3	9.4	9.5
Melaka	2.9	2.9	3.0	2.9	3.0	3.0	3.0	3.1
<b>Jumlah kecil</b>	<b>47.4</b>	<b>48.0</b>	<b>48.6</b>	<b>49.1</b>	<b>49.7</b>	<b>50.0</b>	<b>50.5</b>	<b>51.0</b>
Negeri dengan sumbangan yang stabil (%)								
Sabah	7.1	6.9	6.7	6.6	6.6	6.6	6.7	6.8
Pulau Pinang	6.4	6.5	6.4	6.4	6.5	6.6	6.6	6.6
Perak	5.3	5.4	5.5	5.5	5.4	5.5	5.5	5.4
Pahang	4.4	4.4	4.4	4.4	4.3	4.3	4.2	4.3
Kedah	3.3	3.4	3.4	3.4	3.4	3.4	3.4	3.3
Kelantan	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.8
Perlis	0.5	0.5	0.5	0.5	0.5	0.5	0.5	0.4
W.P. Labuan	0.4	0.4	0.5	0.5	0.5	0.5	0.5	0.5
<b>Jumlah kecil</b>	<b>29.3</b>	<b>29.4</b>	<b>29.2</b>	<b>29.2</b>	<b>29.0</b>	<b>29.1</b>	<b>29.2</b>	<b>29.3</b>
Negeri dengan sumbangan yang merosot (%)								
Sarawak	10.6	10.7	10.3	10.3	10.1	10.0	9.8	9.7
Negeri Sembilan	3.7	3.7	3.7	3.7	3.6	3.5	3.5	3.5
Terengganu	2.8	2.7	2.7	2.7	2.7	2.6	2.6	2.6
<b>Jumlah kecil</b>	<b>17.1</b>	<b>17.1</b>	<b>16.7</b>	<b>16.6</b>	<b>16.3</b>	<b>16.1</b>	<b>15.9</b>	<b>15.8</b>
Supra	6.3	5.5	5.4	5.1	4.9	4.8	4.5	4.0
<b>Malaysia</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

<sup>1</sup>Rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak semestinya pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia.

## 2. Struktur ekonomi Perak

Perak tergolong dalam kelompok negeri dengan sumbangan yang stabil kepada ekonomi Malaysia. Sumbangan negeri ini kepada ekonomi nasional ialah sebanyak 5.3 peratus pada tahun 2010, meningkat kepada 5.5 peratus pada tahun 2013 dan kembali menyusut kepada 5.4 peratus pada tahun 2017. Empat sektor utama yang menggerakkan pembangunan ekonomi Perak adalah perkhidmatan swasta, Pembuatan, Pertanian dan perkhidmatan kerajaan. Pada tahun 2017, sumbangan keempat-empat sektor tersebut kepada ekonomi Perak telah mencecah sebanyak 96.5 peratus iaitu perkhidmatan swasta (49.5%), Pembuatan (18.9%), Pertanian (16.7%) dan perkhidmatan kerajaan (11.4%) seperti Jadual 2b. Selain itu, sektor Perlombongan & pengkuarian dan Pembinaan hanya menyumbang sebanyak 3.3 peratus kepada ekonomi Perak pada tahun 2017.

**Jadual 2b: Peratus sumbangan mengikut sektor ekonomi, Perak, 2010-2017**

	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016 <sup>e</sup>	2017 <sup>p</sup>
<b>Perak</b>	<b>Sumbangan kepada KDNK Malaysia (%)</b>							
	5.3	5.4	5.5	5.5	5.4	5.5	5.5	5.4
<b>Sektor</b>	<b>Sumbangan mengikut sektor ekonomi (%)</b>							
Pertanian	19.9	19.8	18.9	17.7	17.3	17.4	16.1	16.7
Perlombongan & pengkuarian	0.5	0.6	0.6	0.6	0.7	0.4	0.5	0.5
Pembuatan	17.5	18.0	17.6	17.9	18.3	18.3	18.4	18.9
Pembinaan	2.9	2.7	3.8	4.3	3.8	3.8	3.9	2.8
Perkhidmatan swasta	48.3	47.7	47.6	47.9	48.2	48.6	49.4	49.5
Perkhidmatan kerajaan	10.9	11.3	11.5	11.5	11.6	11.4	11.5	11.4
Duti import	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.1	0.1	0.2
<b>Jumlah</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Sektor Pertanian di Perak pada tahun 2017 didominasi oleh tanaman kelapa sawit dan perikanan dengan jumlah sumbangan sebanyak 60.2 peratus. Selain itu, subsektor ternakan dan pertanian lain turut menyumbang kepada sektor Pertanian Perak.


Sektor Pembuatan di Perak disokong oleh subsektor komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna di samping kenderaan bermotor & peralatan pengangkutan dengan jumlah sumbangan 36.7 peratus. Ini diikuti oleh subsektor produk mineral bukan logam dan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan.

Sektor Perkhidmatan disumbangkan terutamanya oleh subsektor elektrik & gas dan perdagangan borong & runcit dengan jumlah sumbangan 39.9 peratus. Perkhidmatan komunikasi dan perkhidmatan kewangan & insurans juga merupakan penyumbang utama dalam sektor Perkhidmatan. Sementara itu, perkhidmatan kerajaan yang menyumbang 18.7 peratus disokong oleh perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan kerajaan lain.

### 3. Pengganda ekonomi dan struktur ekonomi Perak

Struktur ekonomi dan pengganda ekonomi bergantung antara satu sama lain dalam konteks rantai industri iaitu rantai ke hadapan (*forward linkages*) atau rantai ke belakang (*backward linkages*). Rantai ke hadapan pada asasnya menunjukkan keupayaan industri untuk memasarkan produk yang dikeluarkan sementara rantai ke belakang menggambarkan keupayaannya untuk membiayai input bagi proses pengeluaran produk. Carta 2a hingga Carta 2c menunjukkan pengganda ekonomi yang dijana daripada Jadual Input-Output Malaysia 2010<sup>2</sup> dan dipadankan dengan struktur ekonomi Perak bagi tahun 2017.

**Carta 2a: Pengganda ekonomi Malaysia 2010 dan sumbangan sektor Pertanian, Perlombongan & pengkuarian dan Pembinaan, Perak, 2017**




<sup>2</sup> Jadual Input-Output Malaysia bagi tahun rujukan 2015 sedang dikemaskini berdasarkan kepada penemuan Banci Ekonomi 2016.

Bagi sektor Pertanian, subsektor kelapa sawit pada tahun 2017 mencatatkan sumbangan yang tinggi kepada ekonomi Perak. Subsektor ini juga mempunyai pengganda rantaian ke hadapan yang tinggi sebanyak 2.708. Ini memberi gambaran bahawa industri kelapa sawit mempunyai jaringan dengan industri hiliran yang kuat dan juga keupayaan untuk memasarkan produk yang dikeluarkan.

Sumbangan subsektor perikanan kepada ekonomi Perak merupakan yang kedua tertinggi bagi sektor Pertanian Perak meskipun pengganda rantaian ke hadapan industri ini (1.538) agak rendah berbanding industri kelapa sawit.

Industri tanaman makanan dan pengkuarian lain secara relatif mempunyai nilai rantaian ekonomi yang tinggi tetapi dari segi sumbangan ekonomi kepada KDNK Perak ianya agak rendah pada tahun 2017. Industri tersebut berpotensi dimajukan untuk melonjakkan ekonomi Perak (Carta 2a).


**Carta 2b: Pengganda ekonomi Malaysia 2010 dan sumbangan sektor Pembuatan, Perak, 2017**



Sektor Pembuatan merupakan sektor kedua terbesar di Perak dengan sumbangan 18.9 peratus pada tahun 2017 (2016: 18.4%). Carta 2b menunjukkan bahawa subsektor komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna merupakan penyumbang terbesar dalam ekonomi Perak. Ini diikuti oleh produk mineral bukan logam, kenderaan bermotor & peralatan pengangkutan, minyak & lemak daripada sayuran & haiwan dan produk getah.

Potensi untuk melonjakkan industri pembuatan di Perak adalah melalui pelaburan dalam industri berimpak tinggi seperti percetakan dan pengeluaran semula media rakaman, industri logam asas serta bahan kimia, produk kimia & produk farmaseutikal. Pada tahun 2017 sumbangan oleh ketiga-tiga industri ini kepada ekonomi Perak adalah sebanyak 1.1 peratus.

**Carta 2c: Penganda ekonomi Malaysia 2010 dan sumbangan sektor Perkhidmatan, Perak, 2017**



Secara keseluruhannya, sumbangan sektor Perkhidmatan di Perak pada tahun 2017 adalah sebanyak 60.9 peratus, kekal seperti tahun 2016. Perkhidmatan borong, runcit dan kenderaan bermotor adalah penyumbang terbesar diikuti oleh subsektor elektrik dan gas, perkhidmatan kerajaan, komunikasi dan kewangan (Carta 2c). Jumlah sumbangan bagi subsektor tersebut adalah sebanyak 44.9 peratus kepada keseluruhan ekonomi Perak.

Beberapa industri yang mempunyai pelanggan yang tinggi tetapi dari segi sumbangan ekonomi negeri masih rendah dan berpotensi untuk melonjak sumbangannya kepada ekonomi negeri seperti perkhidmatan pengangkutan lain (2.517), perkhidmatan komputer (2.484), hartanah (2.615) dan perkhidmatan profesional (2.146). Sumbangan industri berkenaan kepada ekonomi Perak pada tahun 2017 adalah sebanyak 2.5 peratus.

#### **4. Pelaburan 2018 di Perak dan impak pelanggan ekonomi**

Komitmen daripada syarikat-syarikat berkaitan menunjukkan bahawa Perak mempunyai potensi jangka masa panjang kepada pelabur asing dan tempatan. Pada tahun 2017, jumlah pelaburan bernilai RM2,007.1 juta telah diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) di Perak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1,673.1 juta (83.4%) adalah daripada pelaburan domestik manakala RM334.0 juta (16.6%) daripada pelaburan asing. Sumbangan tertinggi keseluruhan pelaburan adalah daripada industri peralatan pengangkutan, diikuti oleh produk elektrik & elektronik dan pembuatan makanan.

Bagi tempoh Januari hingga Mac 2018, nilai pelaburan dalam sektor Pembuatan adalah sebanyak RM249.8 juta. Nilai pelaburan domestik adalah sebanyak RM235.7 juta (94.4%) dan selebihnya bernilai RM14.1 juta (5.6%). Nilai pelaburan dalam industri produk elektrik & elektronik adalah yang tertinggi di Perak bagi tempoh ini dengan sumbangan 40.3 peratus daripada keseluruhan pelaburan di Perak, diikuti oleh produk logam yang direka (20.9%) dan tekstil & pakaian (19.2%).

Sehubungan itu, dijangka bahawa pelaburan ini akan memberi impak berganda kepada ekonomi Perak selain menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan. Tambahan pula, dengan pembinaan Lebuh raya Pantai Barat sepanjang 170 kilometer yang menghubungkan Banting-Taiping yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2019 akan memberi impak positif kepada daerah-daerah di Perak yang merangkumi daerah Hilir Perak, Bagan Datuk, Perak Tengah, Manjung dan Larut & Matang.



# 2017

## PERAK

Sektor Pertanian

Sektor Perlombongan dan pengkuarian

Sektor Pembinaan

Sektor Pembuatan

Sektor Perkhidmatan

- Perdagangan borong dan runcit
- Utiliti
- Pengangkutan dan penyimpanan
- Perkhidmatan maklumat dan komunikasi
- Perkhidmatan perniagaan
- Perkhidmatan pendidikan swasta
- Perkhidmatan kesihatan swasta
- Perkhidmatan kerajaan

### BAB 3: PRESTASI MENGIKUT SEKTOR







## SEKTOR PERTANIAN

Sektor Pertanian di Perak merekodkan nilai ditambah berjumlah RM10.7 bilion pada tahun 2017. Nilai tersebut meningkat berbanding RM9.7 bilion pada tahun sebelumnya. Sektor ini merupakan sektor ketiga terbesar di Perak dengan sumbangan sebanyak 16.7 peratus kepada keseluruhan KDNK pada tahun 2017.

**Sektor Pertanian**  
berkembang

**9.6%**

pada tahun **2017**

Sektor Pertanian bertumbuh pada kadar yang memberangsangkan kepada 9.6 peratus berbanding prestasi negatif 3.6 peratus pada tahun 2016 seperti dipaparkan pada Jadual 3.1. Subsektor tanaman yang menyumbang 65.0 peratus mengukuh kepada 22.8 peratus berbanding penurunan 9.9 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi tersebut adalah dipengaruhi oleh peningkatan yang memberangsangkan dalam subsektor kelapa sawit yang menyumbang sebanyak 44.1 peratus kepada keseluruhan sektor Pertanian di Perak.

**Jadual 3.1 : Prestasi sektor Pertanian, Perak, 2016-2017**

Subsektor	Nilai ditambah (RM juta)		Peratus sumbangan (%)		Pertumbuhan tahunan (%)	
	2016 <sup>e</sup>	2017 <sup>p</sup>	2016 <sup>e</sup>	2017 <sup>p</sup>	2016 <sup>e</sup>	2017 <sup>p</sup>
Tanaman	5,654	6,942	58.1	65.0	-9.9	22.8
Ternakan	1,503	1,583	15.4	14.8	5.1	5.3
Perhutanan & pembalakan	421	426	4.3	4.0	21.8	1.2
Perikanan	2,157	1,722	22.2	16.1	5.6	-20.2
<b>Jumlah</b>	<b>9,734</b>	<b>10,672</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>-3.6</b>	<b>9.6</b>

**Kelapa sawit**  
menyumbang

**44.1%**

kepada nilai ditambah  
sektor Pertanian  
Perak

Berdasarkan data pengeluaran buah tandan segar yang dikeluarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Perak mencatatkan pertumbuhan pengeluaran yang pesat sebanyak 27.1 peratus pada tahun 2017 berbanding kemerosotan sebanyak negatif 18.2 peratus yang dialami pada tahun 2016 seperti pada Jadual 3.2. Lonjakan pertumbuhan tersebut adalah didorong oleh peningkatan

Jadual 3.2 : Statistik industri kelapa sawit, Perak, 2016-2017

Perak	Nilai		Pertumbuhan (%)	
	2016	2017	2016	2017
Buah tandan segar ('000 tan)	8,434	10,723	-18.2	27.1
Minyak sawit mentah ('000 tan)	1,629	2,030	-18.1	24.6
Minyak kernel ('000 tan)	445	572	-19.8	28.7
Keluasan belum matang (hektar)	44,491	45,968	-7.8	3.3
Keluasan matang (hektar)	353,417	360,501	1.0	2.0

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

pengeluaran berikutan pengurangan kesan fenomena El Nino.


**Aktiviti getah  
meningkat  
lebih laju  
berbanding tahun 2016**

Selain itu, aktiviti getah yang menyumbang 9.7 peratus kepada sektor Pertanian juga mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan pada tahun 2017.

**Kuantiti pendaratan  
ikan laut  
merosot  
pada tahun 2017**

Walau bagaimanapun, subsektor perikanan mencatatkan penurunan kepada negatif 20.2 peratus berbanding 5.6 peratus pada tahun 2016. Subsektor ini menyumbang sebanyak 16.1 peratus kepada sektor Pertanian di Perak. Pertumbuhan tersebut adalah didorong oleh penurunan dalam kuantiti pendaratan ikan laut pada tahun 2017.

Subsektor ternakan mencatatkan pertumbuhan 5.3 peratus berbanding 5.1 peratus pada tahun 2016. Subsektor tersebut yang menyumbang 14.8 peratus kepada sektor Pertanian Perak adalah didominasi oleh aktiviti ternakan ayam dan itik.





## SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUIARIAN


Sektor Perlombongan dan pengkuarian di Perak mencatatkan nilai pada harga malar sebanyak RM308.5 juta berbanding RM291.3 juta pada tahun 2016. Sektor ini adalah sektor yang memberikan sumbangan yang paling kecil kepada KDNK Perak iaitu 0.5 peratus. Pada tahun 2017, sektor ini merekodkan pertumbuhan sebanyak 5.9 peratus (2016: 16.7%) didorong oleh beberapa aktiviti seperti pemecahan batu, pengkuarian batu kapur, granit dan perlombongan bijih timah (Carta 3.1).



Pada penghujung tahun 2016, satu kilang perlombongan dan pengilangan batu kapur termoden di Asia telah beroperasi sepenuhnya di Batu 3, Temoh. Kilang automatik sepenuhnya itu merupakan milik syarikat yang berpangkalan di Belgium.

**Nilai ditambah**  
sektor Perlombongan &  
pengkuarian  
Perak  
**RM308.5 juta**  
pada tahun 2017

**Carta 3.1 : Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, Perak, 2010-2017**



## SEKTOR PEMBINAAN



Perak mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM1.8 bilion dalam sektor Pembinaan pada tahun 2017 berbanding RM2.4 bilion yang direkodkan pada tahun 2016. Sumbangan sektor Pembinaan kepada keseluruhan KDNK Perak adalah 2.8 peratus pada tahun 2017 berbanding 3.9 peratus pada tahun sebelumnya.

Sektor Pembinaan menyumbang

**2.8%**

kepada KDNK Perak


Nilai kerja pembinaan

**RM3.8 bilion**

pada tahun 2017

Sektor Pembinaan mencatatkan penurunan kepada negatif 24.3 peratus pada tahun 2017 berbanding 8.3 peratus pada tahun sebelumnya. Kemerosotan subsektor bangunan kediaman dan kejuruteraan awam berikutan daripada projek perumahan dan projek berkaitan utiliti yang telah selesai pada tahun 2016 telah mempengaruhi prestasi keseluruhan sektor Pembinaan. Walau bagaimanapun, prestasi lebih baik dalam subsektor bangunan bukan kediaman dan pertukangan khas telah mengurangkan impak kejatuhan kepada keseluruhan sektor Pembinaan. Subsektor kejuruteraan awam menyumbang 14.5 peratus manakala bangunan kediaman menyumbang 48.4 peratus kepada sektor Pembinaan (Carta 3.2).

Carta 3.2 : Peratus sumbangan sektor Pembinaan, Perak, 2017



Bangunan kediaman menyumbang

**48.4%**

dalam sektor Pembinaan

**Projek utama:**

Antara projek utama yang terdapat di Perak adalah:

- ◆ Kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan (EPCC) *Remote Wellhead Platform Project (RWHP)*.
- ◆ Pakej pembinaan Hidroelektrik Kerian.
- ◆ Projek pembinaan loji rawatan kumbahan serantau dan rangkaian paip pembedungan.
- ◆ Projek pembinaan infrastruktur.
- ◆ Skim pembangunan kediaman di Kampar.
- ◆ Projek perumahan PRIMA & projek perumahan lain.
- ◆ Projek rekabentuk & pembangunan Taman Tema Animasi di Meru Raya.

Purata pertumbuhan tahunan  
sektor **Pembinaan**

**5.6%**

antara 2010-2017

**Projek selesai:**

Antara projek yang telah selesai pada tahun 2016 adalah:

- ◆ Projek *Coal-Fired Janakuasa Bebas* di Manjung.
- ◆ *EPCIC of Remote Wellhead Platform* untuk projek pembangunan North Malay Basin, Taman Perindustrian Lumut.
- ◆ Projek pembinaan Rumah Keluarga Angkatan Tentera di 3 Rejimen Sempadan Kem Pengkalan Hulu.
- ◆ Projek perumahan PRIMA.
- ◆ Kerja merekabentuk & pemasangan *Hume Cement Plant II Project*.

Perak mencatatkan

**70.4 ribu**

bilangan pekerja dalam sektor  
Pembinaan




## SEKTOR PEMBUATAN



Sektor Pembuatan merekodkan nilai ditambah sebanyak RM12.0 bilion berbanding RM11.2 bilion pada tahun sebelumnya (Carta 3.3). Peningkatan tersebut menjadikan sektor Pembuatan berkembang dengan kukuh sebanyak 8.0 peratus (2016: 5.1%) dan seterusnya menyumbang sebanyak 18.9 peratus kepada KDNK Perak.

**Carta 3.3 : Peratus sumbangan sektor Pembuatan, Perak, 2017**

**Sektor Pembuatan**  
meningkat  
**8.0%**



- Produk elektrik, elektronik dan optikal
- Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka
- Produk petroleum, kimia, getah dan plastik
- Minyak & lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan
- Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan
- Lain-lain

Produk elektrik,  
elektronik dan optikal  
**berkembang**  
**8.9%**

Kumpulan produk elektrik, elektronik dan optikal terus menjadi pemacu kepada pertumbuhan sektor Pembuatan dengan meningkat sebanyak 8.9 peratus (2016: 8.1%) diterajui oleh segmen peralatan komunikasi dan peralatan elektronik pengguna. Pencapaian ini selaras dengan pemulihan dalam permintaan global terhadap produk-produk berkenaan.



**Peralatan  
pengangkutan,  
pembuatan lain &  
pembaikan  
melonjak  
15.3%**

Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan turut menyumbang kepada pertumbuhan sektor Pembuatan dengan melonjak kepada 15.3 peratus (2016: -1.7%). Ini disebabkan oleh subsektor pembuatan kapal yang kembali pulih dan peningkatan pengeluaran alat ganti dan aksesori untuk kenderaan bermotor.



**Pengeluaran  
minyak sawit mentah  
meningkat  
24.6%**

Selain itu, prestasi sektor Pembuatan yang memberangsangkan turut disumbangkan oleh kumpulan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan yang mencatatkan pertumbuhan 13.3 peratus (2016: 0.4%). Peningkatan ini sebahagian besarnya diterajui oleh pemulihan menyeluruh industri berkaitan minyak sawit iaitu minyak sawit mentah dan minyak sawit bertapis selepas terkesan dengan fenomena El Nino pada tahun 2016. Ini sejajar dengan pengeluaran minyak sawit mentah yang melonjak sebanyak 24.6 peratus berbanding negatif 18.6 peratus pada tahun sebelumnya.

Jumlah nilai pelaburan yang diluluskan dalam sektor Pembuatan adalah sebanyak RM2.0 bilion. Industri pembuatan makanan, elektrik & elektronik dan peralatan pengangkutan merupakan antara industri yang menerima pelaburan tertinggi yang diluluskan (Jadual 3.3).

**Jadual 3.3: Nilai pelaburan yang diluluskan mengikut industri, Perak, 2017 - RM juta**

Industri	Pelaburan domestik	Pelaburan asing	Jumlah
Pembuatan makanan	321.6	111.1	432.6
Kayu dan produk kayu	83.2	0.2	83.4
Perabot dan peralatan	5.3	-	5.3
Kertas, percetakan dan penerbitan	30.7	56.5	87.2
Kimia dan produk kimia	57.9	11.6	69.5
Produk getah	33.5	9.6	43.1
Produk plastik	39.8	-	39.8
Produk mineral dan bukan logam	74.2	-	74.2
Produk logam fabrik	38.5	8.2	46.7
Jentera dan peralatan	11.5	-	11.5
Produk elektrik dan elektronik	403.3	130.7	534.0
Peralatan pengangkutan	566.2	6.0	572.2
Peralatan saintifik dan mengukur	7.5	-	7.5
<b>Jumlah</b>	<b>1,673.1</b>	<b>334.0</b>	<b>2,007.1</b>

Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)





**Sektor  
Perkhidmatan  
meningkat  
5.6%**

## SEKTOR PERKHIDMATAN

Sektor Perkhidmatan di Perak merekodkan nilai ditambah berjumlah RM38.9 bilion, meningkat sebanyak RM2.0 bilion berbanding tahun 2016. Sektor ini menyumbang 60.9 peratus kepada keseluruhan KDNK Perak pada tahun 2017. Sektor Perkhidmatan kekal mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.6 peratus pada tahun 2017. Prestasi mengikut subsektor di dalam sektor Perkhidmatan adalah seperti pada Jadual 3.4.

**Jadual 3.4 : Prestasi sektor Perkhidmatan, Perak, 2016-2017**


Subsektor	2016 <sup>e</sup>			2017 <sup>p</sup>		
	Nilai ditambah (RM juta)	Peratus sumbangan (%)	Peratus pertumbuhan (%)	Nilai ditambah (RM juta)	Peratus sumbangan (%)	Peratus pertumbuhan (%)
Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi	11,907	32.3	6.9	12,600	32.4	5.8
Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan	9,474	25.7	6.5	10,199	26.2	7.7
Kewangan dan insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	5,070	13.8	2.5	5,181	13.3	2.2
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	3,433	9.3	4.9	3,607	9.3	5.1
Perkhidmatan kerajaan	6,939	18.8	4.8	7,279	18.7	4.9
<b>Jumlah</b>	<b>36,822</b>	<b>100.0</b>	<b>5.6</b>	<b>38,866</b>	<b>100.0</b>	<b>5.6</b>

### Perdagangan borong & runcit

**Perdagangan borong dan runcit meningkat 7.5%**

Subsektor perdagangan borong dan runcit menyumbang sebanyak 20.5 peratus kepada sektor Perkhidmatan Perak. Subsektor ini berkembang 7.5 peratus (2016: 6.1%) didorong oleh segmen runcit.

**Carta 3.4 : Peratus sumbangan subsektor perdagangan borong dan runcit, Perak, 2017**



**Jualan runcit di stor bukan pengkhususan mendorong segmen runcit kepada 9.3%**


Segmen runcit menyumbang 51.6 peratus kepada subsektor perdagangan borong dan runcit (Carta 3.4). Segmen ini meningkat 9.3 peratus berbanding 6.5 peratus pada tahun sebelumnya disumbangkan oleh jualan runcit di stor bukan pengkhususan, jualan runcit barangan lain di stor bukan pengkhususan dan jualan runcit makanan, minuman dan tembakau di stor pengkhususan.



Pertumbuhan memberangsangkan dalam perbelanjaan pengguna ini didorong oleh beberapa faktor antaranya peningkatan pendapatan isi rumah dan bantuan kewangan rakyat daripada kerajaan.

**Segmen borong tumbuh 7.8%**

Segmen borong tumbuh 7.8 peratus (2016: 8.6%) didorong oleh pertumbuhan perlahan di dalam aktiviti jualan borong pengkhususan lain dan jualan borong makanan, minuman dan tembakau.



Segmen kenderaan bermotor menguncup lebih perlahan pada tahun 2017

Namun demikian, segmen kenderaan bermotor menguncup dengan lebih perlahan berbanding tahun 2016 didorong oleh jualan kenderaan bermotor dan jualan, penyelenggaraan & pembaikan motosikal (termasuk alat ganti).



### Utiliti

Stesen janakuasa syarikat **Pengeluar Tenaga Bebas(IPP)** menyumbang **92.5 %** tenaga elektrik dan selebihnya daripada stesen janakuasa **TNB**

Sumber : Tenaga Nasional Berhad

Subsektor utiliti di Perak menyederhana kepada 3.9 peratus pada tahun 2017 berbanding 5.6 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan sederhana sebanyak 3.8 peratus di dalam segmen bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara terutama dalam aktiviti penjanaan, penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik.



Segmen bekalan air, pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan mencatatkan pertumbuhan 6.3 peratus pada tahun 2017 berbanding 8.9 peratus disokong oleh aktiviti penakungan, perawatan dan bekalan air.




## Pengangkutan dan penyimpanan

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan bertumbuh sebanyak 6.2 peratus pada tahun 2017.



Subsektor tersebut disumbangkan oleh aktiviti pengangkutan darat sebanyak 42.7 peratus (Carta 3.5). Ini diikuti oleh operasi lebuhraya (32.6%), perkhidmatan pos dan kurier (13.1%), pelabuhan dan operasi penerbangan (7.3%), pengangkutan lain (2.7%), pengangkutan udara (1.1%) dan pengangkutan air (0.5%).

**Carta 3.5: Peratus sumbangan subsektor pengangkutan dan penyimpanan, Perak, 2017**



**Pengangkutan & penyimpanan menyumbang**

**2.7%**

kepada sektor Perkhidmatan



Terdapat dua kategori perkhidmatan di dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan iaitu perkhidmatan muatan dan perkhidmatan penumpang. Perkhidmatan penumpang (sumbangan: 57.3%) bertumbuh sebanyak 5.6 peratus manakala perkhidmatan muatan (sumbangan: 42.7%) meningkat 7.1 peratus.

Aktiviti pengangkutan darat dan operasi lebuhraya yang menyumbang 75.3 peratus kepada subsektor pengangkutan dan penyimpanan Perak masing-masing bertumbuh sebanyak 6.5 peratus dan 6.1 peratus.


**Jumlah mel** yang dikendalikan oleh **POS Malaysia 2017**

**13.6 juta** di Perak

Sumber: POS Malaysia

Peningkatan dalam aktiviti pengangkutan darat pada tahun 2017 didorong oleh aktiviti pengangkutan muatan melalui jalan raya dan perkhidmatan bas pekerja.

Sementara itu, aktiviti pelabuhan dan operasi penerbangan serta perkhidmatan pos dan kurier masing-masing bertumbuh sebanyak 10.0 peratus dan 3.5 peratus. Jumlah sumbangan kedua-dua aktiviti tersebut adalah 20.4 peratus.



### Perkhidmatan maklumat dan komunikasi

**Maklumat & komunikasi** menyumbang

**9.4%**

kepada **sektor Perkhidmatan** di Perak

Perkhidmatan maklumat dan komunikasi kekal bertumbuh sebanyak 10.1 peratus seperti pada tahun sebelumnya, dengan nilai ditambah berjumlah RM3.7 bilion pada tahun 2017. Perkhidmatan tersebut merupakan antara penyumbang kepada sektor Perkhidmatan di Perak dengan sumbangan sebanyak 9.4 peratus. Pertumbuhan ini didorong oleh perkembangan dalam perkhidmatan komunikasi yang mendominasi subsektor ini.




Perkhidmatan komunikasi bertumbuh pada 10.5 peratus didorong oleh permintaan dalam perkhidmatan komunikasi data. Ini selari dengan peningkatan kadar penembusan jalur lebar di Perak (Carta 3.6). Selain itu, penggunaan aplikasi yang semakin popular seperti WhatsApp, Facebook dan perbankan internet turut merangsang kepada permintaan perkhidmatan ini.

Perkhidmatan komputer meningkat 5.8 peratus disokong oleh aktiviti pengaturcaraan komputer manakala perkhidmatan informasi berkembang kepada 4.6 peratus.



**Carta 3.6: Kadar penembusan jalur lebar bagi 100 penduduk, Perak, 2014-2017**



Sumber: Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia

### Perkhidmatan perniagaan

Perkhidmatan perniagaan bertumbuh **5.2%** pada tahun 2017

Perkhidmatan perniagaan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.2 peratus (2016: 7.4%) didorong oleh aktiviti profesional dan perkhidmatan perniagaan lain.

Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal merupakan penyumbang terbesar (67.1%) kepada keseluruhan subsektor perkhidmatan perniagaan. Aktiviti tersebut mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.2 peratus berbanding 8.6 peratus pada tahun sebelumnya. Antara aktiviti yang mendorong kepada pertumbuhan tersebut adalah daripada aktiviti guaman, perakaunan dan perkhidmatan kejuruteraan. Selain itu, beberapa aktiviti lain turut menjadi penyumbang kepada prestasi segmen ini seperti perkhidmatan arkitek dan perkhidmatan juruukur tanah.



Sementara itu, aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan menyumbang sebanyak 32.9 peratus kepada keseluruhan subsektor perkhidmatan perniagaan. Aktiviti ini mencatatkan



Pendidikan tinggi menyumbang  
**65.7%**  
kepada pendidikan swasta

pertumbuhan sebanyak 5.2 peratus berbanding 5.0 peratus berbanding tahun 2016 didorong oleh aktiviti agensi pengembaraan, aktiviti keselamatan persendirian dan pembersihan am bangunan.

### Perkhidmatan pendidikan swasta

Perkhidmatan pendidikan swasta disumbangkan oleh pendidikan tinggi iaitu sebanyak 65.7 peratus (Jadual 3.5). Ini diikuti oleh pendidikan lain (16.0%), pendidikan menengah (10.6%) dan pendidikan pra-sekolah & pendidikan rendah (7.8%) seperti Jadual 3.5.

Perkhidmatan tersebut mencatatkan peningkatan sebanyak 7.2 peratus berbanding 6.6 peratus pada tahun 2016 disokong oleh pendidikan kolej dan universiti dan pendidikan menengah am.

**Jadual 3.5: Peratus sumbangan perkhidmatan pendidikan swasta, Perak, 2017**



Kategori	Peratus sumbangan (%)
Pendidikan pra-sekolah dan pendidikan rendah	7.8
Pendidikan menengah	10.6
Pendidikan tinggi	65.7
Pendidikan lain	16.0
<b>Jumlah</b>	<b>100.0</b>

Kesihatan swasta disumbangkan oleh  
**aktiviti hospital & perkhidmatan perubatan am**

### Perkhidmatan kesihatan swasta

Sumbangan subsektor perkhidmatan kesihatan swasta kepada sektor Perkhidmatan ialah 1.3 peratus. Pada tahun 2017, subsektor ini kekal pada pertumbuhan 4.5 peratus seperti pada tahun sebelumnya. Aktiviti yang menyumbang kepada prestasi ini adalah daripada aktiviti hospital dan perkhidmatan perubatan am. Selain itu, aktiviti perkhidmatan perubatan khas, perkhidmatan berkaitan pergigian dan pusat dialisis juga turut menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan.



Berdasarkan rekod daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, lima sebab utama kemasukan pesakit di hospital swasta adalah seperti di Jadual 3.6.

**Jadual 3.6: Lima sebab utama kemasukan pesakit di hospital swasta**

Bil	Sebab utama
1	<i>Diseases of the respiratory system</i>
2	<i>Certain infectious and parasitic diseases</i>
3	<i>Pregnancy, childbirth and the puerperium</i>
4	<i>Diseases of the digestive system</i>
5	<i>Injury, poisoning and certain other consequences of external causes</i>

Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia

### Perkhidmatan kerajaan



Perkhidmatan kerajaan meliputi 4 peringkat iaitu kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT) termasuklah Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran/Bandaraya. Penglibatan sektor kerajaan memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan pembangunan ekonomi negeri. Nilai ditambah bagi perkhidmatan kerajaan di Perak berjumlah RM7.3 bilion pada tahun 2017 berbanding RM6.9 bilion pada tahun sebelumnya. Perkhidmatan ini menyumbang sebanyak 18.7 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan di Perak.

**Perkhidmatan kerajaan**  
bertumbuh  
**4.9%**  
pada tahun 2017

Kerajaan persekutuan mendominasi perkhidmatan kerajaan di Perak dengan peratus sumbangan sebanyak 88.2 peratus. Ini diikuti oleh kerajaan negeri, badan berkanun dan PBT. Pada tahun 2017, perkhidmatan kerajaan merekodkan pertumbuhan 4.9 peratus berbanding 4.8 peratus pada tahun sebelumnya didorong oleh peningkatan dalam perbelanjaan emolument bagi penjawat awam persekutuan.

# 2017

## PERAK


- Penduduk
- Kelahiran
- Kesuburan
- Kematian
- Jangkaan hayat
  
- Tenaga buruh
- Penduduk bekerja
- Kadar penyertaan tenaga buruh & kadar pengangguran
  
- Pendapatan isi rumah
- Perbelanjaan penggunaan isi rumah

### BAB 4: SOSIAL DEMOGRAFI






**PENDUDUK**



Warganegara



Bukan warganegara

**Saiz dan kadar pertumbuhan penduduk**


Penduduk Perak bertambah daripada 2.48 juta pada 2016 kepada 2.50 juta pada 2017 dengan kadar pertumbuhan sebanyak 0.6 peratus. Komposisi penduduk warganegara pada tahun 2017 menurun berbanding 2016 dari 96.0 peratus kepada 95.9 peratus daripada keseluruhan penduduk.

**Jadual 4.1 : Penduduk dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Perak, 2010-2017**

Penduduk	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017 <sup>e</sup>
Jumlah penduduk ('000)	2,379.0	2,402.7	2,427.0	2,447.2	2,458.8	2,466.9	2,482.1	2,496.4
Kadar pertumbuhan penduduk tahunan (%)	1.0	1.0	1.0	0.8	0.5	0.3	0.6	0.6

**Struktur umur**

Struktur umur penduduk dikategorikan kepada tiga kumpulan umur utama iaitu umur muda, umur bekerja dan umur tua. Peratusan penduduk kumpulan umur bekerja dan umur tua di Perak mencatatkan peningkatan dari tahun 2010 hingga 2017. Pada tahun 2017, peratusan umur muda ialah 22.2 peratus, menurun sebanyak 0.6 mata peratus berbanding 22.8 peratus pada 2016.



**Jadual 4.2 : Struktur umur penduduk, Perak, 2010-2017**

Kumpulan umur (%)	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017 <sup>e</sup>
Penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda)	27.1	26.4	25.7	24.9	24.2	23.5	22.8	22.2
Penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja)	65.2	65.7	66.1	66.6	66.9	67.3	67.6	67.9
Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua)	7.7	7.9	8.2	8.5	8.9	9.2	9.6	9.9

### Nisbah jantina

Trend bagi nisbah jantina penduduk Perak tidak berubah dari tahun 2010 hingga tahun 2017 pada nisbah 103 lelaki bagi setiap 100 perempuan.

### Nisbah jantina



103 lelaki :100 perempuan




### Nisbah tanggungan

Jumlah nisbah tanggungan menunjukkan penurunan bagi tempoh 2010 hingga 2017 bagi penduduk Perak. Namun begitu, nisbah tanggungan umur tua pula menunjukkan trend meningkat iaitu daripada 11.8 pada tahun 2010 kepada 14.6 pada 2017.

Nisbah tanggungan **umur muda** menurun kepada **32.7** manakala **umur tua** meningkat kepada **14.6** pada tahun 2017

Jadual 4.3 : Nisbah tanggungan, Perak, 2010-2017

Nisbah tanggungan	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017 <sup>e</sup>
Umur muda	41.6	40.2	38.9	37.4	36.2	34.9	33.8	32.7
Umur tua	11.8	12.0	12.4	12.8	13.2	13.7	14.2	14.6
<b>Jumlah</b>	<b>53.4</b>	<b>52.2</b>	<b>51.3</b>	<b>50.1</b>	<b>49.4</b>	<b>48.6</b>	<b>47.9</b>	<b>47.3</b>




### Kumpulan etnik warganegara

Peratusan etnik Bumiputera mencatatkan peningkatan bagi tempoh 2010 hingga 2017 iaitu 56.9 peratus kepada 58.8 peratus. Etnik Cina dan India pula masing-masing menunjukkan penurunan daripada 30.4 peratus dan 12.4 peratus pada tahun 2010 kepada 29.1 peratus dan 11.7 peratus pada tahun 2017. Sementara itu, peratusan etnik-etnik lain pula menunjukkan trend tidak berubah iaitu sebanyak 0.4 peratus dari tahun 2010 hingga 2017.

Jadual 4.4: Penduduk mengikut kumpulan etnik, Perak, 2010-2017

Kumpulan etnik warganegara Malaysia (%)	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017 <sup>e</sup>
Bumiputera	56.9	57.2	57.3	57.5	57.9	58.0	58.5	58.8
Cina	30.4	30.2	30.0	29.9	29.7	29.6	29.4	29.1
India	12.4	12.3	12.3	12.2	12.0	11.9	11.8	11.7
Etnik lain	0.4	0.4	0.4	0.4	0.4	0.4	0.4	0.4

Carta 4.1: Penduduk mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2016-2017




**Penduduk mengikut daerah pentadbiran**

Kinta merupakan daerah yang mempunyai bilangan penduduk tertinggi pada 2010 hingga tahun 2017 berbanding 10 daerah pentadbiran yang lain. Ini diikuti oleh daerah Larut & Matang (359.2 ribu orang), Manjung (252.3 ribu orang) dan Hilir Perak (227.1 ribu orang). Daerah Kinta mencatatkan bilangan penduduk tertinggi bagi lelaki dan perempuan pada tahun 2017 iaitu masing-masing 412.1 ribu orang dan 411.5 ribu orang.

**Kinta** mencatatkan bilangan penduduk tertinggi dengan jumlah **0.8 juta** orang penduduk pada 2017

Carta 4.2: Penduduk mengikut jantina dan daerah pentadbiran, Perak, 2016-2017 ('000)



**Nota :**  
Data di peringkat daerah pentadbiran merujuk kepada unjuran penduduk yang berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan 2010.

Data penduduk telah dibundarkan kepada ribu terhampir.


<sup>1</sup> Termasuk Daerah Pentadbiran Bagan Datuk

## KELAHIRAN

### Kadar kelahiran kasar

Pada tahun 2016, kadar kelahiran kasar di Perak mencatatkan penurunan berbanding 2015 iaitu daripada 14.7 kepada 14.4 bagi setiap 1,000 penduduk. Kadar kelahiran kasar bagi lelaki dan perempuan pada tahun 2016 menunjukkan penurunan berbanding 2015 iaitu masing-masing daripada 15.1 kepada 14.8 dan 14.3 kepada 14.0 bagi setiap 1,000 penduduk.

Carta 4.3: Kadar kelahiran kasar, Perak, 2010-2016



Jadual 4.5: Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik, Perak, 2010-2016 (bagi setiap 1,000 penduduk)

Kumpulan etnik	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Bumiputera	18.4	19.2	18.8	18.4	18.9	19.1	19.1
Cina	10.4	10.5	11.4	9.0	9.4	8.7	7.9
India	13.8	13.6	12.7	11.7	11.5	11.3	10.3
Etnik lain <sup>1</sup>	8.2	8.6	8.6	7.4	7.7	6.7	6.4

<sup>1</sup>Termasuk bukan Warganegara


### Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik

Bumiputera mencatatkan kadar kelahiran kasar tertinggi iaitu 19.1 bagi kedua-dua tahun sementara etnik-etnik lain mencatatkan kadar terendah iaitu 6.7 pada 2015 dan 6.4 pada 2016 bagi setiap 1,000 penduduk. Penurunan kadar kelahiran kasar tertinggi dicatatkan oleh India iaitu daripada 11.3 pada 2015 kepada 10.3 pada 2016 bagi setiap 1,000 penduduk.

### Bilangan dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran

Pada tahun 2016, daerah Kinta mencatatkan bilangan kelahiran tertinggi iaitu sebanyak 10,692 bayi manakala yang terendah dicatatkan oleh Muallim iaitu 972 bayi. Kadar kelahiran kasar tertinggi pula dicatatkan oleh Ulu Perak dengan 18.5 manakala yang terendah dicatatkan oleh Kampar ialah 9.7 bagi setiap 1,000 penduduk.

**Carta 4.4: Bilangan dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2016 (bagi setiap 1,000 penduduk)**




<sup>1</sup> Termasuk Daerah Pentadbiran Bagan Datuk

## KESUBURAN

### Kadar kesuburan jumlah

Pada tahun 2016, kadar kesuburan jumlah bagi Perak mencatatkan penurunan kepada 2.0 bayi berbanding 2.1 bayi pada 2015 bagi setiap wanita berumur 15 hingga 49 tahun. Carta 4.5 menunjukkan Perak mencatatkan kadar kesuburan jumlah kurang daripada paras penggantian iaitu purata 2.2 bayi bagi setiap wanita dalam lingkungan umur reproduktif (15-49 tahun) bagi tahun 2010 hingga 2016.

Carta 4.5: Kadar kesuburan jumlah, Perak, 2010-2016



Jadual 4.6: Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, Perak, 2010-2016 (setiap seorang perempuan berumur 15-49 tahun)

Kumpulan etnik	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Bumiputera	2.8	2.9	2.8	2.7	2.7	2.7	2.7
Cina	1.9	1.9	2.0	1.6	1.6	1.5	1.3
India	2.0	1.9	1.8	1.6	1.5	1.5	1.4
Etnik lain <sup>1</sup>	0.8	0.9	0.9	0.8	0.7	0.7	0.7

<sup>1</sup>Termasuk bukan Warganegara

### Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik

Kadar kesuburan jumlah bagi semua kumpulan etnik mencatatkan penurunan pada tahun 2016 berbanding 2015 kecuali Bumiputera. Bumiputera mencatatkan kadar kesuburan jumlah tertinggi bagi bagi kedua-dua tahun iaitu 2.7, manakala kadar terendah dicatatkan oleh etnik-etnik lain iaitu 0.7 bagi kedua-dua tahun.

**KEMATIAN**



2016 = 17,820  
2015 = 17,159

**Lelaki**



10,113 (57%)

**Perempuan**



7,707 (43%)


**Bilangan dan kadar kematian**

Sejumlah 17,820 kematian direkodkan di Perak pada tahun 2016 iaitu 3.7 peratus melebihi kematian pada tahun 2015. Kadar kematian kasar di negeri ini pada tahun 2016 adalah 7.2 kematian bagi setiap 1,000 penduduk (2015: 7.0 kematian).

Jadual 4.7: Bilangan kematian, Perak, 2010-2016

Kematian	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Jumlah kematian penduduk	15,440	16,012	16,395	16,386	16,925	17,159	17,820
Peratus perubahan kematian (%)	-	3.6	2.3	-0.1	3.2	1.4	3.7

Carta 4.6: Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Perak, 2010-2016




Tahun 2016 mencatatkan **kadar kematian kasar tertinggi** iaitu **7.2** kematian (bagi setiap 1,000 penduduk) bagi tempoh 2010-2016

**Kematian bayi**

Kadar kematian bayi pada 2016 adalah 6.9 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup, meningkat sebanyak 0.5 mata iaitu 6.4 kematian bagi 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2015.

Carta 4.7: Kadar kematian bayi, Perak, 2010-2016




### Nisbah mortaliti ibu bersalin

Nisbah mortaliti ibu bersalin pada tahun 2016 adalah 28.0 kematian bagi setiap 100,000 kelahiran hidup, menurun berbanding 33.1 kematian bagi tahun 2015.

**33.1** kematian bagi 100,000 kelahiran hidup pada tahun 2015 merupakan **nisbah mortaliti ibu bersalin tertinggi** bagi tempoh 2010-2016

Carta 4.8: Nisbah mortaliti ibu bersalin, Perak, 2010-2016



### Kadar kematian mengikut kumpulan etnik

Kadar kematian kasar bagi semua kumpulan etnik pada tahun 2016 menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2015. Kadar kematian etnik Bumiputera dan Cina masing-masing meningkat sebanyak 0.2 dan 0.3 mata manakala peningkatan sebanyak 0.9 mata bagi etnik India dari tahun 2010 sehingga 2016.

**Etnik Cina** mencatatkan kadar **kematian tertinggi** pada 2016 iaitu **8.7 kematian** bagi setiap 1,000 penduduk

Jadual 4.8: Kadar kematian kasar mengikut etnik, Perak, 2010-2016

Etnik	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Bumiputera	6.0	6.2	6.2	6.2	6.3	6.4	6.6
Cina	7.5	7.9	8.0	7.7	8.3	8.4	8.7
India	7.0	6.9	7.1	7.5	7.4	7.4	7.9
Etnik lain <sup>1</sup>	4.0	4.1	4.1	2.6	3.3	3.2	3.2

Nota: <sup>1</sup> Termasuk bukan warganegara

### Sebab kematian disahkan 2016

3 sebab kematian utama disahkan, 2016



**1,370 (14.3%)**  
**Penyakit jantung iskemia**  
 963 (16.4%)  
 407 (10.9%)

**1,330 (13.9%)**  
**Radang paru-paru**  
 730 (12.4%)  
 600 (16.1%)



**636 (6.6%)**  
**Penyakit serebrovaskular**  
 368 (6.3%)  
 268 (7.2%)

Pada tahun 2016, penyakit jantung iskemia merupakan sebab kematian yang mencatatkan peratusan tertinggi bagi sebab kematian yang disahkan secara perubatan iaitu 14.3 peratus, diikuti radang paru-paru dan penyakit serebrovaskular iaitu masing-masing 13.9 peratus dan 6.6 peratus.


Sebab kematian utama yang mencatatkan peratusan tertinggi bagi lelaki adalah penyakit jantung iskemia (16.4%) manakala bagi perempuan adalah radang paru-paru (16.1%) pada tahun 2016.

Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang disahkan secara perubatan.

### Sebab kematian utama tidak disahkan 2016

Tiga sebab kematian utama tidak disahkan secara perubatan yang tertinggi bagi tahun 2016 adalah sakit tua, diikuti oleh penyakit jantung iskemia dan kencing manis dengan masing-masing mencatatkan 18.0 peratus, 1.1 peratus dan 0.8 peratus.

Sementara itu, sebab kematian utama tidak disahkan mengikut jantina pada 2016 pula adalah sakit tua dengan peratus masing-masing adalah 14.2 peratus bagi lelaki dan 23.4 peratus bagi perempuan.




Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan.

### Bilangan dan kadar kematian mengikut daerah pentadbiran

Pada tahun 2016, daerah Kinta mencatatkan bilangan kematian tertinggi iaitu sebanyak 5,560 kematian manakala daerah Muallim mencatatkan bilangan kematian terendah iaitu sebanyak 387 kematian. Namun begitu, kadar kematian tertinggi dicatatkan oleh Kuala Kangsar iaitu 8.0 kematian bagi setiap 1,000 penduduk dan kadar terendah dicatatkan oleh Muallim iaitu 5.5 kematian bagi setiap 1,000 penduduk.

Carta 4.9: Bilangan dan kadar kematian mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2016

Daerah	Bilangan kematian	Kadar kematian
Kinta	5,560	6.8
Larut dan Matang	2,651	7.4
Hilir Perak <sup>1</sup>	1,708	7.6
Manjung	1,589	6.4
Kerian	1,383	7.2
Kuala Kangsar	1,373	8.0
Batang Padang	900	7.1
Kampar	802	7.6
Ulu Perak	743	7.4
Perak Tengah	724	6.6
Muallim	387	5.5




<sup>1</sup> Termasuk Daerah Pentadbiran Bagan Datuk

## JANGKAAN HAYAT

### Jangkaan hayat ketika lahir

Jangkaan hayat ketika lahir bagi lelaki di Perak adalah 71.3 tahun pada 2017 dengan peningkatan sebanyak 0.6 tahun berbanding 70.7 tahun pada 2010. Sementara itu, jangkaan hayat ketika lahir bagi perempuan di Perak pula adalah 77.3 tahun pada 2017 dengan peningkatan sebanyak 0.9 tahun berbanding 76.4 tahun pada 2010.


Rajah 4.1: Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina, Perak, 2010-2017



### Jangkaan hayat pada umur 15 tahun

Jangkaan hayat pada umur 15 tahun bagi lelaki ialah 57.3 tahun pada 2017 dan perempuan adalah 63.0 tahun. Ini bermakna, lelaki pada umur 15 tahun dijangka boleh hidup sehingga umur 72.3 tahun dan perempuan sehingga umur 78.0 tahun.


Rajah 4.2: Jangkaan hayat pada umur 15 tahun mengikut jantina, Perak, 2010-2017



### Jangkaan hayat pada umur 65 tahun

Bagi tahun 2010 sehingga 2017, jangkaan hayat pada umur 65 tahun bagi lelaki dan perempuan di Perak menunjukkan peningkatan masing-masing sebanyak 0.8 tahun dan 1.0 tahun. Ini bermakna, pada 2017, lelaki pada umur 65 tahun dijangka boleh hidup sehingga umur 80.1 tahun manakala perempuan sehingga umur 82.5 tahun.

Rajah 4.3: Jangkaan hayat pada umur 65 tahun mengikut jantina, Perak, 2010-2017




## TENAGA BURUH

Tenaga buruh meningkat dengan purata pertumbuhan tahunan 2.1 peratus antara tahun 2010 hingga 2017. Sejumlah 1.048 juta orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2017 berbanding 906.0 ribu orang pada 2010. Peningkatan ini disumbangkan oleh penduduk bekerja yang meningkat kepada 1.009 juta orang.

**Purata pertumbuhan tahunan tenaga buruh**  
**2.1%**  
antara 2010-2017

Carta 4.10: Tenaga buruh dan penduduk bekerja, Perak, 2010-2017



## PENDUDUK BEKERJA

Kategori pekerja perkhidmatan dan jualan mendominasi penduduk bekerja di Perak dengan peratus sumbangan sebanyak 27.0 peratus pada 2017. Ini diikuti oleh kategori operator mesin & loji dan pemasang dan pekerja asas dengan peratusan sumbangan masing-masing 12.0 peratus dan 11.9 peratus. Sementara itu, kategori pekerja mahir yang merangkumi kategori pengurus, profesional dan juruteknik & profesional bersekutu meliputi 23.2 peratus daripada keseluruhan pekerja di Perak.

**Pekerja perkhidmatan & jualan** mencatatkan peratusan tertinggi  
**27.0%**  
bagi penduduk bekerja

Jadual 4.9: Penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan, Perak, 2010-2017

Kategori pekerjaan	Bilangan ('000)							
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017
<b>Jumlah</b>	<b>878.7</b>	<b>919.7</b>	<b>927.1</b>	<b>947.8</b>	<b>954.1</b>	<b>981.8</b>	<b>988.2</b>	<b>1,009.3</b>
Pengurus	67.2	48.7	46.6	34.1	35.7	37.3	41.7	45.0
Profesional	44.7	82.8	75.2	68.5	75.0	84.6	105.0	100.5
Juruteknik & profesional bersekutu	109.0	72.8	69.4	70.4	79.5	86.9	96.8	87.9
Pekerja sokongan perkeranian	71.2	69.3	69.3	66.9	79.5	79.3	73.4	84.6
Pekerja perkhidmatan & jualan	159.3	210.8	226.3	228.8	242.9	251.0	252.6	272.6
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	111.4	84.6	87.3	100.1	70.0	72.6	60.7	67.2
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	114.6	106.0	110.8	119.9	129.0	137.9	124.5	110.4
Operator mesin & loji dan pemasang	111.6	131.3	114.0	129.6	130.0	124.1	118.8	121.4
Pekerja asas	89.7	113.4	128.3	129.4	112.5	108.2	114.8	119.7
Kategori pekerjaan	Komposisi (%)							
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017
<b>Jumlah</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
Pengurus	7.6	5.3	5.0	3.6	3.7	3.8	4.2	4.5
Profesional	5.1	9.0	8.1	7.2	7.9	8.6	10.6	10.0
Juruteknik & profesional bersekutu	12.4	7.9	7.5	7.4	8.3	8.9	9.8	8.7
Pekerja sokongan perkeranian	8.1	7.5	7.5	7.1	8.3	8.1	7.4	8.4
Pekerja perkhidmatan & jualan	18.1	22.9	24.4	24.1	25.5	25.6	25.6	27.0
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	12.7	9.2	9.4	10.6	7.3	7.4	6.1	6.7
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	13.0	11.5	12.0	12.7	13.5	14.0	12.6	10.9
Operator mesin & loji dan pemasang	12.7	14.3	12.3	13.7	13.6	12.6	12.0	12.0
Pekerja asas	10.2	12.3	13.8	13.7	11.8	11.0	11.6	11.9

Seramai 658.2 ribu orang pekerja (65.2%) tertumpu di sektor Perkhidmatan pada tahun 2017 dan diikuti oleh sektor Pembuatan yang merangkumi 170.0 ribu orang (16.8%). Sementara itu, sektor Pertanian dan Pembinaan masing-masing merekodkan sejumlah 105.9 ribu orang (10.5%) dan 70.4 ribu orang (7.0%). Sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan bilangan pekerja terendah iaitu seramai 4.8 ribu orang (0.5%).

Pekerja dalam **sektor Perkhidmatan** menyumbang **65.2%** pada tahun 2017

**Jadual 4.10: Penduduk bekerja mengikut sektor, Perak, 2010-2017**

Sektor	Bilangan ('000)							
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017
<b>Jumlah</b>	<b>878.7</b>	<b>919.7</b>	<b>927.1</b>	<b>947.8</b>	<b>954.1</b>	<b>981.8</b>	<b>988.2</b>	<b>1,009.3</b>
Pertanian	128.8	118.9	142.9	156.4	114.6	121.5	111.1	105.9
Perlombongan & pengkuarian	2.7	5.0	3.7	5.4	7.4	9.9	10.1	4.8
Pembuatan	164.1	175.8	162.0	168.3	176.4	176.1	162.1	170.0
Pembinaan	77.2	73.7	68.4	73.2	86.6	84.0	82.0	70.4
Perkhidmatan	505.8	546.4	550.0	544.6	569.1	590.4	622.9	658.2


Sektor	Komposisi (%)							
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017
<b>Jumlah</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
Pertanian	14.7	12.9	15.4	16.5	12.0	12.4	11.2	10.5
Perlombongan & pengkuarian	0.3	0.5	0.4	0.6	0.8	1.0	1.0	0.5
Pembuatan	18.7	19.1	17.5	17.8	18.5	17.9	16.4	16.8
Pembinaan	8.8	8.0	7.4	7.7	9.1	8.6	8.3	7.0
Perkhidmatan	57.6	59.4	59.3	57.5	59.6	60.1	63.0	65.2

## KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH DAN KADAR PENGANGGURAN

Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) di Perak meningkat 4.5 mata peratus daripada 58.5 peratus pada 2010 kepada 63.0 peratus pada 2017. Dalam tempoh yang sama, kadar pengangguran di Perak adalah dalam lingkungan 2.6 peratus hingga 3.8 peratus.

**KPTB Perak  
63.0%,  
meningkat  
4.5 mata peratus  
pada 2017**

Carta 4.11: KPTB dan kadar pengangguran, Perak, 2010-2017



## PENDAPATAN ISI RUMAH

## Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah

Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah Perak meningkat kepada RM4,006 pada 2016 berbanding RM3,451 pada 2014 dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 7.5 peratus.

**Purata pertumbuhan tahunan** pendapatan isi rumah penengah di Perak adalah **7.5%** antara 2014-2016


## Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah mengikut daerah pentadbiran

Isi rumah di daerah **Manjung** menerima pendapatan penengah bulanan tertinggi

Daerah Manjung mencatatkan pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah tertinggi iaitu RM4,363 pada 2016 (2014: RM3,730) diikuti Kinta RM4,347 (2014: RM3,782). Daerah lain merekodkan pendapatan di bawah paras pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah negeri iaitu RM4,006. Daerah tersebut adalah Kerian RM3,932 (2014: RM3,369), Batang Padang RM3,897 (2014: RM2,890), Kuala Kangsar RM3,778 (2014: RM3,142), Larut & Matang RM3,754 (2014: RM3,505), Kampar RM3,743 (2014: RM3,069), Hilir Perak RM3,478 (2014: RM3,044), Perak Tengah RM3,466 (2014: RM3,133) dan Hulu Perak RM3,325 (2014: RM2,494).

Daerah Batang Padang mencatatkan peningkatan tertinggi dalam purata pertumbuhan tahunan bagi pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah iaitu 14.9 peratus diikuti Hulu Perak (14.4%) antara tahun 2014 hingga 2016.

**Carta 4.12: Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah dan purata pertumbuhan tahunan mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2014 dan 2016**



<sup>1</sup> Termasuk Daerah Pentadbiran Muallim

<sup>2</sup> Termasuk Daerah Pentadbiran Bagan Datuk


### Ketidakseimbangan pendapatan

Nilai pekali Gini menurun kepada 0.362 pada tahun 2016 berbanding 0.366 pada 2014. Ini menunjukkan agihan pendapatan isi rumah di Perak semakin baik.

### Taburan isi rumah mengikut kumpulan pendapatan

Pembahagian isi rumah mengikut kumpulan pendapatan pula menunjukkan isi rumah T20 di Perak pada 2016 menerima pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah sebanyak RM9,540 diikuti isi rumah M40 (RM4,678) dan isi rumah B40 (RM2,366).

Carta 4.13 : Pekali Gini, Perak, 2014 dan 2016



**Kumpulan pendapatan isi rumah Perak:**  
 B40 <RM3,460  
 M40 RM3,460-RM6,979  
 T20 ≥RM6,980



## PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH

### Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata


Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata Perak meningkat daripada RM2,760 pada 2014 kepada RM3,233 pada tahun 2016 dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 7.9 peratus.

Purata pertumbuhan tahunan perbelanjaan penggunaan isi rumah purata di Perak **7.9%** antara 2014-2016

### Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah

Empat kumpulan utama perbelanjaan oleh isi rumah di Perak kekal tidak berubah pada tahun 2016 berbanding 2014 iaitu keutamaan kepada perbelanjaan untuk makanan dan minuman bukan alkohol (20.2%), perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (20.2%), restoran dan hotel (14.0%) dan pengangkutan (13.4%) yang menyumbang 67.8 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan penggunaan isi rumah.

**Carta 4.14 : Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah, Perak, 2014 dan 2016**



#### Kumpulan Utama Perbelanjaan Penggunaan

- |   |                                       |
|---|---------------------------------------|
| 01 Makanan & minuman bukan alkohol                | 07 Pengangkutan                       |
| 02 Minuman alkohol & tembakau                     | 08 Komunikasi                         |
| 03 Pakaian & kasut                                | 09 Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan |
| 04 Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain | 10 Pendidikan                         |
| 05 Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah | 11 Restoran & Hotel                   |
| 06 Kesihatan                                      | 12 Pelbagai barangan & perkhidmatan   |

Perbelanjaan pada tahun 2014 bagi empat kumpulan utama ini menyumbang 68.3 peratus iaitu makanan dan minuman bukan alkohol (21.5%), perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (21.0%), pengangkutan (15.2%) dan restoran & hotel (12.9%).

Kumpulan utama perbelanjaan pelbagai barangan & perkhidmatan mencatatkan peningkatan 1.4 mata peratus manakala perbelanjaan ke atas pengangkutan menurun 1.8 mata peratus berbanding kumpulan perbelanjaan lain bagi 2014 hingga 2016.

**67.8%** perbelanjaan penggunaan isi rumah di **Perak** tertumpu kepada **makanan & minuman bukan alkohol, perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain, restoran & hotel dan pengangkutan** pada 2016



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

# 2017

## PERAK

- 
- Akaun Negara
  - Indeks Harga Pengguna
  - Penduduk
  - Tenaga buruh
  - Pendapatan & perbelanjaan penggunaan isi rumah
- 

### BAB 5: NOTA TEKNIKAL





---

# AKAUN NEGARA

---

## KONSEP

### 1. PENGENALAN

## DEFINISI

Penyusunan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut Negeri di Malaysia merangkumi 13 buah negeri, W.P. Kuala Lumpur (termasuk W.P. Putrajaya) dan W.P. Labuan. Penerbitan ini menyediakan anggaran tahunan pada harga malar 2010 bagi tahun 2010 hingga 2017 mengikut kaedah pengeluaran. Konsep dan kaedah yang digariskan adalah berasaskan 2008 SNA yang ditakrifkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

### 2. KONSEP KELUARAN DALAM NEGERI KASAR

KDNK boleh diukur dengan menggunakan tiga kaedah iaitu, kaedah pengeluaran (penjumlahan nilai ditambah), perbelanjaan (penjumlahan perbelanjaan akhir) dan pendapatan (penjumlahan pendapatan yang diagihkan oleh unit pengeluar residen). Walau bagaimanapun, penerbitan ini hanya menumpu kepada kaedah pengeluaran sahaja.

Pada asasnya KDNK ialah konsep nilai ditambah. Ia adalah jumlah nilai ditambah bagi semua pengeluar residen ditambah dengan cukai dan ditolak subsidi atas produk yang tidak termasuk dalam pengiraan output.

#### 2.1 Pendekatan pengeluaran

KDNK berasaskan pendekatan pengeluaran (output) boleh didefinisikan sebagai jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan di Malaysia setelah ditolak dengan barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran (penggunaan perantaraan) sebelum ditolak penggunaan modal tetap.

Kaedah ini turut dikenali sebagai kaedah nilai ditambah kerana ia bersamaan dengan penjumlahan nilai ditambah iaitu jumlah perbezaan di antara nilai output kasar unit pengeluaran residen (yang diukur dalam harga pengeluar) dengan nilai penggunaan perantaraan (yang diukur dalam nilai pembeli) dan

---

## KONSEP

## DEFINISI

ditambah dengan duti import. Perbezaan di antara output kasar dengan penggunaan perantara adalah nilai ditambah. Kaedah ini akan dapat menunjukkan sumbangan setiap aktiviti ekonomi terhadap keseluruhan KDNK.

Unit pengeluaran dianggap sebagai residen yang mana individu atau isi rumah yang tinggal atau menetap di sesebuah negeri bagi tempoh tidak kurang dari satu tahun, manakala bagi pertubuhan pula ialah apabila ia mengekalkan pusat kepentingan ekonominya di wilayah ekonomi negeri tersebut sepanjang tempoh rujukan berkenaan. Wilayah ekonomi adalah terdiri daripada mana-mana kawasan geografi yang ditadbir oleh kerajaan negeri, di mana orang, barang, perkhidmatan, dan modal adalah bergerak secara bebas. KDNK pada harga pasaran/pembeli mewakili keputusan akhir daripada aktiviti pengeluaran oleh unit pengeluar residen.

### 2.2 Pusat kepentingan ekonomi utama

Sesuatu unit institusi dianggap residen bagi sesebuah wilayah ekonomi apabila wujudnya perkaitan yang kuat antara unit institusi tersebut di wilayah ekonomi tertentu, dengan kata lain pusat kepentingan ekonomi utama (2008 SNA).

Pusat kepentingan ekonomi utama merangkumi kawalan efektif sesebuah kerajaan negeri terhadap aktiviti ekonomi yang dilakukan khususnya ke atas hak pemilikan. Wilayah ekonomi adalah termasuk tanah, ruang udara, pengairan, hak ke atas perikanan, minyak atau mineral. Biasanya, kawalan efektif kerajaan negeri boleh dilihat melalui pemberian lesen, kawalan operasi dan sebagainya.

---

## KONSEP

## DEFINISI

Sesuatu unit institusi mempunyai pusat kepentingan ekonomi yang dominan dalam sesebuah wilayah ekonomi apabila wujudnya lokasi, tempat kediaman, tempat pengeluaran atau premis-premis lain. Setiap unit tersebut terlibat dalam aktiviti ekonomi dan transaksi berskala besar bagi satu tempoh masa yang panjang.

### 2.3 *Supra state*

Berdasarkan 2008 SNA, terdapat tiga jenis unit institusi iaitu yang mempunyai pusat kepentingan ekonomi dan kebanyakan aktiviti adalah di dalam lingkungan satu wilayah unit pelbagai wilayah dengan pusat kepentingannya di beberapa wilayah tetapi bukan seluruh negara; dan unit yang beroperasi pada peringkat nasional, iaitu pusat kepentingannya tidak boleh dikaitkan dengan kedudukan geografi (*Supra state*).

*Supra state* pada peringkat negeri adalah bersamaan dengan organisasi luar wilayah pada peringkat nasional. Di Malaysia, *Supra state* merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri.

### 2.4 KDNK pada harga malar

KDNK pada harga malar adalah nilai KDNK tanpa kesan harga berdasarkan tingkat harga terpilih pada tahun rujukan/asas. Sebagai satu kaedah mengukur pengeluaran, KDNK mengukur jumlah nilai pengeluaran barangan dan perkhidmatan oleh residen sesebuah negara dalam tempoh tertentu sebelum ditolak peruntukan untuk penggunaan modal tetap.

Pengukuran nilai barangan dan perkhidmatan dalam bentuk wang (Ringgit Malaysia) bergantung kepada perubahan harga dan kuantiti. Pengasingan kesan harga daripada penganggaran nilai adalah penting

---

**KONSEP****DEFINISI**

bagi membolehkan perbandingan sebenar iaitu perubahan tingkat/kuantiti barang dan perkhidmatan yang berlaku dalam aktiviti ekonomi dapat diukur.

Kaedah deflasi yang terbahagi kepada deflasi tunggal dan deflasi berganda digunakan untuk mendapatkan siri harga malar. Kaedah deflasi tunggal mengeluarkan pengaruh harga daripada output atau input yang telah dianggarkan manakala kaedah deflasi berganda pula mengeluarkan pengaruh harga daripada kedua-dua output dan input. Oleh yang demikian, nilai ditambah adalah perbezaan daripada hasil tolak output dan input. Kaedah deflasi berganda digunakan secara meluas dalam KDNK bagi kaedah pengeluaran.

**3. SKOP DAN LIPUTAN**

Penyusunan KDNK mengikut negeri mengguna pakai MSIC 2008 Ver. 1.0 sebagai asas penyusunan. Ini adalah sejajar dengan liputan banci dan penyiasatan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. MSIC 2008 Ver. 1.0 adalah berasaskan ISIC Rev. 4. Walau bagaimanapun, bagi tujuan penyusunan ini, aktiviti ekonomi telah diagregatkan mengikut kesediaan data.

**4. SEMAKAN DAN  
PENYELARASAN**

KDNK Negeri bagi tahun 2015 telah dimuktamadkan berdasarkan data terkini antaranya penyiasatan tahunan dan penyata kewangan syarikat.

Bagi tahun 2016, semakan adalah berdasarkan data terkini banci/penyiasatan tahunan/dwi tahunan dan akaun syarikat/perusahaan individu.

Penyusunan bagi tahun 2017 adalah berdasarkan maklumat terkini seperti penyiasatan suku tahunan dan data sekunder daripada pelbagai agensi.

---

**KONSEP****DEFINISI**

## 5. EKSPORT DAN IMPORT

Pintu keluar dan masuk.

Pintu keluar dan masuk merujuk kepada laluan untuk keluar atau masuk dari negara ini sama ada melalui laut, udara atau tanah (termasuk saluran paip dan kabel).

Nilai eksport atau import mengikut negeri berdasarkan pintu keluar dan masuk tidak menggambarkan eksport atau import oleh negeri berkenaan sebaliknya hanya melalui pintu keluar dan masuk di negeri tersebut sahaja. Sebagai contoh, sesuatu barangan mungkin dikeluarkan oleh syarikat di negeri A dan dieksport melalui pintu keluar di negeri B. Berdasarkan pintu keluar dan masuk, nilai eksport tersebut akan dilaporkan oleh negeri B.

Nilai eksport atau import mengikut pintu keluar dan masuk tidak dilaporkan bagi negeri yang mempunyai kurang daripada tiga pintu keluar dan masuk.

---

# INDEKS HARGA PENGGUNA

---

## KONSEP

### 1. INDEKS HARGA PENGGUNA

## DEFINISI

IHP mengukur perubahan peratus kos pembelian mengikut masa bagi "bakul" tetap barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak purata pembelian oleh sekumpulan penduduk pada sesuatu tempoh masa yang ditetapkan. "Bakul" ini merujuk kepada barangan dan perkhidmatan yang mempunyai kualiti dan kuantiti yang seakan-akan sama atau tidak berubah, mengandungi item yang berada lama atau boleh di ukur secara berterusan di pasaran berbanding dengan masa. Perubahan harga barangan yang berlaku dalam bakul ini adalah disebabkan oleh perubahan harga yang sebenarnya sahaja, iaitu perubahan harga ini tidak berkaitan langsung dengan perubahan pada kuantiti atau kualiti barangan dan perkhidmatan tersebut.

Barangan dan perkhidmatan yang diliputi dalam "bakul" ini adalah luas, dikelaskan berpandu kepada United Nations "*Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP)*" dalam dua belas kumpulan berikut:

- Makanan dan minuman bukan beralkohol
- Minuman beralkohol dan tembakau
- Pakaian dan kasut
- Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain
- Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah
- Kesihatan
- Pengangkutan
- Komunikasi
- Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan
- Pendidikan
- Restoran dan hotel
- Pelbagai barangan dan perkhidmatan

# PENDUDUK

## KONSEP

## DEFINISI

### 1. PENDUDUK

#### 1.1 Pertumbuhan penduduk

Pertumbuhan penduduk adalah perubahan penduduk sejajar dengan perubahan masa dan boleh dikira sebagai perubahan bilangan individu dalam penduduk menggunakan "per unit masa" sebagai pengukuran.

Formula:

$$\text{Purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan} = \frac{1}{n} \ln \left( \frac{P_{t+n}}{P_t} \right) \times 100$$

#### 1.2 Kepadatan penduduk

Kepadatan penduduk sekilometer persegi telah dikira sebagai nisbah bilangan penduduk sesuatu kawasan geografi kepada keluasan dalam kilometer persegi bagi kawasan yang sama.

#### 1.3 Agama

Merujuk kepada pengenalan atau perkaitan seseorang individu kepada satu set atau sistem kepercayaan dan amalan kepercayaan tersebut.

#### 1.4 Etnik

Pengelasan etnik adalah seperti berikut:

Malaysia dan Semenanjung Malaysia	Sabah dan W. P. Labuan	Sarawak
Warganegara Malaysia	Warganegara Malaysia	Warganegara Malaysia
Bumiputera Melayu	Bumiputera Melayu	Bumiputera Melayu
Bumiputera Lain	Kadazan/ Dusun Bajau Murut Bumiputera Lain	Iban Bidayuh Melanau Bumiputera Lain
Cina	Cina	Cina
India	India	India
Lain-lain	Lain-lain	Lain-lain
Bukan Warganegara Malaysia	Bukan Warganegara Malaysia	Bukan Warganegara Malaysia

---

**KONSEP****DEFINISI**

1.5 Anggaran penduduk antara banci

Anggaran penduduk antara banci adalah anggaran penduduk bagi tarikh rujukan antara dua banci dan merupakan data siri masa anggaran penduduk yang muktamad. Data ini diselaraskan semula bagi setiap sepuluh tahun iaitu selepas Banci Penduduk dan Perumahan dijalankan menggunakan set data kelahiran dan kematian muktamad. Kaedah yang digunakan adalah kaedah ketakatan ke hadapan dan ketakatan berbalik.

1.6 Anggaran penduduk semasa

Anggaran penduduk semasa merujuk kepada saiz penduduk semasa di sesuatu kawasan. Anggaran ini dikira setiap tahun dan kaedah yang digunakan adalah kaedah komponen kohort iaitu pengiraannya berdasarkan perubahan komponen penduduk iaitu kelahiran, kematian serta migrasi dalaman dan antarabangsa bagi tahun semasa. Anggaran ini memberi gambaran tentang pertumbuhan dan perubahan penduduk dari segi struktur dan komposisinya.

1.7 Unjuran penduduk

Unjuran penduduk adalah anggaran penduduk yang diunjurkan untuk masa depan. Unjuran ini dikira setiap sepuluh tahun iaitu selepas Banci Penduduk dan Perumahan dijalankan. Kaedah komponen kohort yang terdiri daripada kelahiran, kematian dan migrasi bersih digunakan dalam membuat unjuran ini. Unjuran penduduk memberi gambaran tentang kemungkinan perubahan penduduk berdasarkan andaian kelahiran, kematian, migrasi dalaman dan antarabangsa masa depan.

1.8 Nisbah jantina

Merujuk kepada bilangan lelaki bagi setiap 100 perempuan.

---

**KONSEP****DEFINISI**

1.9 Umur penengah

Umur penengah ialah umur yang membahagikan taburan penduduk kepada dua kumpulan yang sama saiznya, di mana separuh daripadanya berada di bawah umur ini, manakala separuh lagi melebihi umur tersebut.

1.10 Jumlah nisbah tanggungan

Merujuk kepada nisbah bilangan penduduk yang berumur bawah 15 tahun dan yang berumur 65 tahun dan lebih kepada bilangan penduduk yang berumur 15-64 tahun.

Formula :

$$\text{Jumlah nisbah tanggungan} = \frac{\text{(Bilangan penduduk umur bawah 15 tahun + bilangan penduduk umur 65 tahun dan lebih) dalam tahun } t}{\text{Bilangan penduduk umur 15-64 tahun dalam tahun } t} \times 100$$

1.11 Nisbah tanggungan umur muda

Merujuk kepada nisbah di antara bilangan penduduk yang berumur bawah 15 tahun kepada bilangan penduduk yang berumur 15-64 tahun.

Formula:

$$\text{Nisbah tanggungan umur muda} = \frac{\text{Bilangan penduduk umur bawah 15 tahun dalam tahun } t}{\text{Bilangan penduduk umur 15-64 tahun dalam tahun } t} \times 100$$

1.12 Nisbah tanggungan umur tua

Merujuk kepada nisbah di antara bilangan penduduk yang berumur 65 tahun dan lebih kepada bilangan penduduk yang berumur 15-64 tahun.

Formula:

$$\text{Nisbah tanggungan umur tua} = \frac{\text{Bilangan penduduk umur 65 tahun dan lebih dalam tahun } t}{\text{Bilangan penduduk umur 15-64 tahun dalam tahun } t} \times 100$$

---

## KONSEP

### 1.13 Penduduk tua

## DEFINISI

Kategori penuaan adalah seperti berikut:

Berdasarkan *United Nations (UN)*, penuaan dikategorikan mengikut tiga kumpulan iaitu:

- i. *Ageing society* - apabila penduduk berumur 65 tahun dan lebih mencapai tujuh peratus daripada jumlah penduduk.
- ii. *Aged society* - apabila penduduk berumur 65 tahun dan lebih mencapai 14 peratus daripada jumlah penduduk.
- iii. *Super-aged society* - apabila penduduk berumur 65 tahun dan lebih mencapai 20 peratus daripada jumlah penduduk.

Berdasarkan *World Health Organisation (WHO)*, sesebuah negara akan menjadi *Ageing society* apabila penduduk berumur 60 tahun dan lebih mencapai 10 peratus daripada jumlah penduduk. Tafsiran ini turut digunapakai oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Institut Gerontologi UPM.

Jabatan Perangkaan Malaysia menggunakan definisi daripada UN disebabkan penduduk dalam kumpulan umur 15-64 tahun adalah kumpulan yang bekerja.

## 2. PERANGKAAN PENTING

### 2.1 Kelahiran hidup

Merujuk kepada kelahiran yang bernyawa semasa dilahirkan walaupun hanya seketika.

Formula:

$$\text{Kadar kelahiran kasar} = \frac{\text{Bilangan kelahiran hidup dalam tahun } t}{\text{Penduduk pertengahan tahun dalam tahun } t} \times 1,000$$

---

**KONSEP****DEFINISI**

2.2 Kelahiran mati

Merujuk kepada kelahiran selepas kehamilan 28 minggu atau lebih yang tiada tanda bernyawa semasa dilahirkan.

Formula:

$$\text{Kadar kelahiran mati} = \frac{\text{Bilangan kelahiran mati dalam tahun } t}{(\text{Bilangan kelahiran hidup} + \text{bilangan kelahiran mati}) \text{ dalam tahun } t} \times 1,000$$

2.3 Purata umur ibu pada kelahiran pertama

Merujuk kepada purata umur ibu yang melahirkan anak pertama.

2.4 Kadar kesuburan umur tertentu

Merujuk kepada bilangan kelahiran oleh ibu-ibu bagi kumpulan umur tertentu dalam sesuatu tahun, bagi setiap seribu perempuan dalam kumpulan umur berkenaan.

Formula:

$$\text{Kadar kesuburan umur tertentu} = \frac{\text{Bilangan kelahiran hidup mengikut kumpulan umur ibu tertentu dalam tahun } t}{\text{Penduduk perempuan pertengahan tahun bagi kumpulan umur tertentu dalam tahun } t} \times 1,000$$

2.5 Kadar kesuburan jumlah

Merujuk kepada purata bilangan anak yang akan dilahirkan sekiranya seseorang perempuan terus hidup sehingga akhir tempoh reproduktifnya dan di sepanjang tempoh itu tertakluk kepada kadar kesuburan umur tertentu bagi sesuatu tahun.

---

**KONSEP****DEFINISI**

[Kadar ini diperoleh dengan menjumlahkan kadar kesuburan umur tertentu perempuan yang berumur 15-49 tahun (mengikut kumpulan umur lima tahun) dan didarabkan dengan 5].

Formula:

$$\text{Kadar kesuburan jumlah} = 5 \sum_i (\text{kadar kesuburan umur tertentu})$$

di mana:  $i = (15-19), (20-24), \dots, (45-49)$

**2.6 Kematian bayi**

Merujuk kepada kematian bayi yang berumur kurang daripada 1 tahun.

Formula:

$$\text{Kadar mortaliti bayi} = \frac{\text{Bilangan kematian umur kurang daripada 1 tahun dalam tahun } t}{\text{Bilangan kelahiran hidup dalam tahun } t} \times 1,000$$

**2.7 Kematian ibu bersalin**

Merujuk kepada kematian seorang wanita yang hamil, ketika melahirkan anak sehingga 42 hari selepas melahirkan anak atau keguguran akibat daripada proses kehamilan dan pengendaliannya atau penyakit-penyakit yang menjejaskan kesihatan ibu dan bukan dari penyebab-penyebab kemalangan atau kebetulan.

Formula:

$$\text{Nisbah mortaliti ibu bersalin} = \frac{\text{Bilangan kematian yang disebabkan oleh kesulitan semasa hamil atau semasa melahirkan anak atau kematian dalam tempoh 42 hari selepas bersalin dalam tahun, } t}{\text{Bilangan kelahiran hidup dalam tahun } t} \times 100,000$$

---

**KONSEP****DEFINISI**

2.8 Kadar kematian  
umur tertentu

Formula:

$$\text{Kadar kematian umur tertentu} = \frac{\text{Bilangan kematian mengikut kumpulan umur tertentu dalam tahun } t}{\text{Bilangan penduduk pertengahan tahun bagi kumpulan umur tertentu dalam tahun } t} \times 1,000$$

2.9 Pengesanan  
sebab kematian

Merujuk kepada purata kematian bagi setiap seribu penduduk mengikut umur tertentu.

Maklumat sebab kematian terbahagi kepada dua iaitu sebab kematian yang disahkan dan tidak disahkan secara perubatan. Sebab kematian yang disahkan merujuk kepada pengesanan yang dibuat oleh pegawai perubatan dan koroner sahaja. Sebab kematian yang tidak disahkan merujuk kepada pengesanan yang dibuat oleh pengesah yang tidak mempunyai kelayakan perubatan seperti polis atau orang perseorangan.

### 3. JANGKAAN HAYAT

3.1 Jangkaan hayat

Purata baki umur (tahun) seseorang dijangka akan dapat hidup pada permulaan umur tertentu.

3.2 Jangkaan hayat  
ketika lahir

Jangkaan purata bilangan tahun seseorang bayi yang baru lahir akan hidup dengan mengandaikan corak kadar kematian pada umur tertentu yang tetap.

---

# TENAGA BURUH

---

## KONSEP

### 1. SURVEI TENAGA BURUH

## DEFINISI

Survei Tenaga Buruh menggunakan pendekatan taraf sebenar yang mana seseorang itu dikelaskan berdasarkan kegiatannya dalam tenaga buruh semasa minggu rujukan. Taraf aktiviti ini terbahagi kepada kategori berikut:

i) Tenaga buruh

Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja sama ada bekerja atau menganggur.

ii) Bekerja

Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji. Mereka juga dianggap bekerja jika:

- a. tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, tiada upaya, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja.
- b. tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.
- c. bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan bentuk kerja atau disebabkan kurang kerja dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja. Kumpulan ini merupakan guna tenaga tidak penuh.

---

## KONSEP

## DEFINISI

Mereka yang bekerja lebih daripada 30 jam semasa minggu rujukan merupakan guna tenaga penuh.

### iii) Menganggur

Penganggur adalah mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.

Penganggur aktif adalah mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu rujukan.

Penganggur tidak aktif adalah mereka yang berada dalam kategori berikut:

- a. tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau pun tidak berkecenderungan.
- b. mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca.
- c. telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan.

### iv) Luar tenaga buruh

Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dikategorikan sebagai luar tenaga buruh. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.

---

**KONSEP****2. KADAR PENYERTAAN  
TENAGA BURUH****DEFINISI**

Aktiviti ekonomi penduduk pada keseluruhannya bergantung kepada ciri-ciri demografi sesuatu populasi. Dengan itu, pecahan mereka yang aktif secara ekonomi berbeza di antara kumpulan-kumpulan kecil penduduk tersebut. Perbezaan ini diukur dengan kadar aktiviti tertentu yang dikenali sebagai kadar penyertaan tenaga buruh.

Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja (15–64 tahun) dalam bentuk peratusan. Formulanya adalah seperti berikut:

Formula:

$$\text{Kadar penyertaan tenaga buruh} = \frac{\text{Bilangan penduduk dalam tenaga buruh}}{\text{Bilangan penduduk umur bekerja (15–64 tahun)}} \times 100$$

**3. KADAR PENGANGGURAN**

Kadar pengangguran ialah perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh. Kadar ini mengukur peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja. Kadar pengangguran dikira menggunakan formula berikut:

Formula:

$$\text{Kadar pengangguran} = \frac{\text{Bilangan penganggur}}{\text{Bilangan penduduk dalam tenaga buruh}} \times 100$$

---

# PENDAPATAN & PERBELANJAAN

---

## PENGGUNAAN ISI RUMAH

### KONSEP

### DEFINISI

#### 1. PERBELANJAAN ISI RUMAH

Definisi perbelanjaan isi rumah (IR) yang digunakan dalam penyiasatan ini adalah mengikut konsep dan garis panduan oleh *United Nations* menerusi penerbitan *A System of National Accounts, 2008* oleh *United Nations* dan *Framework for Statistics on the Distribution of Household Income, Consumption and Wealth, 2013* yang diterbitkan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)*. Perbelanjaan IR ini boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu perbelanjaan penggunaan dan perbelanjaan bukan penggunaan.

#### 2. PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH

Perbelanjaan penggunaan IR adalah segala perbelanjaan untuk kegunaan persendirian ke atas barangan dan perkhidmatan sepanjang tempoh rujukan. Perbelanjaan ini termasuk:

Semua perbelanjaan sama ada tunai atau kredit oleh ahli-ahli IR ke atas barangan dan perkhidmatan untuk kegunaan persendirian. Jenis perbelanjaan ini termasuk juga cukai-cukai yang dibayar untuk mendapatkan Definisi perbelanjaan isi rumah yang digunakan dalam penyiasatan ini adalah mengikut konsep dan garis panduan oleh *United Nations* menerusi penerbitan *A System of National Accounts, 2008* oleh *United Nations* dan *Framework for Statistics on the Distribution of Household Income, Consumption and Wealth, 2013* yang diterbitkan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)*. Perbelanjaan IR ini boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu perbelanjaan penggunaan dan perbelanjaan bukan penggunaan.

Perbelanjaan penggunaan IR adalah segala perbelanjaan untuk kegunaan persendirian ke atas barangan dan perkhidmatan sepanjang tempoh rujukan. Perbelanjaan ini termasuk:

---

## KONSEP

## DEFINISI

- Semua perbelanjaan sama ada tunai atau kredit oleh ahli-ahli IR ke atas barangan dan perkhidmatan untuk kegunaan persendirian. Jenis perbelanjaan ini termasuk juga cukai-cukai yang dibayar untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan tersebut.
- Semua barangan, perkhidmatan dan kemudahan yang diterima dalam bentuk mata benda sama ada secara percuma atau konsesi, diambil kira sebagai perbelanjaan. Contohnya, makanan dan tempat penginapan percuma atau dengan bayaran konsesi. Nilai daripada makanan dan tempat penginapan tersebut dikira sebagai perbelanjaan kepada IR berkenaan;
- Barangan penggunaan sendiri. Contohnya sayur-sayuran hasil tanaman sendiri atau barangan yang diambil dari kedai runcit sendiri untuk kegunaan persendirian perlu dibuat imputasi mengikut harga runcit. Nilai harga tersebut dikira sebagai perbelanjaan IR berkenaan; dan
- Nilai sewa bersih rumah yang diduduki oleh pemiliknya juga diambil kira sebagai perbelanjaan. Nilai sewa tersebut perlu dibuat imputasi mengikut nilai sewa pasaran semasa untuk jenis rumah yang sama di kawasan yang sama.

### 3. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK TERMASUK DALAM PERBELANJAAN ISI RUMAH

Perkara-perkara yang TIDAK TERMASUK dalam perbelanjaan IR adalah seperti berikut:

- i. Perbelanjaan untuk makanan, penginapan, perjalanan dan hiburan semasa bertugas sama ada untuk perniagaan atau urusan kerajaan, perbelanjaan pakaian seragam, peralatan & kelengkapan kerja dan lain-lain untuk kegunaan pekerjaan yang dibayar oleh

---

**KONSEP****DEFINISI**

seorang kakitangan berkaitan dengan perniagaan majikannya dan dibayar balik oleh majikan.

- ii. Perkhidmatan yang diberi percuma kepada orang awam contohnya perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan di taman permainan kanak-kanak dan tempat letak kereta awam percuma.

**4. PENGELASAN ITEM PERBELANJAAN**

Perbelanjaan diklasifikasikan kepada 13 kumpulan utama mengikut *Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP), United Nations*:

- 01 Makanan & minuman bukan alkohol
- 02 Minuman alkohol & tembakau
- 03 Pakaian & kasut
- 04 Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain
- 05 Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan IR
- 06 Kesihatan
- 07 Pengangkutan
- 08 Komunikasi
- 09 Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan
- 10 Pendidikan
- 11 Restoran dan hotel
- 12 Pelbagai barangan & perkhidmatan
- 13 Pelbagai perbelanjaan & perbelanjaan kewangan

Walau bagaimanapun, dalam penerbitan ini, item-item perbelanjaan penggunaan merangkumi 12 kumpulan utama (01 - 12) sahaja.

**5. PENDAPATAN**

Maklumat pendapatan yang terperinci diperoleh daripada ahli IR yang menerima pendapatan. Konsep dan definisi pendapatan yang digunakan dalam penyiasatan ini adalah merujuk kepada *Canberra Group Handbook on Household Income Statistics, Second*

---

## KONSEP

## DEFINISI

*Edition (2011)* yang diterbitkan oleh United Nations. Punca pendapatan adalah merangkumi:

### Pekerjaan bergaji

Pendapatan pekerjaan bergaji boleh diterima dalam bentuk wang tunai atau dalam bentuk barangan dan perkhidmatan. Ini termasuk upah dan gaji untuk masa bekerja dan kerja yang dilakukan, bonus tunai dan ganjaran, komisen dan tips, elaun pengarah, bonus perkongsian keuntungan dan lain-lain bentuk pembayaran keuntungan yang berkaitan dan barangan & perkhidmatan percuma atau subsidi daripada majikan (termasuk makanan percuma/konsesi).

### Bekerja sendiri

Pendapatan yang diterima oleh individu hasil daripada bekerja sendiri. Pendapatan bersih daripada bekerja sendiri termasuk keuntungan atau kerugian yang terakru kepada pemilik atau rakan kongsi atau mereka yang bekerja dalam perusahaan yang tidak diperbadankan. Ia juga termasuk anggaran nilai barangan dan perkhidmatan yang diperolehi melalui pertukaran barang serta barangan atau tanaman/ternakan yang dihasilkan untuk kegunaan sendiri, setelah ditolak kos perbelanjaan. Asas untuk mengukur pendapatan daripada bekerja sendiri dalam statistik pendapatan IR adalah berdasarkan konsep pendapatan bersih, iaitu, nilai output kasar ditolak kos operasi dan selepas pelarasan bagi susut nilai aset yang digunakan dalam pengeluaran. Keuntungan berlaku apabila penerimaan adalah lebih besar daripada perbelanjaan operasi, manakala kerugian berlaku apabila perbelanjaan operasi adalah lebih besar daripada penerimaan.

# 2017

## PERAK

- **Akaun Negara**
  - ◆ Nasional
  - ◆ Negeri
- **Indeks Harga Pengguna**
- **Pendapatan & perbelanjaan penggunaan isi rumah**
- **Penduduk**
- **Tenaga buruh**

### BAB 6: JADUAL PERANGKAAN





**Jadual 6.1: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, Malaysia, 2010-2017 - RM juta**

Jenis aktiviti ekonomi	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016 <sup>e</sup>	2017 <sup>P</sup>
<b>1. Pertanian</b>	<b>82,882</b>	<b>88,555</b>	<b>89,406</b>	<b>91,181</b>	<b>93,048</b>	<b>94,396</b>	<b>89,509</b>	<b>95,968</b>
1.1 Getah	8,823	9,353	8,614	7,759	6,288	6,797	6,373	6,968
1.2 Kelapa sawit	37,467	41,514	41,402	42,521	43,539	44,119	38,538	44,720
1.3 Ternakan	6,962	7,676	8,315	9,086	9,806	10,039	10,406	10,954
1.3.1 Ternakan ayam dan itik	4,025	4,476	4,964	5,477	6,029	6,231	6,500	6,845
1.3.2 Lembu/ kerbau	822	909	890	975	996	912	899	936
1.3.3 Ternakan lain	2,116	2,291	2,461	2,635	2,781	2,896	3,007	3,173
1.4 Pertanian lain	12,100	12,901	13,879	15,031	16,247	16,776	17,506	17,866
1.4.1 Padi	1,837	1,971	2,002	2,073	2,158	2,136	2,176	2,077
1.4.2 Sayur-sayuran	4,341	4,686	5,159	5,707	6,152	6,423	6,790	7,023
1.4.3 Buah-buahan	2,879	3,140	3,323	3,636	3,958	4,095	4,273	4,399
1.4.4 Tanaman makanan	2,340	2,412	2,747	2,956	3,242	3,387	3,513	3,574
1.4.5 Lain-lain	703	692	648	659	738	736	754	793
1.5 Perhutanan dan pembalakan	8,493	7,920	7,596	7,015	7,199	6,629	6,433	5,421
1.6 Perikanan	9,036	9,192	9,601	9,770	9,969	10,036	10,253	10,040
1.6.1 Perikanan laut	5,997	6,161	6,356	6,541	6,639	6,703	7,016	6,652
1.6.2 Akuakultur	3,039	3,032	3,246	3,228	3,331	3,333	3,237	3,388
<b>2. Perlombongan dan pengkuarian</b>	<b>89,793</b>	<b>85,373</b>	<b>86,751</b>	<b>87,789</b>	<b>90,707</b>	<b>95,508</b>	<b>97,468</b>	<b>98,436</b>
2.1 Minyak mentah dan kondensat	46,171	41,166	42,134	40,978	42,997	47,481	47,744	46,474
2.2 Gas asli	39,969	40,362	40,099	41,848	42,243	41,810	43,064	44,804
2.3 Perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan	3,653	3,844	4,519	4,963	5,467	6,217	6,660	7,158
<b>3. Pembuatan</b>	<b>192,493</b>	<b>202,960</b>	<b>211,921</b>	<b>219,152</b>	<b>232,527</b>	<b>243,703</b>	<b>254,472</b>	<b>269,804</b>
3.1 Minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan	9,012	10,041	9,722	10,338	10,972	10,614	10,098	11,866
3.2 Prosesan makanan	8,379	8,814	9,834	10,080	10,618	10,857	11,810	12,249
3.3 Minuman	3,725	4,045	3,937	3,898	4,564	5,004	5,471	5,960
3.4 Produk tembakau	3,063	3,263	3,500	3,075	3,187	3,423	3,515	3,585
3.5 Tekstil dan pakaian	3,058	3,416	3,116	3,165	3,508	3,728	3,949	4,275
3.6 Kulit dan produk berkaitan	259	314	329	346	376	403	431	455
3.7 Keluaran kayu	4,696	4,504	4,591	4,709	5,180	5,511	5,798	6,040
3.8 Kertas dan produk kertas	2,463	2,588	2,726	2,728	2,717	2,751	2,865	2,993
3.9 Percetakan dan pengeluaran semula media rakaman	2,284	2,443	2,484	2,526	2,839	3,099	3,316	3,494

**Jadual 6.1: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, Malaysia, 2010-2017 - RM juta (samb.)**

Jenis aktiviti ekonomi	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016 <sup>e</sup>	2017 <sup>p</sup>
3.10 Produk petroleum bertapis	28,022	29,855	31,033	29,926	30,085	30,453	31,482	32,580
3.11 Bahan kimia & produk kimia dan produk farmaseutikal	21,043	22,011	23,432	23,384	24,086	25,348	26,836	28,053
3.12 Produk getah	5,645	6,366	6,513	7,080	6,866	7,117	7,327	7,781
3.13 Produk plastik	5,871	7,167	8,093	8,969	9,465	9,573	10,095	10,403
3.14 Produk mineral bukan logam	6,908	8,480	8,870	8,430	9,017	9,625	10,153	10,682
3.15 Logam asas	6,407	6,724	6,236	6,416	6,549	6,634	6,783	7,062
3.16 Produk logam yang direka	8,535	10,480	12,064	13,357	13,713	14,265	15,027	15,700
3.17 Jentera dan peralatan	5,653	6,229	6,418	6,389	6,850	7,291	7,616	8,046
3.18 Komputer dan kelengkapan peranti	6,146	4,573	4,278	4,428	4,526	4,507	4,744	4,431
3.19 Kelengkapan elektrik	3,406	3,707	3,813	3,827	4,047	4,263	4,563	4,979
3.20 Komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna	33,189	33,331	34,053	36,540	41,358	45,698	49,239	54,171
3.21 Pembuatan peralatan perubatan, ketepatan & optik, jam tangan dan jam	2,741	2,791	2,823	3,005	3,061	3,190	3,431	3,524
3.22 Kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan	17,889	17,630	19,560	22,071	24,455	25,617	24,699	25,965
3.23 Perabot	2,573	2,641	2,839	2,642	2,720	2,842	3,115	3,268
3.24 Pembuatan lain dan pembaikan & pemasangan mesin dan kelengkapan	1,524	1,547	1,655	1,822	1,766	1,892	2,109	2,240
<b>4. Pembinaan</b>	<b>28,213</b>	<b>29,524</b>	<b>34,880</b>	<b>38,590</b>	<b>43,115</b>	<b>46,719</b>	<b>50,197</b>	<b>53,574</b>
4.1 Bangunan kediaman	6,344	7,096	8,599	9,715	11,584	12,356	13,412	13,767
4.2 Bangunan bukan kediaman	8,337	8,550	9,548	10,267	11,627	12,843	12,707	12,979
4.3 Kejuruteraan awam	7,914	7,979	10,244	11,480	11,825	12,918	14,949	17,004
4.4 Aktiviti pembinaan pertukangan khas	5,619	5,899	6,489	7,128	8,079	8,601	9,128	9,824
<b>5. Perkhidmatan</b>	<b>420,382</b>	<b>449,854</b>	<b>479,300</b>	<b>507,791</b>	<b>541,412</b>	<b>569,865</b>	<b>602,261</b>	<b>639,568</b>
5.1 Utiliti	22,173	23,048	24,169	25,236	26,198	27,161	28,618	29,437
5.1.1 Elektrik dan gas	17,701	18,404	19,331	20,184	20,905	21,559	22,639	23,097
5.1.2 Air, pembentungan dan pengurusan sisa	4,472	4,644	4,838	5,052	5,293	5,602	5,979	6,340
5.2 Perdagangan borong dan runcit	112,771	120,411	125,905	133,797	145,714	155,875	165,692	177,438
5.2.1 Perdagangan borong	49,457	53,649	55,392	58,516	63,570	69,469	75,204	80,095
5.2.2 Perdagangan runcit	46,503	49,585	52,533	56,754	62,399	65,829	70,529	77,147
5.2.3 Kenderaan bermotor	16,811	17,177	17,980	18,527	19,745	20,577	19,959	20,196

**Jadual 6.1: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, Malaysia, 2010-2017 - RM juta (samb.)**

Jenis aktiviti ekonomi	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016 <sup>e</sup>	2017 <sup>p</sup>
5.3 Makanan & minuman dan penginapan	21,863	23,209	24,502	25,938	27,619	29,385	31,475	33,820
5.3.1 Makanan dan minuman	16,309	17,449	18,575	19,837	21,306	22,848	24,641	26,629
5.3.2 Penginapan	5,555	5,760	5,927	6,102	6,313	6,537	6,834	7,191
5.4 Pengangkutan dan penyimpanan	28,998	30,630	32,089	33,561	35,359	37,396	39,542	41,998
5.4.1 Pengangkutan darat	6,675	7,017	7,395	7,716	8,182	8,706	9,286	9,922
5.4.2 Pengangkutan air	4,816	5,061	5,185	5,275	5,162	5,259	5,333	5,440
5.4.3 Pengangkutan udara	4,220	4,280	4,317	4,507	4,694	4,820	4,967	5,119
5.4.4 Pelabuhan dan operasi lapangan terbang	3,896	4,197	4,544	4,786	5,162	5,535	5,930	6,420
5.4.5 Operasi lebuh raya	4,603	5,020	5,412	5,809	6,369	6,932	7,524	8,135
5.4.6 Aktiviti sokongan untuk pengangkutan	3,527	3,692	3,897	4,065	4,305	4,568	4,827	5,163
5.4.7 Pos dan kurier	1,261	1,363	1,340	1,402	1,485	1,576	1,674	1,800
5.5 Maklumat dan komunikasi	39,513	42,422	46,185	50,396	55,415	60,666	65,578	71,109
5.5.1 Maklumat	5,423	5,292	5,629	5,952	6,335	6,645	6,899	7,358
5.5.2 Komunikasi	26,231	28,745	31,720	35,073	38,773	42,593	46,549	50,807
5.5.3 Perkhidmatan komputer	7,859	8,385	8,836	9,371	10,307	11,428	12,130	12,944
5.6 Kewangan	47,685	50,690	53,372	54,535	55,504	55,436	56,165	58,914
5.6.1 Pengantara kewangan	43,420	46,056	48,249	49,094	49,698	49,476	50,200	52,395
5.6.2 Lain-lain pengantara kewangan dan aktiviti sokongan kewangan	4,265	4,634	5,123	5,441	5,805	5,960	5,965	6,519
5.7 Insurans	13,893	15,092	17,512	17,783	18,496	18,183	19,374	20,095
5.7.1 Insurans dan tabungan pencen	13,509	14,663	17,057	17,299	18,013	17,685	18,862	19,548
5.7.2 Aktiviti sokongan insurans	384	429	455	484	483	498	512	547
5.8 Hartanah	11,797	12,299	12,917	13,592	14,374	15,061	15,788	16,556
5.9 Perkhidmatan perniagaan	20,564	21,949	23,914	26,195	28,594	30,719	33,143	36,000
5.9.1 Profesional, saintifik dan teknikal	13,679	14,640	16,185	17,854	19,417	20,885	22,616	24,724
5.9.2 Pentadbiran dan khidmat sokongan	6,885	7,310	7,730	8,340	9,177	9,834	10,527	11,275
5.10 Kediaman yang didiami oleh pemilik	16,034	16,435	16,718	17,320	17,998	18,788	19,660	20,591
5.11 Perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian	19,686	21,107	22,550	24,195	25,558	26,882	28,285	29,845
5.11.1 Perkhidmatan kesihatan swasta	5,263	5,534	5,860	6,194	6,524	6,879	7,258	7,668
5.11.2 Perkhidmatan pendidikan swasta	5,906	6,357	6,853	7,309	7,839	8,410	8,977	9,555
5.11.3 Perkhidmatan swasta lain	8,517	9,217	9,837	10,692	11,195	11,592	12,050	12,621

**Jadual 6.1: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, Malaysia, 2010-2017 - RM juta (samb.)**

Jenis aktiviti ekonomi	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016 <sup>e</sup>	2017 <sup>p</sup>
5.12 Perkhidmatan kerajaan	64,359	71,503	78,397	84,164	89,490	93,208	97,818	102,623
5.12.1 Perkhidmatan awam am	7,858	8,582	8,937	10,610	12,930	15,265	15,730	16,486
5.12.2 Pertahanan	6,092	6,939	7,472	7,942	8,358	8,484	8,762	9,172
5.12.3 Ketenteraman dan keselamatan awam	7,013	8,105	8,836	9,224	9,655	9,845	9,780	10,088
5.12.4 Perkhidmatan ekonomi	5,537	5,944	5,960	6,655	6,785	7,065	7,511	7,941
5.12.5 Perlindungan alam sekitar	214	236	227	255	332	339	347	354
5.12.6 Kemudahan perumahan dan kemasyarakatan	910	926	933	1,092	1,101	1,126	1,353	1,490
5.12.7 Kesihatan	8,485	9,102	10,566	11,168	11,988	12,362	13,453	14,071
5.12.8 Rekreasi, kebudayaan dan keagamaan	990	1,037	1,207	1,547	1,291	1,361	1,503	1,551
5.12.9 Pendidikan	26,494	29,818	33,494	34,874	36,205	36,553	38,588	40,686
5.12.10 Perlindungan sosial	765	813	766	796	846	810	791	783
5.13 Institusi bukan keuntungan yang berkhidmat kepada isi rumah	114	115	118	121	124	132	136	140
5.14 Perkhidmatan domestik bagi isi rumah	933	943	951	960	968	974	987	1,002
<b>6. tambah Duti import</b>	<b>7,672</b>	<b>8,654</b>	<b>10,004</b>	<b>10,577</b>	<b>11,639</b>	<b>13,808</b>	<b>15,030</b>	<b>16,980</b>
<b>KDNK pada harga pembeli</b>	<b>821,434</b>	<b>864,920</b>	<b>912,261</b>	<b>955,080</b>	<b>1,012,449</b>	<b>1,063,998</b>	<b>1,108,935</b>	<b>1,174,329</b>

**Jadual 6.2: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, Malaysia, 2011-2017**  
**- Perubahan peratusan tahunan**

								(%)
Jenis aktiviti ekonomi	2011	2012	2013	2014	2015	2016 <sup>e</sup>	2017 <sup>p</sup>	
<b>1. Pertanian</b>	<b>6.8</b>	<b>1.0</b>	<b>2.0</b>	<b>2.0</b>	<b>1.4</b>	<b>-5.2</b>	<b>7.2</b>	
1.1 Getah	6.0	-7.9	-9.9	-19.0	8.1	-6.3	9.3	
1.2 Kelapa sawit	10.8	-0.3	2.7	2.4	1.3	-12.7	16.0	
1.3 Ternakan	10.2	8.3	9.3	7.9	2.4	3.7	5.3	
1.3.1 Ternakan ayam dan itik	11.2	10.9	10.3	10.1	3.4	4.3	5.3	
1.3.2 Lembu/ kerbau	10.7	-2.1	9.6	2.2	-8.5	-1.3	4.1	
1.3.3 Ternakan lain	8.3	7.5	7.1	5.5	4.1	3.8	5.5	
1.4 Pertanian lain	6.6	7.6	8.3	8.1	3.3	4.3	2.1	
1.4.1 Padi	7.3	1.6	3.5	4.1	-1.0	1.8	-4.5	
1.4.2 Sayur-sayuran	7.9	10.1	10.6	7.8	4.4	5.7	3.4	
1.4.3 Buah-buahan	9.1	5.8	9.4	8.8	3.5	4.4	2.9	
1.4.4 Tanaman makanan	3.1	13.9	7.6	9.7	4.5	3.7	1.7	
1.4.5 Lain-lain	-1.5	-6.4	1.6	12.0	-0.4	2.5	5.1	
1.5 Perhutanan dan pembalakan	-6.7	-4.1	-7.6	2.6	-7.9	-3.0	-15.7	
1.6 Perikanan	1.7	4.4	1.8	2.0	0.7	2.2	-2.1	
1.6.1 Perikanan laut	2.7	3.2	2.9	1.5	1.0	4.7	-5.2	
1.6.2 Akuakultur	-0.2	7.1	-0.5	3.2	0.1	-2.9	4.6	
<b>2. Perlombongan dan pengkuarian</b>	<b>-4.9</b>	<b>1.6</b>	<b>1.2</b>	<b>3.3</b>	<b>5.3</b>	<b>2.1</b>	<b>1.0</b>	
2.1 Minyak mentah dan kondensat	-10.8	2.3	-2.7	4.9	10.4	0.6	-2.7	
2.2 Gas asli	1.0	-0.7	4.4	0.9	-1.0	3.0	4.0	
2.3 Perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan	5.2	17.6	9.8	10.1	13.7	7.1	7.5	
<b>3. Pembuatan</b>	<b>5.4</b>	<b>4.4</b>	<b>3.4</b>	<b>6.1</b>	<b>4.8</b>	<b>4.4</b>	<b>6.0</b>	
3.1 Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan	11.4	-3.2	6.3	6.1	-3.3	-4.9	17.5	
3.2 Prosesan makanan	5.2	11.6	2.5	5.3	2.2	8.8	3.7	
3.3 Minuman	8.6	-2.7	-1.0	17.1	9.6	9.3	8.9	
3.4 Produk tembakau	6.5	7.2	-12.1	3.7	7.4	2.7	2.0	
3.5 Tekstil dan pakaian	11.7	-8.8	1.5	10.8	6.3	5.9	8.2	
3.6 Kulit dan produk berkaitan	21.2	4.7	5.1	8.6	7.2	7.1	5.4	
3.7 Keluaran kayu	-4.1	1.9	2.6	10.0	6.4	5.2	4.2	
3.8 Kertas dan produk kertas	5.1	5.3	0.1	-0.4	1.3	4.1	4.4	
3.9 Percetakan dan pengeluaran semula media rakaman	6.9	1.7	1.7	12.4	9.1	7.0	5.4	

**Jadual 6.2: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, Malaysia, 2011-2017 (samb.)**  
**- Perubahan peratusan tahunan**

(%)

Jenis aktiviti ekonomi	2011	2012	2013	2014	2015	2016 <sup>e</sup>	2017 <sup>p</sup>
3.10 Produk petroleum bertapis	6.5	3.9	-3.6	0.5	1.2	3.4	3.5
3.11 Bahan kimia & produk kimia dan produk farmaseutikal	4.6	6.5	-0.2	3.0	5.2	5.9	4.5
3.12 Produk getah	12.8	2.3	8.7	-3.0	3.6	3.0	6.2
3.13 Produk plastik	22.1	12.9	10.8	5.5	1.1	5.4	3.1
3.14 Produk mineral bukan logam	22.8	4.6	-5.0	7.0	6.7	5.5	5.2
3.15 Logam asas	5.0	-7.3	2.9	2.1	1.3	2.2	4.1
3.16 Produk logam yang direka	22.8	15.1	10.7	2.7	4.0	5.3	4.5
3.17 Jentera dan peralatan	10.2	3.0	-0.4	7.2	6.4	4.5	5.6
3.18 Komputer dan kelengkapan peranti	-25.6	-6.5	3.5	2.2	-0.4	5.2	-6.6
3.19 Kelengkapan elektrik	8.8	2.9	0.4	5.8	5.3	7.0	9.1
3.20 Komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna	0.4	2.2	7.3	13.2	10.5	7.7	10.0
3.21 Pembuatan peralatan perubatan, ketepatan & optik, jam tangan dan jam	1.8	1.2	6.4	1.9	4.2	7.6	2.7
3.22 Kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan	-1.4	10.9	12.8	10.8	4.7	-3.6	5.1
3.23 Perabot	2.6	7.5	-6.9	2.9	4.5	9.6	4.9
3.24 Pembuatan lain dan pembaikan & pemasangan mesin dan kelengkapan	1.5	6.9	10.1	-3.1	7.1	11.5	6.2
<b>4. Pembinaan</b>	<b>4.6</b>	<b>18.1</b>	<b>10.6</b>	<b>11.7</b>	<b>8.4</b>	<b>7.4</b>	<b>6.7</b>
4.1 Bangunan kediaman	11.9	21.2	13.0	19.2	6.7	8.5	2.6
4.2 Bangunan bukan kediaman	2.6	11.7	7.5	13.2	10.5	-1.1	2.1
4.3 Kejuruteraan awam	0.8	28.4	12.1	3.0	9.2	15.7	13.7
4.4 Aktiviti pembinaan pertukangan khas	5.0	10.0	9.8	13.3	6.5	6.1	7.6
<b>5. Perkhidmatan</b>	<b>7.0</b>	<b>6.5</b>	<b>5.9</b>	<b>6.6</b>	<b>5.3</b>	<b>5.7</b>	<b>6.2</b>
5.1 Utiliti	3.9	4.9	4.4	3.8	3.7	5.4	2.9
5.1.1 Elektrik dan gas	4.0	5.0	4.4	3.6	3.1	5.0	2.0
5.1.2 Air, pembentungan dan pengurusan sisa	3.9	4.2	4.4	4.8	5.8	6.7	6.0
5.2 Perdagangan borong dan runcit	6.8	4.6	6.3	8.9	7.0	6.3	7.1
5.2.1 Perdagangan borong	8.5	3.2	5.6	8.6	9.3	8.3	6.5
5.2.2 Perdagangan runcit	6.6	5.9	8.0	9.9	5.5	7.1	9.4
5.2.3 Kenderaan bermotor	2.2	4.7	3.0	6.6	4.2	-3.0	1.2

**Jadual 6.2: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, Malaysia, 2011-2017 (samb.)**  
**- Perubahan peratusan tahunan**

(%)

Jenis aktiviti ekonomi	2011	2012	2013	2014	2015	2016 <sup>e</sup>	2017 <sup>p</sup>
5.3 Makanan & minuman dan penginapan	6.2	5.6	5.9	6.5	6.4	7.1	7.4
5.3.1 Makanan dan minuman	7.0	6.5	6.8	7.4	7.2	7.8	8.1
5.3.2 Penginapan	3.7	2.9	2.9	3.5	3.5	4.5	5.2
5.4 Pengangkutan dan penyimpanan	5.6	4.8	4.6	5.4	5.8	5.7	6.2
5.4.1 Pengangkutan darat	5.1	5.4	4.4	6.0	6.4	6.7	6.9
5.4.2 Pengangkutan air	5.1	2.4	1.7	-2.1	1.9	1.4	2.0
5.4.3 Pengangkutan udara	1.4	0.9	4.4	4.1	2.7	3.0	3.1
5.4.4 Pelabuhan dan operasi lapangan terbang	7.7	8.3	5.3	7.9	7.2	7.1	8.3
5.4.5 Operasi lebuh raya	9.1	7.8	7.3	9.6	8.8	8.5	8.1
5.4.6 Aktiviti sokongan untuk pengangkutan	4.7	5.6	4.3	5.9	6.1	5.7	7.0
5.4.7 Pos dan kurier	8.1	-1.7	4.6	5.9	6.1	6.2	7.5
5.5 Maklumat dan komunikasi	7.4	8.9	9.1	10.0	9.5	8.1	8.4
5.5.1 Maklumat	-2.4	6.4	5.7	6.4	4.9	3.8	6.6
5.5.2 Komunikasi	9.6	10.3	10.6	10.6	9.9	9.3	9.1
5.5.3 Perkhidmatan komputer	6.7	5.4	6.1	10.0	10.9	6.1	6.7
5.6 Kewangan	6.3	5.3	2.2	1.8	-0.1	1.3	4.9
5.6.1 Pengantara kewangan	6.1	4.8	1.7	1.2	-0.4	1.5	4.4
5.6.2 Lain-lain pengantara kewangan dan aktiviti sokongan kewangan	8.6	10.5	6.2	6.7	2.7	0.1	9.3
5.7 Insurans	8.6	16.0	1.5	4.0	-1.7	6.5	3.7
5.7.1 Insurans dan tabungan pencen	8.5	16.3	1.4	4.1	-1.8	6.7	3.6
5.7.2 Aktiviti sokongan insurans	11.8	6.1	6.2	-0.1	3.1	2.7	6.9
5.8 Hartanah	4.3	5.0	5.2	5.7	4.8	4.8	4.9
5.9 Perkhidmatan perniagaan	6.7	9.0	9.5	9.2	7.4	7.9	8.6
5.9.1 Profesional, saintifik dan teknikal	7.0	10.6	10.3	8.8	7.6	8.3	9.3
5.9.2 Pentadbiran dan khidmat sokongan	6.2	5.7	7.9	10.0	7.2	7.1	7.1
5.10 Kediaman yang didiami oleh pemilik	2.5	1.7	3.6	3.9	4.4	4.6	4.7
5.11 Perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian	7.2	6.8	7.3	5.6	5.2	5.2	5.5
5.11.1 Perkhidmatan kesihatan swasta	5.1	5.9	5.7	5.3	5.5	5.5	5.6
5.11.2 Perkhidmatan pendidikan swasta	7.6	7.8	6.7	7.3	7.3	6.7	6.4
5.11.3 Perkhidmatan swasta lain	8.2	6.7	8.7	4.7	3.5	3.9	4.7

**Jadual 6.2: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, Malaysia, 2011-2017 (samb.)**  
**- Perubahan peratusan tahunan**

								(%)
Jenis aktiviti ekonomi	2011	2012	2013	2014	2015	2016 <sup>e</sup>	2017 <sup>p</sup>	
5.12 Perkhidmatan kerajaan	11.1	9.6	7.4	6.3	4.2	4.9	4.9	
5.12.1 Perkhidmatan awam am	9.2	4.1	18.7	21.9	18.1	3.0	4.8	
5.12.2 Pertahanan	13.9	7.7	6.3	5.2	1.5	3.3	4.7	
5.12.3 Ketenteraman dan keselamatan awam	15.6	9.0	4.4	4.7	2.0	-0.7	3.2	
5.12.4 Perkhidmatan ekonomi	7.4	0.3	11.7	2.0	4.1	6.3	5.7	
5.12.5 Perlindungan alam sekitar	10.1	-3.9	12.4	30.2	2.2	2.3	1.9	
5.12.6 Kemudahan perumahan dan kemasyarakatan	1.8	0.8	17.0	0.8	2.3	20.2	10.1	
5.12.7 Kesihatan	7.3	16.1	5.7	7.3	3.1	8.8	4.6	
5.12.8 Rekreasi, kebudayaan dan keagamaan	4.8	16.3	28.2	-16.5	5.4	10.5	3.2	
5.12.9 Pendidikan	12.5	12.3	4.1	3.8	1.0	5.6	5.4	
5.12.10 Perlindungan sosial	6.2	-5.8	4.0	6.2	-4.3	-2.4	-1.0	
5.13 Institusi bukan keuntungan yang berkhidmat kepada isi rumah	1.4	2.1	2.4	3.0	6.1	2.9	3.2	
5.14 Perkhidmatan domestik bagi isi rumah	1.1	0.9	1.0	0.9	0.6	1.4	1.5	
<b>6. tambah Duti import</b>	<b>12.8</b>	<b>15.6</b>	<b>5.7</b>	<b>10.0</b>	<b>18.6</b>	<b>8.8</b>	<b>13.0</b>	
<b>KDNK pada harga pembeli</b>	<b>5.3</b>	<b>5.5</b>	<b>4.7</b>	<b>6.0</b>	<b>5.1</b>	<b>4.2</b>	<b>5.9</b>	

**Jadual 6.3: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2010, Malaysia, 2010-2017**  
**- Sumbangan peratusan kepada KDNK**

	(%)							
Jenis aktiviti ekonomi	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016 <sup>e</sup>	2017 <sup>p</sup>
<b>1. Pertanian</b>	<b>10.1</b>	<b>10.2</b>	<b>9.8</b>	<b>9.5</b>	<b>9.2</b>	<b>8.9</b>	<b>8.1</b>	<b>8.2</b>
1.1 Getah	1.1	1.1	0.9	0.8	0.6	0.6	0.6	0.6
1.2 Kelapa sawit	4.6	4.8	4.5	4.5	4.3	4.1	3.5	3.8
1.3 Ternakan	0.8	0.9	0.9	1.0	1.0	0.9	0.9	0.9
1.3.1 Ternakan ayam dan itik	0.5	0.5	0.5	0.6	0.6	0.6	0.6	0.6
1.3.2 Lembu/ kerbau	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
1.3.3 Ternakan lain	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3
1.4 Pertanian lain	1.5	1.5	1.5	1.6	1.6	1.6	1.6	1.5
1.4.1 Padi	0.2	0.2	0.2	0.2	0.2	0.2	0.2	0.2
1.4.2 Sayur-sayuran	0.5	0.5	0.6	0.6	0.6	0.6	0.6	0.6
1.4.3 Buah-buahan	0.4	0.4	0.4	0.4	0.4	0.4	0.4	0.4
1.4.4 Tanaman makanan	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3
1.4.5 Lain-lain	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
1.5 Perhutanan dan pembalakan	1.0	0.9	0.8	0.7	0.7	0.6	0.6	0.5
1.6 Perikanan	1.1	1.1	1.1	1.0	1.0	0.9	0.9	0.9
1.6.1 Perikanan laut	0.7	0.7	0.7	0.7	0.7	0.6	0.6	0.6
1.6.2 Akuakultur	0.4	0.4	0.4	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3
<b>2. Perlombongan dan pengkuarian</b>	<b>10.9</b>	<b>9.9</b>	<b>9.5</b>	<b>9.2</b>	<b>9.0</b>	<b>9.0</b>	<b>8.8</b>	<b>8.4</b>
2.1 Minyak mentah dan kondensat	5.6	4.8	4.6	4.3	4.2	4.5	4.3	4.0
2.2 Gas asli	4.9	4.7	4.4	4.4	4.2	3.9	3.9	3.8
2.3 Perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan	0.4	0.4	0.5	0.5	0.5	0.6	0.6	0.6
<b>3. Pembuatan</b>	<b>23.4</b>	<b>23.5</b>	<b>23.2</b>	<b>22.9</b>	<b>23.0</b>	<b>22.9</b>	<b>22.9</b>	<b>23.0</b>
3.1 Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan	1.1	1.2	1.1	1.1	1.1	1.0	0.9	1.0
3.2 Prosesan makanan	1.0	1.0	1.1	1.1	1.0	1.0	1.1	1.0
3.3 Minuman	0.5	0.5	0.4	0.4	0.5	0.5	0.5	0.5
